

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

**HARI KETIGA**

**ISNIN, 1 JULAI 2019**

**BIL. 5 TAHUN 14**

**HADIR**

**YB Speaker,**

Tuan Suhaizan bin Kaiat

**YB Timbalan Speaker,**

Puan Gan Peck Cheng

(Penggaram)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi**

Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan

(Parit Yaani)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia**

Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad

(Kota Iskandar)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat**

Cik Liow Cai Tung

(Johor Jaya)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti**

Tuan Jimmy Puah Wee Tse

(Bukit Batu)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna**

Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah

(Bekok)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan  
dan Koperasi**

Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali

(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan  
Pembangunan Luar Bandar**

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi, PIS II., BSI., AMN

(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar  
dan Alam Sekitar**

Tuan Tan Chen Choon

(Jementah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri

(Tenang)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, SPMJ., DSNS., AMN., PIS.  
(Kempas)

YB Tuan Tan Hong Pin  
(Skudai)

YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang  
(Puteri Wangsa)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong  
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How  
(Perling)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni  
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad  
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor  
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full  
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit  
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong  
(Senai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.  
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok  
(Maharani)

YB Tuan Muhammad Taquiuddin bin Cheman  
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim  
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam  
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain  
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari  
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.  
(Endau)

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad, GPKD., PIS., PSI., AMN., KMN.  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.  
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.  
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.  
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep  
(Bukit Pasir)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

#### **YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor**

Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

#### **YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan**

Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar  
(Semerah)

YB Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,  
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM  
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN.  
(Simpang Jeram)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan  
(Serom)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS

**Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullah. Selamat pagi dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, insya-Allah pada hari ini kita akan menyambung Persidangan pagi dan semalam saya dapat meneliti beberapa perbahasan dalam usaha untuk memperkasakan Dewan. Saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyentuh dengan baik ya, untuk memperkasakan lagi Dewan dan insya-Allah pada 2 dan 3 September akan datang ini kita akan melaksanakan satu bengkel memperkasakan Dewan dan kita akan libatkan semua ADUN untuk terlibat berikan pandangan bagaimana kita boleh memperkasakan Dewan yang mulia ini.

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Semarang, jemput.

**YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam menangani liberalisme dalam negeri Johor?

**YB Speaker :** Jemput, Yang Berhormat EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin juga nak mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, minal aidil walfaizin, maaf zahir batin daripada saya kepada semua Ahli Dewan. Berhubung dengan soalan daripada sahabat saya, mengenai fahaman liberalisme di negeri Johor sebenarnya masih terkawal. Tetapi tetap dipandang serius oleh kerajaan negeri. Sentiasa melaksanakan usaha secara berterusan untuk membendung penuliran fahaman liberalisme dengan melakukan risikan dan pemantauan bagi membendung fahaman sesat ini dari terus tersebar. Usaha-usaha kerajaan dalam mempertahankan akidah rakyat negeri Johor ini dilakukan dengan pemantauan berterusan terhadap media masa seperti *Instagram*, *Facebook*, *WhatsApp* dan *Skype*. Di samping itu juga, kerajaan turut menerbitkan buku-buku yang bertajuk ancaman liberalisme dan pluralisme, mengadakan program-program tapak ko-ilmu serta menyebarkan isu ancaman dan penyelewengan melalui khutbah-khutbah Jumaat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, kerjasama dengan Cawangan Khas, pihak Polis Diraja Malaysia juga dilaksanakan secara berterusan bagi memantapkan lagi risikan dan penyaluran maklumat. Tiada tangkapan dan dakwaan terhadap pemikir liberalisme kerana tiada aduan rasmi yang diterima setakat ini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput, Semarang.

**YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan. Dalam era Malaysia baru sekarang ini kita melihat bahawa gejala liberalisme membawa impak yang negatif dan juga ada yang positif. Liberalisme dalam agama, ekonomi, sosial dan yang lain-lain. Dalam negeri Johor ni saya ingin mengetahui apakah fokus Kerajaan Negeri Johor tentang unsur liberalisme, apa jenis

liberalisme yang difokuskan oleh kerajaan negeri dalam usaha menangani unsur liberalisme dalam negeri ini. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar** : Yang Berhormat Tuan Speaker dan sahabat saya dari Semarang. Bagi meneruskan usaha-usaha untuk membanteras golongan liberalisme ini antara usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor Bahagian Penguatkuasaan, sebagai langkah yang pertama, contohnya dalam apa juga temu duga jawatan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan juga Ketua-Ketua Kampung, mereka ini juga ditapis dari sudut yang lebih kritikal untuk memastikan bahawa mereka yang dipilih memegang jawatan dalam pengurusan masjid dan surau dan juga pengendalian kampung tidak terlibat dalam unsur-unsur fahaman ini. Dan, fahaman ini kalau melihat daripada jangkakan Bahagian Penguatkuasaan ia banyak meliputi mereka yang berumur lebih daripada 50 tahun dan ianya kurang sangat di kalangan generasi muda. Dan, mengikut pemerhatian pihak kami bawah 10% umat Islam di Johor yang boleh dijangka terlibat dalam fahaman liberalisme ini. Ini kerana mereka bergerak secara bebas bukan satu persatuan yang berdaftar serta mereka tiada pusat gerakan yang khusus seperti ajaran-ajaran ancaman yang lain.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga bekerjasama dengan Institut Ahli Sunnah Waljamaah iaitu dari Universiti Tun Hussein Onn, bagi memberi kefahaman kepada masyarakat tentang ajaran Islam sebenar berteraskan akidah Ahli Sunnah Waljamaah melalui slot-slot seminar di semua institut pendidikan awam dan swasta dalam negeri Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Semarang, insya-Allah kami memang mengambil berat perkara ini dan kami akan memastikan bahawa Johor akan menjadi negeri yang bebas dari fahaman ini. Terima kasih.

**YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat, jawapan tadi mengatakan bahawa tak lebih 10% yang mengembangkan idea liberalisme ini. Satu angka yang besar, Yang Berhormat 9% lah katakan bawah 10%. Jadi berapa, cuba Yang Berhormat kira berapa tu, 9% daripada penduduk Islam yang ada di negeri Johor dan dari fahaman Yang Berhormat juga banyak 50 tahun ke atas. Jadi, apakah sebenarnya fahaman atau takrifan liberalisme yang dimaksudkan oleh jawapan Yang Berhormat tadi?

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar** : Yang Berhormat Tuan Speaker dan Dewan yang mulia. Kebanyakan golongan yang lebih 50 tahun ini dia mengamalkan pemikiran yang agak bebas, pemikiran yang tidak menetapkan tentang satu perkara, tentang hukum kita umpamanya. Daripada segi peratus jumlah yang ditafsirkan di bawah 10%, insya-Allah, saya akan berikan jawapan bertulis kepada soalan daripada Yang Berhormat Benut tadi, insya-Allah. Daripada segi perkara-perkara yang melibatkan umur, jantina, mereka yang terlibat ini daripada risikan Bahagian Penguatkuasaan, Majlis Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Insya-Allah, perkara yang lebih *detail* saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada soalan Yang Berhormat Semarang dan Yang Berhormat Benut. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Seterusnya, Yang Berhormat Sri Medan, jemput.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

Belia merupakan aset terpenting Negara untuk menjadi pemimpin pada masa akan datang. Untuk melihat bagaimana Negara pada masa akan datang, lihatlah belia pada hari ini.

Apakah pelan pembangunan ataupun aktiviti yang telah dirancang untuk belia pada tahun 2019 dan bilakah hari belia akan diadakan?

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tuan Speaker, seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih saya ucapkan kepada Sri Medan atas soalan yang telah dikemukakan sebentar tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli Dewan sekalian, kerajaan sememangnya menyedari kepentingan golongan belia yang merupakan aset kepada negara selaku pemimpin pelapis pada masa akan datang tak kira di peringkat negeri Johor mahupun peringkat nasional.

Sehubungan dengan itu, beberapa program telah pun dirancang untuk kita laksanakan pada 2019, sebagai satu *platform* kepada golongan belia untuk mengembangkan kebolehan dan potensi diri mereka. Dan, program-program ini suka untuk saya nyatakan bahawa ada program-program yang sememangnya telah dilaksanakan dan insya-Allah akan dilaksanakan pada tahun-tahun yang akan mendatang ini. Di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor pastilah beberapa program telah dirancang untuk dilaksanakan di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri yang melibatkan beberapa elemen antaranya ialah elemen kepimpinan, keusahawanan mahupun kesukarelawanan. Antaranya, adalah seperti mana yang kita semua sedia maklum kita ada Majlis Rundingan Belia di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah masing-masing yang dianggotai oleh para pemimpin pertubuhan-pertubuhan belia, agensi-agensi kerajaan, badan politik dan akademik untuk membincangkan perkara-perkara yang bersifat dasar dan juga program-program pembangunan belia ianya berperanan sebagai medan ataupun badan perunding ataupun medan perundingan kepada pertubuhan belia khususnya berkaitan isu-isu yang melibatkan dasar dan isu-isu yang melibatkan pembangunan yang khusus menyentuh soal-soal berkaitan dengan belia.

Antara program-program yang telah dijalankan dan masih diteruskan, insya-Allah Kursus Kepimpinan Organisasi yang konsep programnya adalah selama lebih kurang 3 hari 2 malam dan melibatkan seramai 400 orang pemimpin pertubuhan belia di seluruh negeri Johor. Cuma untuk rekod dalam Dewan yang mulia ini, sehingga bulan 6, kita baru melaksanakan daripada 10 daerah, kita laksanakan 5 daerah dan sasaran kita telah pun mencapai 200 orang penyertaan. Dan, daerah-daerah yang telah pun dilibatkan untuk separuh tahun ini adalah daerah Pontian, Kulai, Mersing, Kluang dan juga Batu Pahat. Kursus yang dianjurkan iaitu Kursus Kepimpinan Organisasi ini, ia merangkumi elemen kepimpinan, komunikasi, *soft skill*, dokumentasi, pengurusan kewangan, pengurusan sendiri bagi melatih pemimpin-pemimpin pelapis dalam pertubuhan ataupun organisasi di pelbagai peringkat. Di samping itu, kita melahirkan tenaga pelatih sama ada sebagai penceramah, sebagai moderator, sebagai fasilitator, mahupun jurulatih dalam bidang kepimpinan.

Kursus Kepimpinan Organisasi yang dilaksanakan ini merupakan satu mekanisme yang pada masa ini kita lihat sebagai mekanisme yang tersusun dan boleh jadi terbaik untuk masa ini bagi meningkatkan prestasi organisasi dan juga kepimpinan ataupun melatih kepimpinan di peringkat belia. Selain itu, jika kita lihat di peringkat kebangsaan, yang mana dia punya pelaksanaan itu melibatkan peringkat negeri yang dilaksanakan Kementerian Belia dan Sukan, kita juga masih meneruskan Program *Felo Perdana* dan juga *Felo Korporat* di mana latihan-latihan secara *mentoring* dan juga *internship* dengan izin, diguna pakai memandangkan di mana pemimpin dalam lapangan generasi y atau pada hari ini kita sudah bercakap tentang generasi z memerlukan *role model* dengan izin untuk membina profesionalisme kepimpinan dalam peringkat tertinggi. Di bawah program yang saya nyatakan tadi, *Felo Perdana* dan juga *Felo Korporat* kalau kita lihat pertamanya, *Felo Perdana* Mahasiswa dan juga graduan khususnya yang terlibat dalam program ini sebagai Menti yang terpilih akan ditempatkan di pejabat-pejabat Ahli Jemaah menteri untuk

didedahkan dengan proses penggubalan dasar kerajaan serta perjalanan pelaksanaannya mengikut portfolio kementerian-kementerian yang berkaitan.

Manakala di bawah program *felo* korporat pula menti yang kita sebutkan tadi akan ditempatkan di pejabat-pejabat Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif sama ada di GLC-GLC yang berkaitan untuk mendapatkan pendedahan akan kompetensi kepimpinan berasaskan perniagaan dan yang sewaktu dengannya.

Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, dalam menyediakan ruang kepada anak muda untuk menyuarakan pandangan-pandangan dan buah fikiran mereka, Kementerian Belia dan Sukan juga turut mewujudkan satu program Parlimen Belia Malaysia di peringkat persekutuan. Ia merupakan satu platform yang cukup baik untuk kita mencungkil bakat anak muda dan menjadi perantara antara belia dan juga kerajaan untuk mereka mengangkat pandangan dan juga pendapat mereka masing-masing dan sebagai pendedahan kepada sistem demokrasi di negara kita. Walaupun program ini pelaksanaannya di peringkat persekutuan, asasnya di peringkat persekutuan namun secara teknikal dan praktikalnya ia dilaksanakan di peringkat negeri masing-masing dan juga sehingga ke tahap ini sehingga 30 Jun 2019, kita sudah pun menjalankan sesi pencalonan, calon Parlimen Belia yang turut melibatkan 14 kuota Parlimen belia dari negeri Johor. Sidang Dewan yang saya hormati sekalian, dalam bidang keusahawanan pula ada program-program di sana kita sebut sebagai Program *Youth Career* ataupun *Y Career*, dengan izin, akan diteruskan dan tahun ini merupakan tahun yang kedua di mana ia memberi *access* kepada belia miskin terutama di kawasan luar-luar bandar mengikut latihan kemahiran yang asas ataupun yang ringan menerusi majikan dalam bidang-bidang tertentu seperti jahitan, membaiki pulih komputer, membaiki motosikal dan sebagainya. Selain itu juga, kita ada juga meneruskan *Programme Youth Business Expo, Y Back*. Di mana perasmian penutupnya pada malam tadi bertujuan untuk membangunkan budaya keusahawanan di kalangan anak muda daripada hobi menjadi pendapatan, untuk mereka memastikan dari segi sosioekonomi belia dan juga anak muda dapat kita mengambil berat sepanjang daripada kepimpinan ini.

Sejajar dengan strategik di peringkat persekutuan dan kerajaan negeri juga bagi mengukuh dan menyerlahkan lagi potensi golongan belia, jika di Johor ini yang mana kita semua pun saya yakin sudah pernah dimaklumkan Iskandar Regional Development Authority ataupun IRDA juga telah menjalankan beberapa aktiviti ataupun mengambil beberapa inisiatif untuk memangkin ataupun memperdaya anak muda. Antaranya ialah di peringkat IRDA membantu kita untuk menganjurkan satu program yang dipanggil *Iskandar Malaysia Youth Empowerment Fund (I Am Power)* yang menyediakan dana, untuk membiayai penganjuran program-program belia dalam kawasan yang melibatkan kawasan Iskandar Malaysia. Dan, antara objektif *I Am Power*, adalah untuk memperkasa belia dalam menjadi penyelesaian masalah utama yang sering dihadapi oleh komuniti setempat di samping meningkatkan penglibatan belia dalam aktiviti pembangunan negara dan seterusnya mengubah komuniti setempat ke arah masyarakat yang inklusif selain memastikan suara belia didengari melalui program yang kita laksanakan ini.

Selain itu juga, di bawah IRDA kita ada menganjurkan *Johor Student Leaders Council (JSLC)* yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang berobjektifkan untuk membentuk kepimpinan muda yang berupaya menyelesaikan masalah dengan kreatif melalui latihan kepimpinan yang eksklusif di samping kita memperkembangkan lagi kemahiran pemimpin-pemimpin muda dalam kalangan rakan sebaya.

Selain itu, Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati, yang saya hormati juga Tuan Speaker, untuk kita menghargai sumbangan dan juga peranan yang telah dimainkan oleh golongan belia dalam pembangunan negara khususnya pembangunan golongan belia itu sendiri, sambutan Hari Belia Negara 2019 peringkat negeri Johor telah pun kita sempurnakan pada 29 Jun 2019, pada hari Sabtu yang lalu dan bertempat di Dataran Penggaram, Batu Pahat. Semasa sambutan Hari Belia ini diadakan, Anugerah Perdana Belia Negeri Johor bagi

kategori Pertubuhan Belia serta kategori Individu Belia Lelaki dan Wanita telah pun kita sampaikan. Selain itu, kerajaan negeri juga ada menganjurkan pelbagai program yang antaranya ialah program-program kesukarelawanan, program-program kebajikan, program-program *training of trainer*, kemudian program-program yang melibatkan keusahawanan belia melalui Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor (JOYDEC) dan juga program-program ini disusun ataupun diatur di peringkat JOYDEC lebih bersifat *massive* ataupun lebih ke akar umbi untuk menyantuni belia-belia yang lebih ramai lagi di peringkat daerah-daerah di seluruh negeri Johor, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya Sri Medan, soalan tambahan.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih atas jawapan yang panjang lebar daripada EXCO Belia dan Sukan. Terutama sekali saya ucap tahniahlah kepada YB Paloh kerana dilantik sebagai EXCO Belia dan Sukan. Cuma kita semua akui bahawa belia ini memang aset yang terpenting pada pembangunan untuk masa depan negeri Johor. Apa yang saya nak tanya kepada sebagai dalam satu soalan tambahan, iaitu ada ura-ura atau cadangan yang mengatakan untuk menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun...

**YB Speaker** : Ini terkeluar ni Yang Berhormat ni.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Ini ada kaitan dengan aset sebagai aset negeri Johor. Adakah belia ini bila diturunkan kepada had mengundi kepada 18 tahun akan mengganggu perkembangan semula jadi belia yang sewajarnya pada umur tersebut belia-belia ini masih bersekolah atau belajar di IPTA dan IPTS kerana kita khuatir dengan penglibatan belia-belia terlalu awal dalam sistem demokrasi dalam negara kita akan menjejaskan kegagalan dalam persekolahan dan juga ketika menuntut di IPTA atau IPTS? Saya mohon pandangan YB sama ada cadangan ini sesuai untuk dilaksanakan dalam negara kita Malaysia, terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan ini agak terkeluar daripada soalan asal, terpulanglah kepada YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat Sri Medan yang bertanya berkaitan dengan soal umur belia. Saya melihat bahawa perkara ini masih lagi dalam proses perbincangan dan belum lagi diputuskan secara tuntas menjadi satu dasar di peringkat negeri ataupun di peringkat *federal*. Jadi, saya rasa sebelum sebarang keputusan yang tuntas dikemukakan dalam bentuk dasar, saya rasa semua pihak berhak untuk memberikan pandangan dan juga cadangan. Cuma, pada pandangan dan hemat saya sendiri bahawa sekiranya kita lihat dari segi umur belia ini sebenarnya dalam banyak hal juga ia juga berkaitan dengan orang selalu memperkatakan tentang kematangan belia. Namun sebagai sebuah kerajaan yang berperanan sebagai pelaksana penggaris dasar saya melihat bahawa sekiranya umur belia ini sama ada dipanjangkan ataupun dipendekkan ataupun dikompreskan lagi saya rasa perkara yang lebih penting ialah pengisian kepada agenda belia itu sendiri. Ramai orang berkata contohnya sekarang ini, belia sehingga kepada umur 40. Jadi bila kita sebut belia sehingga umur 40 kemudian ada orang kata sampai dah berjanggut pun sebagai contoh, masih belia lagi ke? So, ini satu antara, antara satu-satu ataupun antara banyak-banyak pandangan yang...

**YB Speaker** : Umur 20 tahun pun ada janggut Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi** : Jadi, saya rasa apa-apa juga keputusan ataupun dasar yang dibuat yang baru di peringkat kerajaan saya ingat di peringkat kerajaan negeri, kita bersedia untuk menerimanya asalkan perkara yang lebih penting ataupun *content* ataupun pengisian kepada belia itu mesti kita terapkan dengan secara komprehensif. Jadi, saya cukup yakin

dan percaya dan saya cukup optimis, apa juga umur belia yang akan ditetapkan di peringkat dasar, di peringkat persekutuan dan akan diambil juga, diguna pakai di peringkat negeri, saya ingat pengisian dan juga *content*, dengan izin, itu lebih penting untuk kita bincangkan selepas daripada ini, terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya, Stulang, jemput

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Yang Berhormat Speaker, Soalan saya No. 3.

Apakah kesan perang dagangan China-USA terhadap sentimen pelaburan negeri Johor?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti** : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih terdahulu kepada Yang Berhormat Stulang kerana membangkitkan soalan yang agak relevan pada masa kini.

Yang Berhormat Speaker, perang dagang atau *trade war* antara 2 kuasa besar ekonomi dunia, iaitu Amerika Syarikat dan China sudah bermula sejak bulan Julai 2018 lagi. Apabila Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump menaikkan tarif ke atas barangan China bernilai USD200 bilion dan sememangnya ada rancangan untuk mengambil langkah lagi, untuk mengenakan lagi tarif tambahan sebanyak 25% terhadap lebih 5,700 kategori produk yang diimport daripada China yang bernilai USD300 bilion sebelum Mesyuarat G20 Summit yang baru-baru sahaja habis pada 29 Jun di Osaka. Manakala China pula telah membalas semula dengan kenaikan tarif ke atas senarai barangan Amerika Syarikat yang bernilai hampir USD60 bilion. Ketegangan perang perdagangan Amerika Syarikat dan China ini bukan sahaja memberi impak kepada perdagangan dan pertumbuhan global tetapi turut menjejaskan rantai bekalan yang memberi kesan kepada perniagaan, pekerjaan dan pengguna di seluruh dunia. Kesan negatif daripada perang perdagangan ini dijangka menaikkan dan meningkatkan lagi kos perniagaan dan ketidakstabilan pasaran kewangan global serta menjejaskan keyakinan pelabur termasuk juga di Malaysia dan juga rantau Asia Tenggara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut laporan tinjauan ekonomi 2019 yang diterbitkan dan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, sebarang perkembangan yang berlaku kepada rakan dagangan negara utama kita ini akan memberi kesan langsung dan tidak langsung ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negara China adalah negara yang mempunyai paling banyak FDI, *Foreign Direct Investment* ke Johor dan Amerika Syarikat adalah yang ketiga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Amerika Syarikat menyumbang 20% kepada ekonomi global manakala China menyumbang sebanyak 16% dalam ekonomi global dan sebarang pertikaian berpanjangan akan tentunya menjejaskan perdagangan global di, termasuk juga di Malaysia.

Walau bagaimanapun, walaupun banyak negara yang terjejas akibat daripada krisis yang melanda ini, namun buat masa ini kelihatannya negara kita antara negara yang boleh dikatakan bertuah dan boleh mendapat sedikit sebanyak manfaat dengan syarat kita perlu lebih proaktif agar dapat menghidu lebih banyak peluang untuk diambil hasil daripada perang dagang ini. Sebagai contoh, banyak syarikat dari negara China yang mendapat tempias akibat krisis perang perdagangan ini, antara 2 negara gergasi, ini sebenarnya sedang menjalankan kajian pasaran dan berhasrat untuk memindahkan perniagaan industri dan kilang mereka ke rantau Asia Tenggara termasuklah juga di Malaysia. Bagi sentimen pelaburan di negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor yakin bahawa 3 misi dagangan tahun ini sahaja yang telah kami buat ke China pada bulan Mac, bulan April, bulan Mei lepas dapat menarik pelaburan syarikat pembuatan yang terjejas akibat Perang Dagangan antara Amerika Syarikat dan China ini dan akan mula membuah hasil, harap-harapnya pada akhir tahun ini. Malah setakat hari ini, saya boleh memaklumkan kepada Dewan yang mulia,

ini terdapat hampir 10 syarikat telah terbabit dalam perbincangan dan disusuli dengan banyak pertanyaan mengenai pelaburan di negeri Johor. Sehingga Mac 2019, nilai pelaburan dari China ke Johor untuk bulan Januari, Februari dan Mac 2019 adalah sebanyak RM718 juta. Dan setakat ini, Johor merupakan negeri yang menerima paling banyak pelaburan dari China, di Malaysia. Dan ini menunjukkan kesan yang positif dan *trend* pelaburan seperti ini akan memberi impak yang besar terhadap iklim pelaburan asing terutamanya dari negara China. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, negeri Johor, kita kena juga *balance* juga, negeri Johor telah merancang untuk mengadakan misi perdagangan dan pelaburan ke Amerika Syarikat pada bulan Julai tahun ini juga bagi menarik pula lebih banyak pelabur-pelabur daripada Amerika Syarikat untuk melabur di negeri Johor. Ini termasuklah beberapa syarikat *high tech* dan juga beberapa syarikat di Amerika Syarikat yang sebenarnya mempunyai kilang di China tetapi HQ dia di Amerika Syarikat yang juga terjejas daripada *global trade war* ini. Kerjasama dengan pelbagai pihak dalam usaha untuk menarik pelabur daripada Amerika Syarikat yang berminat untuk memindahkan operasi perniagaan mereka dari China ke negara-negara lain di rantau Asia. Terutama di Malaysia dan khususnya di Johor akan sentiasa akan dijalankan dengan positif terutamanya dengan *trend* kemasukan pelaburan dari Amerika Syarikat ke negeri Johor pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ya Stulang.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Terima kasih, YB EXCO dengan jawapan yang diberikan. Sebagaimana yang sedia maklum, perang dagangan Amerika Syarikat dan China ini tempoh hari sampai ke kemuncaknya apabila pihak Amerika Syarikat telah menegah syarikat mereka untuk berurusan dengan syarikat China iaitu Huawei. Dan baru-baru ini, di Persidangan Jepun di mana Presiden Donald dan Presiden Xi Jinping telah bersidang di Jepun dan nampaknya Perang dagangan ini ada reda sikit di mana kedua-dua negara bersetuju untuk meneruskan perbincangan berkenaan dengan perang dagangan ini. Jadi, adakah keredaan ini dan sentimen ini akan berubah sentimen pelaburan ke negeri Johor kerana pada mulanya ingin nak masuk ke Malaysia tetapi selepas keredaan ini adakah mereka hasrat mereka akan berubah? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti :** Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Ya, memang untuk makluman Dewan yang mulia ini, seperti yang saya katakan tadi sebenarnya sebelum G20 Summit di Osaka pada 29 Jun memang masa itu Presiden Donald Trump dia berhasrat untuk menaikkan tarif daripada USD200 bilion ke USD300 bilion ke atas produk negara China tetapi dalam G20 Summit tersebut telah ada satu pertemuan yang positif di antara Presiden Donald Trump dengan Presiden Xi Jinping, di mana mereka telah bersetuju untuk memula atau meneruskan semula rundingan semakan untuk perdagangan bebas di antara dua negara ini. Tapi saya, daripada maklumat yang saya dapat Tuan Speaker, sebenarnya syarikat-syarikat di China ini sebenarnya mereka sudah kuaratir, mungkin kali ini dia boleh teruskan, tetapi mereka kuaratir tahun depan atau bulan depan mungkin akan perang balik. Dengan lagi apa yang berlaku sekarang Donald Trump sudah mengumumkan dia akan bertanding lagi untuk *second term* di US, maka saya difahamkan operasi pekilang-pekilang di China, pelabur-pelabur di China, mereka sudah kuaratir dan mereka nak *diversified the risk*, mengagihkan sebarang risiko untuk masa depan. Maka saya masih mengambil ini dengan positif dan secara positifnya kita pun harap *any trade war* di antara Amerika Syarikat dan China sebenarnya kalau boleh, boleh reda dan tak ada. Dia akan membantu ekonomi global untuk terus bertingkat dan saya rasa Johor masih dapat mengambil kesempatan baik ada *trade war* atau tak ada *trade war* ni. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ya Benut.

**YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut)** : Terima kasih Tuan Speaker. Kita mengambil maklum bahawa syarikat *Apple* telah mengeluarkan operasi mereka lebih kurang 50% daripada negara China. Perdagangan selalunya antara dua negara. Jadi untuk negara kita, persiapan negeri Johor untuk menerima limpahan sepertimana Yang Berhormat sebut tadi, apakah pada pandangan Yang Berhormat kekurangan yang ada pada diri kita? Sama ada bekalan tenaga ke ataupun bekalan air ke, yang menjadi kekangan kepada usaha untuk menjadi pilihan utama pemindahan peralihan industri-industri yang berhasrat untuk keluar dari Negara China khususnya oleh pelaburan dari negara Amerika?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Benut yang telah menanya satu soalan yang cukup baik, saya mengakui. Bagi saya, kalau untuk *hi-tech industry* contohnya macam *Apple*, kalau dia nak pindah ke Malaysia ataupun Johor khususnya, cabaran yang paling besar yang dihadapi oleh negeri Johor adalah dari segi modal insan, *skill worker*. Sebab di Johor ini kita unik, kita ada 2 cabaran. Pertama, kita kena pastikan kita boleh memupuk, mencari *skill worker*, pekerja-pekerja yang ada *skill level* yang tinggi untuk menarik mereka contohnya *Apple* ke Johor.

Dan di Johor unik, kita ada cabaran kedua. Macam mana kita nak memastikan mereka ni tak berpindah ke jiran kita? Sebab dengan 1:3 itu, SD\$1 - RM3 tu, itu menjadi cabaran kita. Tapi pada setiap masa pun dalam ekosistem ini, kita akan cuba mencari penyelesaian yang terbaik. Saya cukup yakin kalau kita ada ekosistem yang baik, kalau kita boleh menaikkan pendapatan sekurang-kurangnya sedikit tinggi lagi untuk pekerja-pekerja kita, kita masih dapat menarik banyak-banyak *talent* ke Johor dan kalau kita bina satu tempat yang baik untuk mereka bekerja, dengan *carrier prospect*. Prospek karier tu penting. Mungkin mereka boleh pergi kerja Singapore sekarang, mereka boleh dapat gaji yang lebih tinggi, tapi *carrier prospect* mereka mungkin terhad, mungkin terbatas. Kalau di Johor mungkin mereka boleh ada karier yang lebih baik, saya yakin kita dapat membina satu ekosistem untuk menarik syarikat-syarikat seperti hi-tech daripada Amerika Syarikat. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Mengkibol.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol)** : Terima kasih Tuan Speaker. Dalam bulan April, satu lawatan kerja ke Beijing oleh Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan penubuhan satu *one-stop centre* untuk mempermudah kelulusan permohonan pelaburan asing.

Soalan saya, apakah rancangan atau persediaan untuk negeri Johor untuk menubuhkan satu *one-stop centre*...

**YB Speaker** : Ni tak ada kaitan dengan perang dingin ni... perang perdagangan tadi. Apa kaitan dengan perang perdagangan tadi tu?

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol)** : Sebab *one-stop centre* ini dapat menarik dengan menjadikan Johor sebagai satu *option priority*. Terima kasih.

**YB Speaker** : Terpulanglah kepada EXCO nak jawab atau tidak, macam terkeluar daripada soalan asal.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti** : Tak apalah Tuan Speaker, saya pun hanya sentuh sedikit. Untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol, ini merupakan satu pengumuman dan inisiatif daripada pihak *federal*. Dan kami di Johor ini kami sedia, sentiasa sedia untuk bekerjasama dengan pihak MITI sekiranya ada apa-apa arahan daripada federal. Tapi saya hanya nak rumuskan bahawa di Johor kita

sentiasa dan kita memang sedia untuk bekerjasama dan menubuhkan sebarang *one-stop centre* sekiranya ada keperluan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Ada lagi, Tenggaroh dari tadi minta ni, saya berilah peluang.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh)** : Terima kasih Tuan Speaker. Tadi bila kita tengok *trade war*, Yang Berhormat EXCO ada menjawab banyak negara tengah nak dapat daripada limpahan *trade war* ini. So, apa inisiatif yang lain daripada negeri-negeri jiran kita yang Johor boleh wujudkan pada pelabur-pelabur yang dari China ataupun mahupun Amerika Syarikat untuk mereka datang ke Johor khususnya? Sebab inisiatif ini kena lain daripada lain, inisiatif apa yang kita adalah atau akan dicadangkan untuk mereka datang ke negeri Johor? Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti** : Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh. Ingin nak saya jelaskan di sini terdahulu, kita gunakan perkataan insentiflah, bukan inisiatif. Insentif, semua insentif yang diperkenalkan di Malaysia adalah sebenarnya adalah di bawah Pusat, di bawah MITI dan MIDA. Insentif-insentif seperti *pioneer status* ataupun pengurangan duti masuk mesin, semua ini sebenarnya ditentukan oleh pihak federal bukan oleh pihak negeri. Tetapi di pihak negeri, sekiranya ada apa-apa pelaburan yang boleh membawa impak, saya nak *stretch* sini impak yang besar dan limpahan ekonomi yang boleh membantu negeri Johor, tentu negeri Johor di sini kita boleh cuba memberi insentif di bawah bidang kuasa kita. Saya beri satu contoh sekiranya, saya guna sekiranya, ada sebuah syarikat contohnya dalam *team park*, sekiranya dia melabur, nak melabur di Johor dan dia boleh membawa pelaburan yang besar, Kerajaan Johor boleh mempertimbangkan untuk kita *waiver*, contohnya *tax* hiburan, cukai hiburan 25%, itu di bawah bidang kuasa negeri ataupun memberi diskaun dari segi cukai tanah atau cukai harta. Itu di bawah kita.

Selain daripada insentif-insentif tersebut, tentulah apa kekuatan di Johor ini, tentunya kita mempunyai satu pasukan, *team* yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa prihatin dan aktif dalam mencari pelabur-pelabur di seluruh dunia dan juga *strategic location* kita yang bersebelahan dengan Singapore dan infrastruktur kita yang cukup lengkap, contohnya negeri Johorlah adalah satu negeri yang ada 3 pelabuhan standard dunia, di mana negeri lain tak ada pun. Kita mempunyai Lapangan Terbang International Senai, kita yang hampir akan mendapat kalau tidak silap saya hampir 4 juta orang akan guna, Senai International Airport menjelang tahun ini. Kita akan buat *double tracking*, kita ada kereta api yang baik. Dan paling penting bagi saya di Johor, kita ada budaya yang selama ini dipupuk, tidak kira daripada kerajaan lama ke kerajaan sekarang, di mana orang Johor kita ni rajin, kita rajin untuk mencari peluang pekerjaan, kita rajin untuk mencari pelabur. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Yong Peng jemput.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng)** : Yang Berhormat Tuan Speaker soalan nombor 4.

Apa rancangan Kerajaan Negeri Johor seperti melebarkan Jambatan Sungai Bekok dekat Jalan Muar, persimpangan Tol Yong Peng Utara dan naik taraf Jalan Muar ke Parit Sulong kepada 4 lorong untuk menyelesaikan masalah sesak lalu lintas di Pekan Yong Peng?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Bismillahirrahmaanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Yong Peng, YB telah mengemukakan soalan, apa rancangan Kerajaan Negeri Johor seperti melebarkan

Jambatan Sungai Bekok dekat Jalan Muar, persimpangan tol Yong Peng Utara dan naik taraf Jalan Muar ke Parit Sulong kepada 4 lorong untuk menyelesaikan masalah sesak lalu lintas di Pekan Yong Peng?

Jawapannya ialah pada masa ini, pelebaran jalan Sungai Bekok, pelebaran persimpangan Tol Yong Peng dan menaik taraf Jalan Muar ke Parit Sulong tidak tersenarai dalam program Rancangan Malaysia Ke-11. Walau bagaimanapun, kajian akan dijalankan bagi menentukan keperluan semasa, kesesuaian dan kos yang diperlukan sekiranya dilaksanakan kelak. Terima kasih.

**YB Speaker** : Yong Peng tak ada soalan tambahan? Seterusnya Yang Berhormat Tangkak jemput.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 5.

Apakah rasional Kerajaan mengenakan caj pemajuan untuk setiap projek pembangunan dan nyatakan jumlah terkumpul sehingga kini untuk setiap PBT di Johor?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tangkak mengemukakan soalan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penggubalan kaedah-kaedah caj pemajuan negeri Johor 2018 adalah bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan kutipan caj pemajuan sebagaimana terkandung di bawah Seksyen 32 Bahagian 5 Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172), iaitu satu bentuk kutipan wang oleh PBPT berkaitan pemajuan yang melalui kebenaran merancang sekiranya satu Rancangan Tempatan ataupun perubahan kepada Rancangan Tempatan yang menyebabkan kenaikan nilai tanah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut peruntukan di bawah Subseksyen 32(1) Akta 172 yang berbunyi, "Jika sesuatu Rancangan Tempatan atau sesuatu perubahan Rancangan Tempatan mengakibatkan suatu perubahan penggunaan ketumpatan atau ras lantai berkenaan dengan mana-mana tanah sehingga menaikkan nilai tanah itu, satu caj pemajuan hendaklah dilevi berkenaan mana-mana pemajuan tanah yang dimulakan, diusahakan atau dijalankan mengikut perubahan itu."

Yang Berhormat Tuan Speaker, caj pemajuan merupakan satu bentuk kutipan wang yang dilevikan ke atas pemohon yang memajukan tanahnya. Ia dilevikan apabila tanah yang diliputi oleh sesuatu Rancangan Tempatan (RT) atau perubahan Rancangan Tempatan dan terdapat kenaikan nilai tanah akibat daripada perancangan dalam Rancangan Tempatan tersebut. Perancangan dalam Rancangan Tempatan adalah merujuk kepada cadangan guna tanah masa hadapan iaitu *zoning* yang memberi kesan kepada prospek kegunaan tanah dan memberi kesan kepada nilai tanah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di negeri Johor kaedah-kaedah ini telah pun diwartakan pada 23 hari bulan November 2017 dengan nombor warta JPU 67 dan diguna pakai di semua PBT dalam negeri Johor berkuat kuasa bermula 1 hari bulan Januari 2018. Caj yang dikenakan pada kadar 30% bagi kawasan zon antarabangsa dan 25% bagi kawasan selain zon antarabangsa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, rasionalnya Kerajaan mengenakan caj pemajuan adalah sebagai satu alat untuk mengelakkan pemaju atau pemilik tanah untuk menukar kawasan pelengkungan yang terkandung di dalam peta cadangan masa hadapan Rancangan

Tempatan. Sebaliknya pertukaran *zoning*, ketumpatan dan ras lantai adalah berdasarkan kepada keupayaan pemajuan dan bukanlah aspek spekulasi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, caj pemajuan yang dikutip dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam melaksanakan cadangan kemudahan awam khususnya melibatkan notis pemberian dan pengambilan balik tanah di bawah Seksyen 37(1A) Akta 172 kerana mempunyai tabung amanah untuk melaksanakan pembangunan yang dirancang atau terkandung di dalam Rancangan Tempatan.

Ini secara tidak langsung akan meningkatkan keyakinan pihak awam bahawa Rancangan Tempatan bukanlah merupakan satu alat kawalan semata-mata, sebaliknya telah meningkatkan nilai tanah melalui peta cadangan masa hadapan di mana kenaikan tersebut perlu dikongsi bersama-sama dengan PBT untuk melaksanakan perancangan pembangunan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah caj pemajuan telah diterima oleh setiap PBT negeri Johor bagi tempoh bermula tarikh kuat kuasa 1 Januari 2018 sehingga 15 Jun 2019 adalah seperti berikut : Majlis Bandaraya Johor Bahru, RM7.7 juta; Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, RM5.445 juta; Majlis Perbandaran Muar, RM11.255 juta; Majlis Perbandaran Batu Pahat, RM1.374 juta; Majlis Perbandaran Kluang RM3.19 juta; Majlis Perbandaran Kulai RM0.81 juta; Majlis Perbandaran Pasir Gudang RM1.245 juta; Majlis Perbandaran Segamat RM0.38 juta; Majlis Daerah Tangkak, RM0.277 juta; Majlis Daerah Yong Peng, RM0.16 juta; Majlis Daerah Simpang Renggam, RM0.142 juta; Majlis Daerah Labis, belum ada kutipan; Majlis Daerah Pontian, RM0.447 juta; Majlis Daerah Kota Tinggi, caj pemajuan akan diterima ialah RM0.997 juta tetapi pemohon belum bayar dan pelan permohonan belum diperakui; Majlis Daerah Mersing, RM0.255 juta; Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang RM10.137 juta. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, Tangkak, jemput.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan. Soalan tambahan saya, adakah caj pemajuan ini dapat dikecualikan bagi pembangunan tertentu jika ia, apakah pembangunan, jenis pembangunan yang dapat dikecualikan?Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar** : Terima kasih soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tangkak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut peruntukan di bawah Sub Seksyen 32(3) Akta 172, pihak berkuasa negeri boleh mengecualikan caj pemajuan bagi pemajuan yang tidak bermotifkan atau berasaskan keuntungan. Maka, pengecualian caj pemajuan boleh diberikan bagi perkara-perkara yang berikut:

1. Permohonan Kebenaran Merancang yang mempunyai syarat nyata yang selaras dengan Rancangan Tempatan.
2. Pembangunan yang dijalankan untuk badan-badan kebajikan oleh agensi kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar.
3. Badan kebajikan dan lain-lain pertubuhan yang diiktiraf oleh kerajaan.
4. Bangunan kerajaan.
5. Bangunan gerai dan warung makan awam.
6. Projek keagamaan awam.
7. Lain-lain yang dipersetujui oleh pihak berkuasa negeri. Terima kasih.

**YB Speaker** : Skudai.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, kita sedia maklum bahawa setiap pemajuan tu dia akan secara langsung membawa nilai tambahan kepada sebidang tanah itu. Jadi, saya harap mungkin kerajaan boleh menerangkan dengan lebih *detail* apakah objektif, apakah rasionalnya dan apabila kita perhatikan tanah ini sebenarnya dia lebih kepada bidang kuasa negeri? Jadi, apabila kata caj pemajuan ini dikutip disebabkan ada nilai tambahan kepada tanah, jadi kalau dia melibatkan tanah dan berkait rapat dengan tanah, mengapa tidak caj pemajuan ini dikutip oleh pihak kerajaan negeri tetapi dikutip oleh PBT? Saya mohon kalau boleh kerajaan boleh terangkan kenapa ada berlakunya keadaan seperti ini?

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan kenapa caj pemajuan ini tidak di bawah jabatan yang berkenaan yang berkaitan yang di bawah oleh jabatan PBT. Semua pemajuan pembangunan ini adalah di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa iaitu di bawah Akta 172 dan semua perkara yang berkaitan dengan bagaimana caj pemajuan itu dikenakan adalah di bawah Akta tersebut. Dan, ini adalah jelas bahawa kenapa PBT diberi. Sebab Rancangan Tempatan adalah di bawah walaupun dia di bawah itu Akta Perancangan Bandar dan Desa 172 tetapi dikawal selia oleh pihak PBT, di bawah Kebenaran Merancang, Permohonan Kebenaran Merancang. Terima kasih.

**YB Speaker :** Soalan seterusnya, dijemput Yang Berhormat Parit Raja.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

Apakah usaha kerajaan negeri Johor bagi memastikan rakyat Johor mendapat peluang pekerjaan?

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih kepada Parit Raja, terima kasih kepada Tuan Speaker. Menjawab soalan yang dikemukakan, apakah usaha Kerajaan Negeri Johor bagi memastikan rakyat Johor mendapat peluang pekerjaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sejak penubuhan Unit Strategik Modal Insan Johor, melalui program-program yang telah dianjurkan, lebih daripada 49,000 peluang pekerjaan telah ditawarkan kepada rakyat Johor. Bagi pelaksanaan inisiatif pada tahun 2019 ini, antara usaha yang sedang giat dijalankan oleh kerajaan negeri melalui Unit SMI adalah seperti penganjuran siri Karnival Kerjaya Johor Bestari di mana telah dianjurkan sekali dan dalam perancangan dua kali lagi. Iaitu, pertama, telah dianjurkan pada 20 hingga 21 hari bulan 4 di Kotaraya, Johor Bahru. Lebih daripada 5,000 peluang pekerjaan telah ditawarkan dengan penglibatan majikan sebanyak lebih 80 majikan yang terlibat dan program seterusnya akan diadakan pada 3 Ogos 2019, bertempat di Dewan Jubli Intan, Tangkak menyasarkan peluang pekerjaan lebih kurang 1,000 dan juga insya-Allah di Batu Pahat akan dianjurkan juga pada tahun ini tempat yang ketiga.

Manakala program seterusnya, program yang kedua, adalah program *Johor Up Skilling dan Re-Skilling* di mana program ini telah menyasarkan di kalangan mereka yang mempunyai kelulusan minima UPSR ataupun diploma, 200 tenaga kerja telah disediakan untuk program yang berkenaan. Dan, program yang terbaru yang telah dilaksanakan ataupun yang telah dirancang dan telah diberikan pelantikan ataupun dikenali, dia punya pelatih-pelatih iaitu Sistem Latihan Dual Nasional. Perintis yang telah didapati dan telah dikemukakan, di mana program ini melalui program kerjasama dengan beberapa syarikat, sijil kemahiran yang akan

diberikan kepada mereka iaitu pelatih-pelatih di mana 30% melalui latihan teori dan selebihnya 70% melalui latihan praktikal industri termasuk juga kepada program yang keempat, insentif Persijilan Tenaga Mahir Johor melalui program pengiktirafan pencapaian yang terdahulu. Di mana di sini juga telah disediakan sekurang-kurangnya 100 peluang untuk menambahkan sijil pengiktirafan supaya pengiktirafan dapat dipertingkatkan dalam program yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ya, jemput Parit Raja, soalan tambahan.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya, pada masa ini apakah terdapat usaha-usaha daripada pihak kerajaan untuk membawa pulang rakyat Johor yang bekerja di Singapura dan pada masa ini berapakah jumlah yang telah berjaya dibawa pulang dari Singapura bagi membantu melonjakkan pembangunan di negeri Johor. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi :** Saya telah menyemak soalan ini, soalan yang ada, soalan yang dikemukakan adalah soalan lain ye, jadi rasanya macam tak berapa sesuai untuk saya jawab sebab ada jawapannya nanti. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa gaji ataupun pendapatan nilai pertukaran wang asing antara Singapura dengan Malaysia, yang boleh menyebabkan ramai rakyat kita di Malaysia ataupun di negeri Johor yang akan bekerja di sana, untuk membawa balik ini tentulah memerlukan tawaran-tawaran gaji yang munasabah untuk mereka bekerja di negeri kita atau di negeri Johor. Ini terpulang kepada syarikat-syarikat yang menawarkan tawaran gaji yang munasabah untuk mereka dapat balik. Dan, di sini juga kita sedia maklum bahawa apabila peluang pekerjaan yang dianggap sukar dan memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu, tentulah mereka juga memerlukan sijil-sijil yang diharapkan dapat dipertingkatkan kemahiran ini. Dan inilah yang dianjurkan oleh SMI supaya tenaga mahir kepada rakyat Johor dipertingkatkan melalui program-program yang telah ditawarkan.

**YB Speaker :** Seterusnya, Yang Berhormat Mahkota, jemput.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, ada soalan tambahan lagi.

**YB Speaker :** Satu kali aje, Yang Berhormat. Seterusnya, Mahkota.

**YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) :** Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 7.

Baru-baru ini kecoh di media sosial tindakan sita yang diambil oleh SUKJ (Perumahan) kepada penghuni yang tidak membayar sewa di Program Perumahan Rakyat (PPR) atau Rumah Sewa Kerajaan (RSK). Apakah status tunggakan terkini PPR dan RSK?

**YB Speaker :** Jemput Yang Berhormat EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia :** Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih kepada Mahkota atas soalan. PPR adalah singkatan kepada Program Perumahan Rakyat yang dibina oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ringkasnya KPKT manakala RSK adalah singkatan kepada Rumah Sewa Kerajaan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, sesuatu tindakan penguatkuasaan yang dilakukan telah mengikut prosedur undang-undang yang telah ditetapkan bagi PPR dan

RSK sebelum tindakan sita dijalankan, sebanyak 3 notis peringatan perlu diserahkan kepada penyewa yang terlibat dalam tunggakan sewa. Notis peringatan pertama diberikan selepas berlaku 3 bulan tunggakan sewa. Notis peringatan terakhir diberikan 14 hari selepas notis peringatan pertama dikeluarkan. Manakala, notis menyita premis pula diberikan selepas 14 hari notis peringatan terakhir dikeluarkan. Ini bermakna paling tidak setelah 4 bulan sewa tunggakan barulah notis menyita premis dikeluarkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, notis-notis ini diserahkan sebagai satu amaran kepada penyewa untuk membuat bayaran sewa yang tertunggak atau perlu hadir ke Ibu Pejabat SUKJ Bahagian Perumahan untuk membuat penjadualan semula bayaran melalui surat aku janji sekiranya penyewa kurang berkemampuan untuk melunaskan keseluruhan tunggakan mereka. Namun, sekiranya penyewa tidak tampil atau gagal menjelaskan tunggakan sewa, penyewa telah melanggar syarat perjanjian sewaan sebagaimana di para 6.4 Perjanjian Sewaan iaitu sekiranya berlaku apa-apa kemungkaran dalam perjanjian ini atau kejadian-kejadian seperti di atas, penyewa enggan menyerahkan rumah tersebut dengan secara aman, kerajaan bolehlah menggunakan sebarang kekerasan yang perlu ke atas penyewa atau untuk memasuki rumah tersebut dan memindahkan harta benda penyewa ke suatu tempat yang akan ditentukan oleh kerajaan dan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan, kehilangan atau kecurian barang-barang tersebut.

Bagi kes yang ditular di media sosial baru-baru ini, adalah berkenaan tindakan penguatkuasaan dilakukan oleh SUKJ Bahagian Perumahan di PPR Seri Alam melibatkan 11 unit rumah yang disita, jumlah tunggakan tertinggi yang terlibat adalah sebanyak RM9,300.00 manakala jumlah terendah adalah sebanyak RM1,000.00. Dan, dengan jumlah keseluruhan tunggakan bagi 11 unit rumah yang terlibat dalam operasi penguatkuasaan yang dijalankan tersebut sebanyak RM31,700.00 sehingga April 2019. Sewa PPR Seri Alam adalah RM100.00 sebulan. Ini bermakna tunggakan tertinggi iaitu RM9,300.00 penyewa telah tidak membayar sewaan selama 93 bulan ataupun 7 tahun 7 bulan. Bahkan dalam operasi terbaru di RSK Taman Cendana 2, 2 minggu lepas, tunggakan tertinggi adalah RM21,000.00, di mana kadar sewa bulanan hanyalah RM200.00. Ini bermakna mereka telah tidak membayar sewa bulanan selama 105 bulan atau hampir 9 tahun. Banyak *cyber trooper* sebelah rakan kita mengambil kesempatan atau meneguk di air keroh dengan menggambarkan tindakan yang dilakukan adalah zalim kerana memaksa anak kecil bersama ibu bapa, bersama ibu keluar dari rumah mereka tetapi ini adalah hakikat yang perlu difahami, setiap tindakan yang dilakukan kepada kerajaan negeri berdasarkan kepada peruntukan yang telah disediakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, julat kadar sewa sebulan bagi PPR dan RSK adalah dalam lingkungan RM70.00 hingga RM250.00 setiap bulan dan kadar sewa ini adalah jauh lebih rendah daripada sewa pasaran semasa bagi jenis hartanah yang sama di pasaran terbuka. Sehingga 18 Jun 2019 jumlah tunggakan bagi 10 projek PPR dan 7 projek RSK yang melibatkan 17 projek ataupun melibatkan 12,116 unit adalah berjumlah RM24,680,674.05 iaitu RM15.6 juta adalah terdiri daripada penyewa yang masih menduduki PPR ataupun RSK dan lebih kurang 9.024 juta mereka yang tidak menduduki PPR dan RSK. Makna Yang Berhormat Speaker, mereka ini telah keluar dari rumah tersebut tanpa maklumat yang diperolehi daripada SUKJ Perumahan. Dan, jumlah ini RM9.024 juta berpotensi menjadi hutang lapuk kepada kerajaan negeri.

Untuk makluman, jumlah kutipan sewa PPR dan RSK bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM5.877 juta dan jumlah peruntukan pembangunan yang diterima pada tahun 2018 adalah sebanyak RM5 juta daripada kerajaan negeri, khusus bagi kerja-kerja penyelenggaraan termasuk bil elektrik, bil air, cukai tanah dan juga cukai pintu untuk semua PPR dan RSK seluruh negeri Johor. Kos sebenar kerja-kerja penyelenggaraan untuk PPR dan RSK adalah lebih kurang RM7 juta setahun. Maknanya *collectionnya* yang kita dapat RM5.8 juta mewakili lebih kurang hanyalah 4.5% daripada keseluruhan kutipan yang sepatutnya dibayar oleh penyewa-penyewa PPR dan juga RSK.

Dengan kata lain Yang Berhormat Speaker, bukan hanya syarikat swasta saja yang buat CSR tetapi kerajaan negeri juga membuat CSR, dengan izin *Corporate Social Responsibility*. Berikut dilampirkan senarai pecahan tunggakan bagi projek-projek PPR daerah mengikut DUN dan juga Parlimen. Insya-Allah *detailnya* saya akan berikan dalam jawapan secara bertulis. Secara umumnya untuk PPR Desa Mutiara, DUN Tiram; tunggakan RM1.4 juta, PPR Seri Alam, DUN Permas; RM206,000.00, PPR Seri Stulang, DUN Stulang; RM80,000.00, PPR Sri Iskandar, DUN Stulang; juga RM145,000.00, PPR Yong Peng, ADUN Yong Peng; ADUN Yong Peng, RM27,000.00, PPP Batu Anam, DUN Jementah; RM30,000.00, PPR Kempas Permai, ADUN Kempas; RM578,000.00 lebih setengah juta, PPR Melana Indah Fasa 1, ADUN Perling; hampir RM100,000.00, PPR Setia Indah sebanyak RM51,000.00, PPR UDA Utama, yang baru kita isi baru-baru ini Yang Berhormat Speaker, berjumlah RM98,000.00.

**YB Speaker :** Tiram kena ambil perhatian lebih sejuta.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia :** Untuk projek RSK pula, untuk Rumah Pangsa Taman Cendana, RM12.9 juta untuk perhatian ADUN Permas. Rumah pangsa Larkin, ADUN Larkin, ADUN Larkin RM7.9 juta, Rumah Pangsa Kangkar Pulai untuk perhatian ADUN Kota Iskandar RM501,000.00. Yang keempat, Rumah Pangsa Kluang, ADUN Mahkota RM389,000.00, Rumah Pangsa Taman Cendana 2, ADUN Permas, RM247,000.00, Rumah Pangsa Batu Pahat, iaitu untuk perhatian ADUN Penggaram Timbalan Speaker kita, RM143,000.00 dan terakhir Rumah Pangsa Segamat untuk perhatian ADUN Jementah, RM35,000.00 sahaja. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker :** Jemput, Mahkota, soalan tambahan.

**YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota) :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya nak bercakap bagi pihak untuk penyewa-penyewa khususnya golongan berpendapatan rendah, memang walaupun sewa murah tapi bertahun-tahun seperti yang telah dinyatakan oleh EXCO tadi, dan jumlahnya hutang, tunggakannya pun banyak, ada tak langkah-langkah yang terbaru terfikir oleh pihak kerajaan negeri untuk mengelakkan di masa-masa akan datang tak akan berlaku tunggakan lagilah. Kata *start* daripada *next month* ke, tak ada berlaku tunggakan maknanya mereka akan terus membayar dan boleh membayar dan tidak berlaku tunggakan? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia :** Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada DUN Mahkota. Bila bab hutang aje, suara dia sayu aje dia Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker :** Sebab YB patut kena bagi bantuan, dia tak mampu bagi bantuan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia :** Kerajaan memahami bahawa antara tujuan utama diadakan kemudahan perumahan PPR atau RSK adalah untuk membantu kumpulan sasaran iaitu kumpulan berpendapatan rendah B40 dan juga membantu usaha untuk pemindahan ataupun *reallocation*, dengan izin, semua penempatan setinggi khususnya di kawasan bandar-bandar utama. Walau bagaimanapun, mereka yang telah mendapat peluang menyewa di PPR dan juga RSK sebagaimana yang saya sebut tadi Yang Berhormat Speaker, di mana kadar sewanya jauh lebih rendah daripada sewa pasaran untuk hartanah yang sama sepatutnya mengambil tanggungjawab secara lebih berdisiplin untuk membayar sewa sebagaimana yang telah ditetapkan dalam perjanjian sewaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, antara langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan tunggakan sewa tidak berlaku pada jumlah yang besar sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi adalah dengan cara kita memperkasakan garis panduan tadbir urus

Program Perumahan Rakyat, PPR dan juga RSK. Insya-Allah garis panduan yang baru ini telah pun siap dan Insya-Allah kita akan bentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan juga Mesyuarat MMK dalam masa yang terdekat. Sebagai contoh dalam penguatkuasaan bahagian Bab 9, di mana kita proses SOP sedia ada setelah berlaku 3 bulan tunggakan baru Notis Peringatan Pertama diberikan. Tetapi dalam cadangan garis panduan yang baru, apabila berlaku tunggakan 1 bulan, sewaan notis pertama peringatan akan dikeluarkan. Garis panduan yang baru ini telah pun siap dan insya-Allah akan di *table* sebagaimana saya sebutkan tadi. Mengandungi 9 Bab iaitu:

1. Syarat-syarat am kelayakan permohonan
2. Proses permohonan rumah PPR dan RSK,
3. Terma-terma perjanjian sewaan,
4. Peraturan sewaan,
5. Kadar sewa,
6. Lantikan perbadanan pengurusan,
7. Persatuan penyewa kediaman,
8. Tanggungjawab pelawat perumahan,
9. Yang penting adalah, tindakan penguatkuasaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam bahagian keempat ini kita mencadangkan setelah kita adakan bengkel dalam menyediakan garis panduan yang baru ini, kita memberikan insentif kepada penyewa yang membayar untuk setahun itu daripada Januari contoh sampai November, bayar penuh, bulan 12 kita beri percuma. Sebab kita dah kira dah, kalau insentif ini kita berikan jauh lebih baik daripada mereka tak bayar 3, 4 tahun sebagaimana saya sebutkan tadi. Dan juga untuk perhatian Dewan yang mulia...

**YB Speaker** : Bila akan berkuat kuasa Yang Berhormat?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia** : Sebaik diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bila kita bentangkan nanti Yang Berhormat Speaker. Untuk perhatian Dewan yang mulia, sebenarnya salah satu daripada manifesto kerajaan negeri yang kita gariskan adalah kita menawarkan 50% potongan diskaun kepada tunggakan PPR dan juga RSK iaitu pada tahun lepas berakhir pada Disember kita tawarkan selama lebih kurang 6 bulan. Tetapi malangnya tidak ramai daripada statistik yang kita kumpulkan penyewa yang mempunyai tunggakan mengambil kesempatan untuk menyelesaikan tunggakan yang mereka ada pada kadar potongan 50%.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di kesempatan ini juga saya suka menyeru dan menyarankan kepada rakan-rakan Yang Berhormat sekalian untuk mengambil inisiatif atau tindakan yang proaktif untuk bertemu dengan penyewa-penyewa PPR dan RSK di kawasan masing-masing dan cuba berusaha untuk merancang bagaimana untuk meringankan beban mereka dengan kerjasama daripada Yayasan PBT kerana sekarang ini sebahagian besar daripada Yayasan PBT dia ada Skim Bantuan Sewa Bulanan yang diberi secara *lump sum* untuk setahun. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Johor dan juga CSR syarikat-syarikat persendirian ataupun korporat. Di samping itu, ADUN dan agensi kerajaan juga perlu meningkatkan pendapatan isi rumah golongan B40 kerana dalam pertemuan saya baru-baru ini di Taman Cendana 1, keadaan pendapatan mereka terlalu rendah dan saya rasa perlu kita membangunkan sosioekonomi mereka khususnya meningkatkan pendapatan isi rumah kepada suri rumah khususnya sepenuh masa tanpa mereka perlu meninggalkan rumah mereka.

Satu permohonan saya Yang Berhormat Tuan Speaker, elakkan daripada rakan-rakan YB untuk jumpa saya setelah proses sita dikeluarkan. Jadi, itu kadang-kadang menjadi susah saya untuk buat keputusan kadang tidak tidur malam Yang Berhormat Speaker, kerana kita ambil tingkatan atau tindakan yang proaktif ataupun yang lebih pencegahan, kita cuba selesaikan isu mereka ini sebelum sampai ke tahap kita mengeluarkan arahan sita bangunan. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker** : Pulau Sebatang.

**YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulau Sebatang)** : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ada sedikit pertanyaan berkenaan dengan ada setengah penyewa-penyewa rumah PPR dan RSK ini mereka menjalankan aktiviti *sublet* iaitu menyewakan pada pihak yang lain. Adakah pihak SUKJ Perumahan ada menjalankan, memberi tindakan ataupun membenarkan perkara ini terus berlaku? Sekian.

**YB Speaker** : Jemput YB.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia** : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Pulau Sebatang di atas soalan tentang aktiviti *sublet* ataupun sewaan secara haram. Memang telah disebut secara jelas dalam perjanjian sewaan bahawa penyewa tidak dibenarkan menyewakan premis mereka kepada pihak yang lain dan *even* dalam cadangan garis panduan yang baru, kita minta bukan sahaja kepada penyewa di unit tersebut tetapi penyewa-penyewa yang lain boleh mengambil inisiatif untuk melaporkan jika mereka perolehi maklumat bahawa rakan atau jiran mereka menyewakan unit-unit mereka kepada pihak yang lain. Dan kita sangat mengambil berat tentang tindakan individu atau mereka yang tidak bertanggungjawab mengambil ataupun memanfaatkan keuntungan di atas produk ataupun barang-barang bersubsidi seperti rumah PPR dan RSK ini. Dan, kita akan mengambil tindakan tegas sehinggalah kita boleh membatalkan perjanjian sewaan dan mereka perlu mengosongkan premis tersebut bagi diisi kepada penyewa-penyewa yang sedia ada menunggu dan lebih bertanggungjawab. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker** : Soalan yang seterusnya. Yang Berhormat Penggaram.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 8.

Memandangkan Exco Negeri Johor bagi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga menggalas portfolio Pelancongan, sila kongsi, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan negeri di dalam mempertingkatkan penglibatan golongan wanita, golongan kelainan upaya serta golongan warga emas di dalam sektor pelancongan negeri?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih ADUN Penggaram, di mana sektor pelancongan memang berkaitan dan boleh melibatkan golongan wanita. Objektif penubuhan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) adalah mengukuhkan institusi keluarga membawa wanita dalam arus pembangunan dan menangani masalah sosial. Di bawah objektif YPKDT iaitu membawa wanita dalam arus pembangunan. YPKDT telah merancang pelbagai program serta kemudahan kepada golongan wanita terutamanya ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah, golongan kelainan upaya serta warga emas. Statistik menunjukkan di negeri Johor seramai 14,383,000 ibu tunggal telah berdaftar di YPKDT dan seramai 872 orang kurang upaya atau golongan kelainan upaya telah berdaftar di YPKDT dari tahun 2012 hingga 2018.

Bagi tujuan penyesuaian pekerjaan. Kerajaan sentiasa mengambil berat akan golongan ini dengan menyediakan berbagai kemudahan pekerjaan, kemahiran bantuan-bantuan peralatan dan lain-lain kemudahan. Menyediakan pelbagai program dan aktiviti khusus bagi kumpulan sasar tersebut. Setakat tahun 2018, jumlah penerima manfaat kursus kemahiran di bawah YPKDT adalah seramai 6,149 orang dan penerima bantuan peralatan adalah seramai 590. Tidak ketinggalan juga golongan ini secara tidak langsung menerima manfaat serta menyumbang di dalam sektor pelancongan negeri. Antaranya, ada di antara ibu

tunggal serta golongan berpendapatan rendah di bawah bimbingan YPKDT telah mengeluarkan produk-produk kraf tangan untuk dipasarkan. Selain dari produk kraf tangan, kumpulan sasar ini juga ada menghasilkan produk-produk IKS seperti kerepek, pastri yang dijadikan sebagai cenderahati serta dijual terus kepada pelancong. Mereka akan diajar di Pusat Jayadiri yang terletak di 7 daerah di negeri Johor iaitu Johor Bahru, Kulai, Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi, Segamat dan Tangkak. Melihat kepada potensi ini, Kerajaan Negeri Johor melalui YPKDT telah mengambil inisiatif membantu kumpulan sasar ini sebagai satu aktiviti pelancongan dengan mewujudkan Pusat Kraftangan Ibu Tunggal Wanita dan Pusat Jualan Produk Usaha Wanita di Kluang, Johor.

Pusat ini merupakan pusat pengumpulan semua produk yang dihasilkan oleh wanita kumpulan B40 juga orang kurang upaya. Semua produk ini dijual kepada umum terutama pelancong dari luar. Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga berhasrat agar produk-produk yang dihasilkan oleh kumpulan sasar ini mendapat perhatian dari kerajaan melalui Jabatan-Jabatan Kerajaan. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan dan memperkenalkan produk yang dihasilkan kepada masyarakat luar.

YPKDT juga bercadang untuk memohon kelulusan dari kerajaan untuk mendapat Kompleks Perniagaan Pekan Rabu, Tampoi, Johor Bahru dijadikan salah satu pusat pengumpulan dan jualan produk. Kompleks ini boleh dijadikan sebagai hab pelancongan dan menjadi salah satu lokasi wajib pelancong datang membeli-belah seterusnya menjadi *trade-mark* produk Johor.

Adalah sesungguhnya kerajaan Johor sentiasa memandang serius setiap ruang dan peluang yang boleh diberikan kepada rakyat khususnya kepada golongan tersebut dalam meningkatkan pendapatan seterusnya memperkenalkan Johor di mata dunia.

Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Penggaram.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram)** : Terima kasih kepada YB EXCO yang memberikan jawapan tentang soalan saya. Tadi YB EXCO menyebut tentang Pusat Jayadiri, apakah usaha lain yang akan diambil oleh kerajaan Negeri untuk memastikan Pusat Jayadiri mencapai kegunaan yang optimum?

**YB Speaker** : YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih ADUN Penggaram, Timbalan Speaker. Sepertimana yang saya nyatakan dalam jawapan saya tadi, YPKDT mempunyai 7 buah Pusat Jayadiri di mana 2 daripadanya akan dibuka pada tahun ini iaitu daerah Kulai dan Tangkak.

Untuk makluman Tuan Speaker dan Dewan yang mulia ini, pejabat saya dengan kerjasama YPKDT telah menganjurkan hari ibu bapa tahun 2019 untuk meraikan hari ibu bapa melalui Pusat Jayadiri di daerah Johor Bahru. Ramai pengunjung yang datang ke program tersebut telah memberitahu kami bahawa mereka selama ini tidak pernah sampai ke tempat sebelum ini. Ini adalah menjadi hasrat saya supaya memperkenalkan Pusat Jayadiri kepada masyarakat dan mempromosikan tempat ini supaya jadi satu tempat yang dapat dimanfaatkan oleh golongan sasar.

Bagi memastikan Pusat Jayadiri YPKDT akan dapat digunakan secara optimum bukan sahaja kursus-kursus yang dijalankan oleh YPKDT sahaja, kami telah berhasrat untuk menyewakan Pusat Jayadiri di setiap daerah dengan caj minimum kepada orang ramai khususnya badan bukan kerajaan iaitu NGO yang ingin mengadakan program yang mengutamakan wanita dan kekeluargaan. Selain itu YPKDT juga membuat takwim program secara tahunan untuk meningkatkan usahawan wanita dan ibu tunggal seperti mengadakan

bengkel dan kursus pendek bagi memperkasakan wanita dengan ilmu dan kemahiran untuk mengubah kedudukan sosial ekonomi mereka seperti membuat produk pakaian bayi dan makanan halal serta barangan cenderahati beridentiti Johor.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya... Yang Berhormat Bukit Naning jemput.

**YB Tuan Md. Ysahrudin bin Haji Kusni (Bukit Naning)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 9.

Dalam mengekalkan keharmonian dan kestabilan kaum di sesuatu komuniti, apakah status Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ini memainkan peranan sebagai agen kerajaan?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** : Selamat pagi, salam sejahtera dan salam perpaduan Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Bukit Naning dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di majlis yang mulia ini.

Rukun Tetangga adalah merupakan organisasi sukarela yang ditubuhkan oleh kerajaan sejak tahun 1975 di bawah Peraturan-Peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975. Selepas Ordinan Darurat dimansuhkan pada tahun 2011, satu Akta untuk Rukun Tetangga telah digubal dan semenjak bulan Jun 2012, Rukun Tetangga menjalankan fungsi-fungsinya berdasarkan Akta Rukun Tetangga 2012.

Sebagai institusi yang berada dalam masyarakat komuniti, Rukun Tetangga memainkan peranan yang cukup penting untuk membantu Kerajaan meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan komuniti. Peranan ini adalah sejajar dengan fungsi Rukun Tetangga sebagai mata dan telinga Kerajaan dan juga sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi.

Peranan Rukun Tetangga juga adalah sebagai pendukung dan penggerak kepada visi perpaduan iaitu untuk memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Di negeri Johor setakat bulan Mei 2019, sebanyak 8,005 KRT telah ditubuhkan. Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab ini, Rukun Tetangga memfokuskan kepada 5 teras utama iaitu:

1. Perpaduan
2. Keselamatan
3. Pendidikan
4. Kualiti Hidup
5. Ekonomi

Dalam Akta Rukun Tetangga 2012, fungsi dan tugas Jawatankuasa Rukun Tetangga adalah:

1. Menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiwaan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di kalangan anggota masyarakat.
2. Menerima maklumat mengenai untuk memerhati dan menyiasat semua isu mengenai konflik masyarakat di bawah kawasan dan laporkan maklumat pemerhatian dan penyiasatan itu kepada Pengarah Perpaduan.

3. Untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana.
4. Untuk menyediakan penghantaran dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selainnya, menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat; dan akhirnya
5. Untuk menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Bukit Naning, jemput.

**YB Tuan Md. Ysahrudin bin Haji Kusni (Bukit Naning)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat EXCO kerana menjawab dengan baik.

Soalan tambahan Bukit Naning adalah, apakah langkah-langkah atau strategi yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkasa, memperkukuh dan memelihara perpaduan antara kaum? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Naning di atas soalan tambahan. Antara langkah-langkah yang diambil untuk memperkasa dan mengukuh dan memelihara perpaduan kaum ialah:

Pertama, meningkatkan dan memperluaskan program pendidikan perpaduan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat berbilang kaum mengenai perkara-perkara dan isu-isu perpaduan khususnya yang berkaitan dengan Rukun Negara, Perlembagaan Persekutuan dan sebagainya. Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun ini ialah Seminar Memperkasakan Agenda Perpaduan Nasional Peringkat Negeri Johor Tahun 2019 dengan kerjasama UTM pada 25 April 2019 yang lalu. Program pendidikan perpaduan juga diperluaskan di peringkat daerah dan kawasan Rukun Tetangga bersempena dengan Sambutan Bulan Kebangsaan 2019. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan menganjurkan Program Bicara Kemerdekaan Dan Perpaduan Bersama Tokoh untuk... yang akan melibatkan peserta daripada pelbagai peringkat umur.

Kedua, menganjur Program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Johor pada 27 Julai 2019 yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bertempat di Dewan Muafakat Simpang Renggam. Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya perpaduan kaum sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan.

Ketiga, Sambutan Hari Rukun Negara pada bulan Ogos 2019 yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan amalan masyarakat terhadap Rukun Negara yang merupakan ideologi negara.

Keempat, Program untuk memupuk persefahaman dan keharmonian antara penganut agama melalui forum bicara harmoni dan harmoni *walk* pada bulan Ogos 2019.

Jadi, inilah program-program sebenarnya. Yang Berhormat Tuan Speaker, perpaduan ialah tanggungjawab semua lapisan masyarakat, bukan hanya Jabatan Perpaduan sahaja. Kita perlu jadi lebih inklusif dalam semua aspek. Kalau kita inklusif perpaduan akan ditingkatkan. Dan di Johor pula, kita ada itu konsep Bangsa Johor. Harap kita boleh meningkatkan semangat Bangsa Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jam telah hampir 11.00 pagi, kita tamatkan soalan-soalan pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.**

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita beri masa 15 hingga 20 minit bagi seorang pembahas. Saya silakan Yang Berhormat Larkin untuk memulakan. Silakan.

**YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan selawat). Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor, Pengarah-Pengarah serta Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai Media, para hadirin di Dewan yang mulia ini. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah Larkin bersyukur dan berterima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Yang Ke-14.

Larkin ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal yang telah dilantik sebagai Menteri Besar Johor Yang Ke-17 dan tidak lupa juga kepada barisan Ahli-Ahli EXCO yang baru yang telah dilantik. Kepada mantan Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Sopian, Larkin ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih di atas segala budi dan jasa Yang Berhormat Dato' dalam mentadbirkan urusan negeri dengan baik semasa di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato'.

Salam harapan pembuka bicara, di Dewan mulia kita bersua; berakhlak tinggi budaya Malaysia, perangilah gejala pemusnah negara.

Yang Berhormat Tuan Speaker sebelum Larkin mengutarakan isu-isu masalah yang ingin di bahaskan terlebih dahulu Larkin ingin mengingatkan kita, kita sedang berhadapan dengan musibah yang sedang melanda murid-murid sekolah di Pasir Gudang. Dalam usaha ke arah mencari punca segala masalah kerajaan diserang dan difitnah dalam masa yang sama terdapat pelbagai cara sesetengah pihak berusaha mendapatkan *political mileage*, dengan izin. Larkin rasa ini bukan masanya untuk kita bertikam lidah di dalam Dewan yang mulia ini, di halaman media atau sebaran kata-kata yang tidak bertanggungjawab. Kami sedar kami baru setahun jagung, begitu juga tetapi kami berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan keadaan. Begitu juga dengan agensi-agensinya kerajaan yang bertunggu tangga meninggalkan anak-anak dan isteri berhadapan dengan segala risiko yang tinggi. Begitu juga dengan pihak kakitangan hospital bekerja tidak tentu masa semuanya fokus dan hasrat untuk menyelamatkan mangsa darurat dan keadaan. Berilah kami dan anggota-anggota kerajaan peluang, dan bantulah kami sesama kita dalam menyelamatkan mangsa jangan sampai berlakunya situasi kehilangan jiwa. Pihak pembangkang di Dewan ini adalah Wakil Rakyat seperti kami juga. Ini masanya juga pihak pembangkang menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyertai kami. Jika kami lemah tidak berpengalaman, tidak komited biarlah rakyat yang menghukum kami kelak di PRU Ke-15 yang akan datang. Larkin alu-alukan semua kepakaran dan nasihat yang baik untuk kita manfaatkan bersama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu pertama yang Larkin nak utarakan ialah gejala sosial media yang menular, amat aktif dan sangat-sangat digemari oleh kaum-kaum yang tertentu dalam menyentuh satu wabak yang amat buruk ini dan semakin menular kita mesti mengambil prihatin yang serius. Budaya salah guna platform media yang keterlaluan seperti penggunaan media sosial sebagai platform melontar fitnah serta hasutan negatif selain berunsur provokasi yang boleh mengganggu gugat ketenteraman dan kesejahteraan pentadbiran kerajaan. Barisan para pemimpin dan Institut Diraja penyebaran fitnah yang

berleluasa ini semakin membimbangkan pelbagai tohmahan palsu dilemparkan secara bermaharajalela. Akibat tiada sekatan mahupun garis panduan yang perlu dihormati dan dipatuhi. Kebimbangan Larkin adalah mengenai generasi yang akan datang yang bakal mewarisi kepimpinan dan pentadbiran negara. Apa tidak generasi belia yang mempunyai kemahiran dalam bidang Teknologi maklumat cenderung disalah guna atau dilatih menjadi tentera cyber atau *cyber trooper* dengan izin, oleh sesetengah pihak bagi memenuhi kepentingan politik mereka. Mereka ini digunakan bagi menyerang pihak musuh dengan melontarkan tohmahan dan fitnah yang melampau dengan harapan dapat mempengaruhi serta menyuntik kebencian rakyat terhadap seseorang individu mahupun kerajaan.

Alangkah baik sekiranya kemahiran serta kepakaran belia-belia ini digunakan dalam membantu kerajaan membangunkan rakyat dan juga negara. Justeru itu Larkin amat berharap satu langkah pragmatik dapat dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan bagi membendung budaya negatif yang merosakkan bangsa dan negara ini.

Satu akta atau garis panduan perlu dikuatkuasakan bagi mendidik para pengguna platform media di luar sana agar lebih rasional, beretika dan profesional. Bersama kita berusaha ke arah negeri Johor yang lestari dan bebas dari fitnah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu kedua yang Larkin bangkitkan di Dewan yang mulia ini adalah perkara berkaitan dengan Indeks Pelaburan Asing ataupun *Foreign Direct Investment* dengan izin. Pelaburan asing memainkan peranan penting dalam meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah negara ataupun negeri. Secara khususnya negara atau negeri yang sedang membangun terpaksa bergantung kepada FDI dengan izin, dalam usaha memajukan ekonomi mereka kerana kekangan atau kekurangan modal bagi melaksanakan fasa pembangunan mereka. FDI dengan izin, banyak membantu negara dan negeri membangun dari perkongsian sumber Teknologi baru dan juga kepakaran. Prestasi pertumbuhan yang kukuh yang dialami oleh ekonomi Johor amat bergantung kepada pelaburan langsung asing pelaburan asing ini menjana pertumbuhan ekonomi dengan mengakibatkan meningkatkan pembentukan modal melalui perkembangan kapasiti pengeluaran, promosi, eksport dan perwujudan pekerjaan di Johor.

Sehubungan dengan itu, Larkin di sini ingin memohon pencerahan secara tuntas dari pihak yang terbabit mengenai jumlah pelaburan langsung asing yang telah berjaya dicatatkan atau dibawa masuk ke dalam negeri Johor sehingga 31 Mac 2019. Bagaimanakah FDI ini di strukturkan, adakah ianya benar-benar memberi impak manfaat kepada rakyat khususnya penduduk tempatan. Larkin berpendapat pelabur-pelabur harus disyaratkan bergabung dengan anak-anak syarikat atau mana-mana agensi kerajaan. Ekuiti pegangan syarikat haruslah dipertingkatkan. Hasil pengalaman teknikal, pembuatan dan keuntungannya dengan cara begini ianya akan kelihatan pertumbuhan dari hasil kerajaan dan pembangunan modal insan. Larkin berharap janganlah kita semata-mata mengharap peluang pekerjaan yang tidak ada masa depan yang cerah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu ketiga yang ingin Larkin bahaskan di sini berkenaan status pajakan tanah terutamanya status pajakan tanah di DUN Larkin. Seperti Yang Berhormat Tuan Speaker sedia maklum isu atau permasalahan berkaitan status pajakan tanah ini pernah Larkin bangkitkan pada sidang Dewan sebelum ini. Khususnya mengenai status pajakan tanah di beberapa tanah di DUN Larkin iaitu dan juga Kampung Melayu Majidee. Alhamdulillah respons atau jawapan lisan yang dari pihak atau jabatan berkenaan begitu positif dan telah menyatakan tempoh pajakan akan dilanjutkan atau disambungkan ke 99 tahun.

Berita gembira ini telah disambut dengan harapan oleh warga DUN Larkin yang terbabit. Namun begitu, sehingga kini tiada khabar atau pengumuman rasmi oleh kerajaan negeri berkenaan perkara ini. Ianya sedikit sebanyak menimbulkan kegusaran dan menyumbangkan spekulasi negatif di kalangan masyarakat. Bagi mengelakkan bagi timbul tanggapan buruk rakyat terhadap kredibiliti kerajaan dalam menunaikan apa yang telah

dinyatakan di sini Larkin ingin mendapatkan pencerahan apakah status terkini cadangan lanjutan pajakan tanah 99 tahun yang melibatkan beberapa kawasan di DUN Larkin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu yang keempat adalah permasalahan setinggan sering diutarakan dan masih lagi tidak dapat ditangani dengan holistik. Justeru itu Larkin sekali lagi ingin membangkitkan isu setinggan kerana hampir majoriti 15,000 setinggan di Johor Bahru adalah melibatkan kawasan DUN Larkin. Larkin ingin memetik dan merujuk kenyataan yang telah dikeluarkan oleh mantan Menteri Besar dalam akhbar dalam sidang media selepas Mesyuarat Tindakan Daerah Johor Bahru di Pejabat Daerah pada 20 Ogos 2018. Beliau telah menyatakan kira-kira 15,000 penduduk setinggan di daerah Johor Bahru tinggal secara haram di tanah kerajaan terdiri daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah iaitu B40 dan warga asing. Sebagai bandar raya yang membangun kedatangan mereka tidak boleh dinafikan kerana selain mencari rezeki mereka juga adalah nadi kepada bandar raya ini. Beliau kemudian menyatakan “saya sedang mengenal pasti tanah kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan untuk melaksanakan lebih banyak program perumahan rakyat yang keperluan begitu tinggi”. Merujuk kepada kenyataan mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu, di sini Larkin ingin bertanya apakah pelan perancangan kerajaan dalam menyelesaikan masalah perumahan setinggan dalam jangka masa yang pendek? Larkin percaya pelan kerajaan yang sedang diusahakan mampu menangani masalah-masalah setinggan di negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu masalah Larkin yang kelima ialah GLC, merujuk kepada *Government Link Company* dengan izin, membawa maksud kepada syarikat berkaitan kerajaan. Syarikat-syarikat GLC adalah syarikat korporat yang dikuasai dan dimiliki oleh bumiputera dan kerajaan. Penubuhan GLC dengan izin mempunyai objektif komersial utama di mana kerajaan mempunyai pegangan langsung. Ianya termasuk mengawal kepentingan merujuk kepada keupayaan iaitu bukan sahaja peratusan pemilikan. Kerajaan juga bertanggungjawab melantik Ahli Lembaga Pengarah atau pengurusan kanan yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan utama seperti pemberian kontrak, strategik, penstrukturan semula dan pembiayaan perolehan, pelupusan dan lain-lain. Di dalam negeri Johor ini sendiri terdapat banyak syarikat berkenaan berkaitan kerajaan yang telah ditubuhkan sejak zaman pemerintahan sebelum ini. Antara GLC-GLC popular yang tidak asing lagi di Johor, Johor Corporation, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, Permodalan Darul Ta'zim, Perbadanan Pengangkutan Awam Johor, Perbadanan Islam Johor, PIJ Holdings Sdn. Bhd., Johor Bioteknologi dan Biodiversiti Corporation (JBIOTECH), Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd., Yayasan Pelajaran Johor, PIJ Holdings Sdn. Bhd. dan lain-lain lagi. Penilaian dan penajajaran semula operasi dan hala tuju amat diperlukan di atas syarikat berkaitan kerajaan atau GLC. Agar kita dapat memastikan penubuhan GLC-GLC ini tidak merugikan. Larkin di sini ingin bertanya apakah pelan kerajaan terhadap GLC-GLC yang dengan izin, yang tidak menjana keuntungan dan membebankan kerajaan. Larkin percaya satu pelan tindakan telah diwujudkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu Larkin yang keenam iaitu Larkin ingin sentuhkan adalah berkaitan kesediaan negeri Johor bagi menganjurkan temasya sukan dwi tahunan SUKMA yang dijangka di langsung pada bulan Julai tahun depan 2020. Seperti yang semua sedia maklum penganjuran SUKMA ini dilihat sebagai platform bagi mencungkil atlet-atlet muda yang berpotensi serta mengharumkan nama negara di persada dunia. Ia merupakan perspektif dan objektif penganjuran dari sudut sukan, dari sudut ekonomi pula penganjuran temasya SUKMA dilihat dapat menyumbang peluang dan peningkatan penajaan pendapatan masyarakat setempat mahupun negeri Johor melalui aktiviti-aktiviti ekonomi seperti jualan cenderahati yang berlaku sepanjang tempoh penganjuran. Namun begitu, senario yang telah terjadi amat membimbangkan, Larkin melihat dari sudut pendapatan, pertumbuhan dan penajaan ekonomi mengambil contoh negeri Perak Darul Ridzuan, penganjur temasya SUKMA Yang Ke-18 yang lalu, yang dikatakan edisi terbaik penganjuran temasya SUKMA selama ini. Adakah berjaya menjadi edisi penganjuran terbaik ini memberi keuntungan kepada rakyat dan negeri Perak khususnya. Larkin masih musykil berkenaan dengan itu malah di atas kertas telah membuktikan sebaliknya menurut laporan negeri

Perak telah memperuntukkan RM225 juta bagi penganjuran sukan Malaysia SUKMA yang ke-18. Sebanyak RM160 juta bagi pembinaan infrastruktur manakala RM65 juta lagi dikhususkan kegunaan selain dari sukan berkenaan. Dari jumlah kos RM225 juta yang diperuntukkan kerajaan negeri Perak berjaya mendapat sumbangan sebanyak RM4.02 juta daripada pihak swasta dan syarikat korporat dalam bentuk tajaan barangan dan selain dari wang tunai. Hanya 1.8 % dan peratusan deposit, deposit daripada peruntukkan sebenar.

Bagi penganjuran SUKMA Negeri Johor telah memperuntukkan dan memerlukan sebanyak RM400 juta bagi tujuan penganjuran temasya dwi tahunan ini. Ini merujuk petikan, kepada petikan kenyataan Yang Berhormat DUN Kempas, dalam akhbar Utusan *Online* yang merupakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada masa itu, namun begitu memetik kenyataan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor, hanya RM142 juta sahaja yang telah diluluskan oleh kerajaan pusat menerusi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ini bermakna kerajaan negeri masih lagi kekurangan RM258 juta bagi menampung kos keseluruhan yang dianggarkan sebanyak RM400 juta. Larkin di sini mohon pencerahan, bagaimanakah mekanisme yang dilaksanakan oleh GLC-GLC dengan izin, yang dipertanggungjawabkan dalam usaha mencari dana bagi pembiayaan penganjuran SUKMA 2020 agar tidak merugikan Kerajaan Negeri Johor?

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu Larkin yang kedua iaitu yang akhir. Dengan bertambahnya populasi penduduk di sekitar negeri Johor khususnya, ianya secara tidak langsung akan memberikan tekanan kepada alam sekitar, mengancam sumber air bersih dan ini membuktikan bahawa masalah sisa pembuangan manusia memerlukan pengurusan yang lebih teratur dan sistematik. Sejak 50 tahun dahulu pelbagai kaedah dan juga sistem rawatan kumbahan telah dibangunkan bagi memelihara kesihatan awam dan juga persekitaran. Evolusi rawatan kumbahan kepada loji olahan kumbahan moden menghasilkan efluen yang berkualiti tinggi yang boleh dilepaskan ke perairan dengan selamat. Menyentuh mengenai pengurusan sisa kumbahan dan penyediaan sistem pemetungan, pasti nama Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) terus terlintas di benak fikiran kita. Di sebalik kos operasi yang tinggi, IWK tidak pernah mengeluh dan sentiasa membuktikan mereka adalah pilihan yang terbaik dalam pengurusan sisa kumbahan dan penyediaan sistem pemetungan di negara ini.

IWK diambil alih sepenuhnya oleh kerajaan pada tahun 2000 dengan modal perniagaan yang bukan berasaskan keuntungan. Ini kerana perkhidmatan pemetungan dan pengurusan sisa kumbahan sangat penting dalam memberi kehidupan yang selesa kepada rakyat. Larkin difahamkan IWK ini menguruskan 6,183 loji rawatan kumbahan yang dihubungkan sekitar 16,969 kilometer saliran paip pemetungan seluruh Malaysia. Baru-baru ini Larkin dimaklumkan bahawa *Johor Special Water (JSW)* sebuah anak syarikat Permodalan Johor Darul Ta'zim ingin membida bagi mendapatkan hak pengurusan sisa kumbahan dan perkhidmatan pemetungan di negeri Johor. Jika dakwaan ini benar, Larkin ingin bertanya apakah faktor kelebihan keupayaan JSW bagi mengambil alih tugas-tugas penyelenggaraan loji rawatan kumbahan dari Pihak Berkuasa Tempatan mahupun IWK. Proses ambil alih dari Majlis Bandaraya Johor Bahru yang ditetapkan pada 1 Julai 2019 tidak akan dapat direalisasikan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, begitu juga dengan isu kualiti air sungai belum terawat, juga membimbangkan. Pihak berkuasa haruslah memainkan peranan penting untuk mengawal gejala-gejala pemusnah alam sekitar.

**YB Speaker:** Banyak lagi ke Yang Berhormat?

**YB Tuan Mohd Izhar bin Ahmad (Larkin):** Jika tidak...

**YB Speaker:** Banyak lagi ke?

**YB Tuan Mohd Izhar bin Ahmad (Larkin):** Sikit. Jika tidak kos rawatan air akan bertambah dan akhirnya rakyat akan dibebankan. Begitu juga cadangan untuk mengadakan syarikat operator air yang kedua, tidak akan menyelesaikan masalah peningkatan ekuiti yang harus dipertingkatkan.

Akhir kata, Yang Berhormat Tuan Speaker, sekian sahaja ucapan serta perbahasan mengenai perkara beberapa isu dan masalah yang ingin Larkin bangkitkan. Larkin amat berharap Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan EXCO-EXCO yang terpilih dapat memberi perhatian serta pertimbangan yang serius dan tindakan segera terhadap isu serta perkara yang telah Larkin bangkitkan. Larkin turut berharap agar Kerajaan Negeri Johor di bawah barisan kepimpinan yang baru ini dapat melaksanakan segala tanggungjawab dengan penuh keikhlasan, ketelusan dan penuh integriti.

Akhir kata, Larkin ingin menyeru dan berharap agar semua Ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama dan berganding bahu dalam menangani semua permasalahan masyarakat. Hindari pertikaman dan *polemik* politik yang sudah semestinya akan merugikan rakyat dan negeri Johor itu sendiri. Marilah kita bersama menggembeleng usaha dengan gigih bagi menjana kembali ekonomi bagi kestabilan dan kesejahteraan negeri Johor, melahirkan komuniti masyarakat berbilang kaum yang harmoni, bermoral dan berjati diri tinggi. Dengan ini, Larkin menyokong dan menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena perasmian Dewan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

**YB Speaker:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Larkin. Kita berehat sehingga lebih kurang 20 minit sehingga pukul 11.40 tengah hari ni. Sekian.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.**

**Persidangan bersambung semula pada jam 11.40 pagi.**

**YB Speaker:** Kita sambung lagi Perbahasan pada tengah hari ni. Saya persilakan Bukit Pasir.

**YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir):** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Doa. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, patik merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan serta ucap selamat Kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas ucapan dan perasmian sidang Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Ucapan tahniah dan selamat juga patik panjangkan kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim atas sambutan ulang tahun kelahiran yang ke-35. Patik memanjatkan doa semoga Allah memberi kurnia kepada Tuanku akan umur yang panjang, dilimpahi kegemilangan dalam pemerintahan yang berjalan seiring bersama keharmonian rakyat sejagat.

DUN Bukit Pasir mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, barisan EXCO Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang hadir pada Persidangan hari ini serta hadirin yang dirahmati Allah sekalian. Ucapan tahniah dan selamat juga dipanjangkan Kepada Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin bin Jamal atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Kedua Dato' Mulia Sultan Ibrahim Johor. Kurniaan Sultan Ibrahim Iskandar serta ucapan tahniah kepada lantikan baru barisan EXCO Kerajaan Negeri Johor.

Sebelum DUN Bukit Pasir memulakan Perbahasan, marilah kita sama-sama menghayati petikan ayat suci al-Quran; (membaca surah). Maksudnya, "Dialah yang memperkuatkan mu

dengan pertolonganNya, dan dengan para mukmin, dan yang mempersatukan hati mereka, yakni orang-orang yang beriman, walaupun kamu membelanjakan semua yakni kekayaan yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat mempersatukan hati mereka akan tetapi Allah telah mempersatukan hati mereka. Sesungguhnya dia Maha Gagah, lagi Maha Bijaksana”. Surah Al-Anfaal ayat 62-63.

Maka berdirinya DUN Bukit Pasir pada pagi ini untuk bersama-sama mengajak sama ada dari pihak kerajaan mahupun sidang-sidang Yang Berhormat yang berada di meja ADUN Pembangkang untuk sama-sama menyatukan hati kita dalam Persidangan ini, membahaskan berkenaan isu-isu masyarakat dan mengambil kira langkah-langkah yang sewajarnya demi kebersamaan kita sebagai rakyat Malaysia yang harmoni serta mengekal serta mempertingkatkan kesejahteraan negeri Johor khususnya.

Pada hari ini, DUN Bukit Pasir ingin membahaskan tentang 6 isu berbangkit yang dihadapi oleh kebanyakan masyarakat DUN Bukit Pasir dan disertakan bersama usul-usul tentang bagaimana permasalahan ini dapat diatasi. Isu berbangkit yang pertama ialah permasalahan cukai harta yang dikenakan kepada sebahagian penduduk di kawasan DUN Bukit Pasir. Terdapat tiga perkara yang menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk apabila dikenakan sistem takrif cukai harta bagi menggantikan cukai pintu sebelumnya.

1. Cukai harta tidak dikenakan secara sama rata dalam kawasan DUN Bukit Pasir dan ini menimbulkan tanda tanya sekiranya hanya kawasan-kawasan kampung yang terpilih yang perlu menanggung cukai harta, manakala kawasan yang lain yang terlepas pandang atau memang tidak termasuk dalam senarai yang dibebankan dengan cukai harta.
2. Berlaku di sebuah kampung di Parit Masjid apabila cukai harta telah dikenakan selama setahun tetapi perkhidmatan yang sepatutnya dijalankan sebagaimana tertakluk bagi kawasan yang membayar cukai, tidak berjalan dalam tempoh setahun pembayaran cukai yang telah dibuat.
3. Apabila penduduk kampung yang tidak memiliki pendapatan tetap tetapi hasil pungutan...ketiga apabila penduduk kampung yang tidak memiliki pendapatan daripada hasil pungutan sawit dan torehan getah, maka dikenakan cukai harta bagi tanah pusaka yang langsung tiada kemudahan daripada kerajaan seperti lampu jalan, mahupun jalan berturap, tetapi masih dikenakan cukai harta dan cukai tanah. Ini amat membebankan bagi mereka dan menimbulkan rasa tidak puas hati. Justeru itu, DUN Bukit Pasir pada hari ini ingin memohon daripada pihak kerajaan tentang dua perkara;
  - i. DUN Bukit Pasir memohon agar takrif cukai harta ini dikaji semula dari segi pelaksanaannya, penyediaan perkhidmatan yang selengkapnya sebagaimana termaktub bagi kawasan yang dikenakan cukai dan membuat kajian lebih mendalam tentang taraf hidup penduduk sebelum memperkenalkan cukai, bayaran cukai harta;
  - ii. DUN Bukit Pasir menginginkan ulasan yang lebih lanjut daripada pihak kerajaan perihal pelaksanaan cukai harta yang tidak sama rata bagi semua kawasan di DUN Bukit Pasir. Hal ini perlu dilihat dengan teliti dan diperbaiki supaya masyarakat tidak rasa seolah-olah mereka menjadi mangsa bebanan cukai yang tidak adil. Sedangkan masih ada kawasan yang tidak dikenakan cukai namun menerima kemudahan bagi kawasan kampung mereka. DUN Bukit Pasir turut menginginkan ulasan sekiranya ketidaksamarataan ini turut berlaku di DUN-DUN lain. Di sini, DUN Bukit Pasir ingin memberi contoh pelaksanaan cukai di bawah pentadbiran kerajaan negeri Terengganu yang perlu diberi perhatian dan dijadikan contoh apabila mereka peka akan keadaan masyarakat yang terbeban dengan bayaran cukai.

Kemudian dijadikan kajian ke atas kelebihan dan kekurangannya sebelum mengambil kira sekiranya penghapusan dapat dilakukan demi mengurangkan beban masyarakat di negeri Terengganu. Maka beginilah langkah-langkah yang boleh diikuti oleh Kerajaan Negeri Johor untuk mengukur dan mengambil kira akan keadaan masyarakat setempat berkenaan perlaksanaan tarif percukaian. Selain daripada usaha dan kemampuan kerajaan negeri untuk meningkatkan pendapatan negeri demi menampung kos pengecualian cukai tersebut dan usaha ini berterusan dan tidak henti apabila kerajaan negeri harus mencari jalan dan terus mencari cara-cara terbaik dalam membangunkan kawasan-kawasan setempat agar menjadi sumber kewangan alternatif dan kumpulan wang ini digabungkan lagi bersama-sama pendapatan-pendapatan kerajaan negeri yang lainnya.

Isu berbangkit yang kedua ialah masih tiada penglibatan DUN Bukit Pasir sebagai ADUN Pembangkang di dalam Mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tindakan Daerah, terutama untuk mempermudah penyampaian, urusan dan penyelesaian isu berbangkit setakat di peringkat Majlis Jawatankuasa Tindakan Daerah. Setakat setahun, DUN Bukit Pasir menerima mandat untuk menerajui kawasan DUN N08 Bukit Pasir pada tahun 2018 masih tiada penglibatan DUN Bukit Pasir dalam pentadbiran kawasan DUN tersebut, dalam Majlis Jawatankuasa Tindakan Daerah sehingga kini.

Di sini DUN Bukit Pasir akan mengemukakan perkara yang menjadi kelemahan akibat tiada kebersamaan antara pihak pentadbir di peringkat daerah dan DUN. Sepertimana permasalahan cukai harta bagi kawasan DUN Bukit Pasir yang telah berlarutan selama setahun. Dan, kini DUN Bukit Pasir tidak memiliki medium untuk menyampaikan pandangan dan cadangan serta tidak berkebolehan untuk menerima input dan respons daripada pihak berkenaan secara langsung mahupun tidak langsung. Perkara ini didapati sangat tidak efisien bagi masyarakat setempat, kerana kebanyakan mereka mendapatkan Wakil Rakyat di kawasan DUN masing-masing dan sebarang permasalahan yang timbul dan yang dilihat semakin berlarutan dan memerlukan penyelesaian dengan kadar segera.

Di sini, saya ingin membuat penekanan akan pentingnya untuk berlaku adil terutama dalam sesebuah pimpinan besar kerajaan negeri terhadap pemimpin-pemimpin kecil DUN seperti Bukit Pasir. Allah berfirman dalam al-Quran (bacaan surah). Maksudnya, fahamilah maksud al-Quran ini, "Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan, yakni kebenaran kerana Allah, menjadi saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali kebencian mu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan", surah Al-Ma'idah; ayat 8.

Justeru itu, saya memohon pihak kerajaan untuk membuat kaji semula penglibatan ADUN-ADUN terutama ADUN pembangkang seperti DUN Bukit Pasir dalam soal pentadbiran di peringkat daerah. Agar kedua-dua pihak dapat menjalankan peranan masing-masing yang telah diamanahkan oleh masyarakat dan jabatan supaya kita bersama-sama membentuk masyarakat dan negeri Johor umumnya.

Isu berbangkit yang ketiga ialah peningkatan dalam pembangunan kilang-kilang di serata DUN Bukit Pasir dan implikasi kepada kawasan setempat. Terdapat dua implikasi daripada pembangunan industri kilang iaitu menjadi faktor kemerosotan alam sekitar dan faktor keselamatan terjejas apabila bertambah jumlah pendatang, kedatangan pendatang asing di kawasan Bukit Pasir. Dilihat di sekitar jalan Sungai Terap, terdapat sebuah tapak pelupusan dan pemprosesan habuk kayu dijalankan secara terbuka sedangkan di serata kurang 1 kilometer dari kawasan tersebut terdapat rumah-rumah kampung dan kawasan perumahan. Di serata parit-parit di dalam kampung mahupun di tepi jalan besar sering menjadi lokasi pembuangan sampah dan menjadi mangsa sisa kilang.

Manakala pada tahun 2018 tercatat dalam akhbar mengenai kes penculikan anak kecil berusia 17 bulan oleh warga pendatang berbangsa Nepal berlaku di Mukim Sungai Terap, Muar. Dan, pada bulan seterusnya kes pecah masuk empat suspek warga Vietnam di kedai

serbaneka di Kampung Temiang, Muar. Apa yang ingin diusulkan DUN Bukit Pasing bagi permasalahan di sini ada dua, iaitu pertama, memohon agar pemantauan dilakukan ke atas kilang-kilang yang dibangunkan di serata kawasan industri di DUN Bukit Pasing agar diperketatkan pengambilan pekerja pendatang asing, serta membuat penetapan untuk pengambilan pekerja-pekerja tempatan. Kedua ialah menetapkan dan menjalankan pemantauan dan penyelenggaraan berkala ke atas kawasan-kawasan yang menjadi kegemaran pembuangan sampah haram dan aktiviti pengilangan yang tidak menepati kriteria dan menjejaskan kesejahteraan penduduk setempat.

Isu berbangkit yang keempat ialah berkenaan masalah air yang telah berlarutan selama bertahun-tahun di serata kawasan Seri Makmur, Panjang Sari, Kampung Melayu, Jalan Raja dan keseluruhan Panchor. Hasil aduan DUN Bukit Pasing kepada pihak SAJ Ranhill didapati bahawa sistem paip yang digunakan, diguna pakai oleh pihak SAJ memerlukan penambahbaikan agar seiring dengan peningkatan penggunaan air akibat pembangunan yang berlaku di sekitar, di kawasan DUN Bukit Pasing. Tindakan segera perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk atasi permasalahan tiada bekalan air terutama pada waktu puncak dan musim perayaan. Di sini, DUN Bukit Pasing ingin menekankan betapa pentingnya apabila masalah ketiadaan air sering terjadi serta penduduk amat kesal apabila masalah ini dibiarkan berlarutan sehingga kini. Tiada pula sebarang tindakan yang diambil mahupun mana-mana pihak yang dilihat mengambil cakna untuk menjalankan penambahbaikan sistem paip tersebut. Justeru, DUN Bukit Pasing pada hari ini memohon agar pihak kerajaan mengambil berat akan keperluan penduduk dalam kelangsungan kerja-kerja harian mereka dan diharapkan agar kerja-kerja penambahbaikan dapat dikaji dan dijalankan segera mengikut kesesuaian pelaksanaan dan diambil kira agar tempoh yang diambil tidak terlalu membebaskan penduduk yang telah lama dibelenggu ketiadaan air.

Isu yang berbangkit yang kelima ialah cadangan daripada DUN Bukit Pasing untuk membangunkan masyarakat di DUN N.08 Bukit Pasing melalui penyediaan modul kemahiran di Hab Pendidikan Pagoh serta memperkenalkan potensi kawasan pelancongan di serata pinggir Sungai Muar. Rata-rata masyarakat DUN Bukit Pasing merupakan masyarakat luar bandar yang memiliki semangat untuk bekerja sendiri sama ada daripada pertukangan dan perniagaan dan yang selebihnya yang mendapat pekerjaan yang tetap ada di bandar Muar sebagai penjawat awam. Di sini DUN Bukit Pasing ingin memberi usul kepada pihak kerajaan untuk mengambil manfaat daripada Hab Pendidikan Pagoh untuk menyediakan modul-modul yang berunsurkan kemahiran agar penduduk luar bandar yang tidak berkemampuan untuk menyambung pelajaran sepenuh masa dapat memperoleh manfaat modul tersebut dan untuk memberi pendapatan secara bekerja sendiri. Manakala di serata sungai pinggir Sungai Muar contohnya, di kawasan Tg. Selabu, Jorak dilihat memiliki potensi untuk menarik pelancong selain pelbagai aktiviti air yang boleh dijalankan. Justeru, menjana ekonomi masyarakat setempat.

Usul berikut adalah hasil daripada lawatan yang dilakukan oleh saya sendiri mendapati keindahan alam sekitar, sekiranya disulami dengan kajian yang lebih terperinci untuk memahami apakah metodologi terbaik mendapatkan manfaat daripada lokasi-lokasi sebegini demi pembangunan dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Manakala isu berbangkit yang keenam, dan yang terakhir daripada DUN Bukit Pasing ialah usul berkenaan bagaimana pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri Johor perlu prihatin terhadap keadaan kehidupan keluarga-keluarga asnaf dan miskin bukan sahaja daripada bantuan kewangan serta zakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Agama Islam sahaja. Namun, mengambil kira langkah-langkah yang lebih berkesan agar mereka mampu menambah baik kehidupan seharian iaitu dengan penyediaan modul-modul kemahiran yang baru saya bangkitkan sebentar tadi. Namun, dikaji dan dipertimbangkan lagi berkenaan kos agar modul dan kemahiran yang disediakan mampu diikuti dan terus dipraktikkan oleh masyarakat asnaf sama ada kemahiran perniagaan, pertukangan dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi DUN Bukit Pasir, jumlah asnaf yang berdaftar di e-Kasih adalah seramai 300 orang manakala yang mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pula melebihi 1,000 orang. Sama ada bantuan kanak-kanak, OKU, bantuan orang tua, penyakit kronik dan bantuan am. Adalah relevan pada pandangan DUN Bukit Pasir sekiranya pihak kerajaan membuat kajian berkenaan alternatif-alternatif yang lebih efektif dan yang membuahkan hasil bukan sahaja kepada masyarakat bahkan kepada kerajaan negeri secara tidak langsung apabila mereka yang dilanda kesusahan dibantu melalui ilmu pengetahuan serta galakkan untuk menambah baik kualiti kehidupan mereka.

Dalam masa yang sama juga, mungkin EXCO Agama boleh melihat di kawasan DUN Bukit Pasir terdapat juga orang Islam berkahwin, tidak nikah mempunyai anak, anak pun bernikah dan anaknya kahwin tidak bernikah juga dan banyak sekatan yang sebelum ini saya kemukakan ia tidak dapat pergi ke sekolah, dan terus berterusan macam tu, menjadi satu bebanan dan tanggungan kita sebagai orang, ketua dalam negeri kita ini, menentukan supaya perkara ini dapat dihentikan. Moga EXCO Agama dapat mengambil nota akan perkara ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Muar merupakan sebuah lokasi yang tidak asing bagi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. DUN Bukit Pasir memohon agar Yang Amat Berhormat Dato' MB dapat mempertimbangkan isu-isu yang dibangkitkan dan usul-usul yang dicadangkan agar keadaan masyarakat di DUN Bukit Pasir ditambah baik lagi. Bersama-sama kita peka akan peluang yang boleh kita berikan kepada masyarakat dan semoga kita terus untuk istiqamah demi masyarakat dan negeri Johor khususnya.

Di sini, sidang Yang Berhormat sekalian tidak kira di pihak pembangkang mahupun kerajaan...

**YB Speaker:** Yang Berhormat, banyak lagi ke? Masa dah...

**YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) :** Dua minit lagi.

**YB Speaker:** Ok.

**YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) :** Di sini sidang Yang Berhormat sekalian, tidak kira di pihak pembangkang mahupun kerajaan boleh sama-sama mengambil iktibar melalui pimpinan khalifah Umar Abdul Aziz. Keturunan yang turun daripada Khulafa Ar-Rasyidin kedua yang tersohor iaitu Saidina Omar Al-Khatab. Dan telah mentadbir semasa pemerintahan Umaiyah. Selama pemerintahannya, beliau telah berjaya menghapuskan sama sekali penduduk fakir iaitu mereka yang miskin tegar melalui pengagihan baitulmal dan cukai yang berkesan serta merupakan khalifah yang hidup bersederhana. Kata-kata mutiara yang dipetik daripada kitab Al-Kharaj nukilan Abu Yusuf yang perlu sama-sama didalami dan diambil iktibar ialah apabila Khalifah Umar bin Abdul Aziz berkata kepada isterinya "Wahai isteriku, aku telah diuji oleh Allah dengan jawatan ini, dan aku sedang teringat kepada orang-orang yang miskin, ibu-ibu yang janda, anaknya ramai rezekinya sedikit. Aku teringat orang-orang dalam tawanan, para fuqara' (orang-orang fakir) kaum Muslimin. Aku tahu mereka ini akan mendakwaku di akhirat kelak dan aku bimbang aku tidak dapat jawab hujah-hujah mereka sebagai khalifah kerana aku tahu yang menjadi pembela di pihak mereka ialah Rasulullah SAW. Juga, kata mutiara saya petik daripada Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. "Jika kereta rosak mekanik akan membaikinya, jika tubuh badan bermasalah doktor yang akan mengubatnya. Jika kehidupan manusia bermasalah, maka Pencipta manusia itulah yang perlu dirujuk".

Pelik sungguh manusia, yang mengaku Allah SWT sebagai tuhan tetapi enggan merujuk kepada syarat Allah bila berdepan dengan masalah. Dengan yang demikian DUN Bukit Pasir memohon agar kerajaan negeri meneliti semula *instrument-instrument* yang disebut tadi kerana selain bertujuan untuk kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat, ia juga

merupakan harapan dan amanah yang dituntut oleh penduduk kawasan agar penyelesaian terhadap isu-isu ini dapat dicapai. Sekian, terima kasih. Saya akhiri dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker :** Waalaikumussalam warahmatullah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Pasir. Sebelum saya meneruskan perbahasan untuk seterusnya, kita ada peserta program dari Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS), dari Universiti Tun Hussien Malaysia (UTHM) Pagoh dan Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN) Pagoh seramai 31 orang. Terima kasih kerana hadir ke Persidangan kita kali ini. Seterusnya saya persilakan Sri Medan. Silakan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, pertamanya saya ingin menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Terima kasih juga saya tujukan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk sama dalam sesi perbahasan pada sidang pada kali ini. Insya-Allah saya akan cuba menggunakan ruang 20 minit yang diberikan oleh Tuan Speaker.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara pertama yang ingin saya sentuh iaitu saya amat tertarik dan saya tersangat suka dan teruja bila semalam rakan saya daripada Skudai, dia ada menyebut dua ayat, Alhamdulillah, insya-Allah. Yang saya nampak di sini sama ada YB Skudai faham atau tidak apa yang disebut pun saya tidak tahu. Saya nak tanya pun, dia tidak ada dalam Dewan. Saya harap apa yang disebut oleh YB Skudai bukan sekadar untuk berpolitik semata-mata atau ingin menggunakan agama sebagai alat untuk menarik perhatian kita semua atau yang di luar sana kerana saya lihat ada beberapa insiden yang nampak pada masa sekarang cuba menguji umat Islam yang sengaja dicetuskan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Contohnya, Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau Yang Berhormat Tuan Speaker maklum saya ingat dalam masa terdekat ada yang dilakukan oleh Ahli Parlimen Labis. Beliau berucap di dalam Masjid Tenang. Insiden ini sebenarnya telah mengundang sensitiviti kepada umat Islam dan saya pun tadi dalam *WhatsApp group* ada melihat juga, ada satu perkara yang saya rasa dicetuskan oleh Yang Berhormat MP Labis berkenaan mempertikaikan plat TMJ dan juga RZ. Yang kita lihat sebenarnya MP Labis ini, DAP dari Labis dia cuba mencetuskan berita-berita sensasi sama ada ia untuk menguji kita atau menguji umat Islam kerana kita pun tahu apa yang rakan-rakan sebelah sana lakukan selama ini mungkin tidak sama apa yang kita lakukan dengan rakan-rakan pati komponen sebelum ini, MCA, MIC. Kenapa perlu melakukan perkara-perkara yang bukan kelaziman atau perkara-perkara yang sebelum ini bukan jadi amalan kepada kita semua? Kenapa perlu MP Labis daripada pihak DAP perlu ke dalam kawasan perkarangan masjid untuk menyampaikan sumbangan dan sebagainya kerana ini mungkin satu perkara yang pelik.

Jadi, saya melihat sini Yang Berhormat Tuan Speaker, kita saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Saya ingat kita telah menjadi amalan kepada kita sejak sekian lama, sebelum kita merdeka, selepas kita merdeka, anda Islam ke, anda Buddha ke, anda Hindu ke, kita berjaya mengekalkan keharmonian. Tetapi apabila kerajaan yang dibentuk hampir dua tahun ini kita lihat cuba menimbulkan pelbagai polemik untuk kita sama ada dengan sengaja atau tidak untuk menimbulkan perasaan kebencian antara satu sama lain. Saya mohon jasa baik YB Tuan Speaker, EXCO Agama yang diberi peranan untuk menjaga hal ehwal agama dalam negeri Johor untuk melihat perkara ini sama ada perlu di tazkirah ke atau di taklimat kepada rakan-rakan sebelah sana kerana kita dah lama hidup dengan dalam pelbagai parti dalam kerajaan sebelum ini. Kita tahu, dan mereka tahu membezakan antara yang baik dan juga yang buruk. Jadi, insya-Allah kalau ada juga mungkin perkara-perkara ini berlaku lagi, saya khawatir perkara ini akan mencetuskan suasana yang lebih dahsyat selepas ini. Jadi, saya harap EXCO Agama dapat memainkan peranan bagi kita mengawal sentimen kebencian daripada menular dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara kedua, saya agak susah nak menerima bila ada di kalangan YB-YB di sebelah sana, ini teguran daripada sayalah, bila ada di kalangan YB-YB di sebelah sana sentiasa mencari alasan bila gagal menunaikan janji-janji kepada rakyat yang sepatutnya ditunaikan, semua kegagalan itu diletak kepada bahu kerajaan yang dahulu. Saya pun pelik, yang buat janji sebelah sana, janji ditunaikan 100 hari. Ada yang dah janji dua tahun, lepas ini minta tambah lagi tiga tahun, ini yang kita dengar. Siapa yang suruh janji, kita pun tak suruh janji apa-apa pun. Kita janji berdasarkan fakta dan juga alasan yang jelas untuk kita meyakinkan rakyat. Semalam saya dengar perkataan kencing, kencing, kencing dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum ini kita dengar perkataan apa ya, saya nak sebut pun, sebut jelah berak, berak, beraklah. Dah jadi Menteri Besar dah sekarang orangnya.

Saya pun tak tahu tiada kawalan...

**YB Speaker :** Sebenarnya Yang Berhormat boleh guna peraturan Dewan perkataan-perkataan tak sesuai.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Masa tu kita apa teruja tengok EXCO menyebut perkataan yang tak pernah kita dengar dalam Dewan, jadi kita dengar jelah. Siapa yang menjanjikan tol percuma, siapa yang menjanjikan PTPTN hendak dihapuskan, siapa yang menjanjikan GST kalau hapus harga barang akan turun dan siapa pulak yang menjanjikan minyak akan turun RM1.50. Terngiang-ngiang saya ingat dalam kita punya pendengaran. Ada seorang pemimpin dia sebut, dia kata kalau kita dapat kerajaan pada hari ini, esok harga minyak kita akan turunkan RM1.50 sebelum ayam berkokok. Saya ingat ayam berkokok dah berjuta kali Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker :** Maknanya, Yang Berhormat hadir dalam ceramah itulah?

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Kita suka tengok YouTube. Yang Berhormat pun sama juga. (Dewan ketawa). Saya suka tengok YouTube. Kadang-kadang kita nak buat perbandingan juga apa yang dijanjikan oleh pihak pembangkang dulu. Hari ini kita jadi pembangkang pun belajar, kerana kita susah jadi pembangkang kerana kita selama ini jadi kerajaan. Dia menjanjikan sesuatu yang dia kata munasabah pada ketika itu, tapi hari ini tidak boleh dilaksanakan. Akhirnya, dia menyalahkan kita kerana alasan yang kata kita dulu buat kerosakan dan sebagainya.

Jadi, saya melihat bahawa kerajaan pada hari ini, berjanji tanpa berfikir dahulu. Jadi sekarang, bila rakyat mula marah semua alasan dikeluarkan untuk menutup kepincangan diri sendiri. Buat jelah kerja. Kita pun tidak pernah mengganggu pun daripada barisan EXCO yang lepas kita tengok orangnya lain. Hari ini lain pulak orangnya. MB yang kita ingatkan pertahan dua penggal, 10 bulan dah hilang. Kita kadang-kadang pelik tau. Cuba Ahli-Ahli Yang Berhormat fikir apa sebenarnya hikmah berlaku semua perkara ini. Kita reda kita duduk di bahagian pembangkang tiada masalah pun. Tapi kita melihat bila hari ini rakyat dia bukan rakyat mungkin 50, 60 tahun dulu. Rakyat hari ini berfikir secara matang. Sebab itu, kena akuilah, macam kita dah kerjanya pembangkang, memang kita membangkanglah. Dulu masa saya jadi EXCO Kerajaan teruk juga saya kenakan. Soalan tambahan YB EXCO Belia. Saya ingat nak pitam kalau saya nak menjawab. Tapi kita cubalah kerana kita tahu bahawa hari ini perlunya kerajaan yang kukuh kerana bukan kata kepentingan untuk kita sebagai pembangkang, tetapi kepentingan untuk negeri dan juga rakyat negeri Johor. (Dewan bertepuk). "Pecah kaca, pecah gelas, dulu kita kena, sekarang kita balas".

Saya cadangkan pada rakan-rakan sebelah sana Yang Berhormat Tuan Speaker, tak payahlah kita selepas ini nak mencari salah siapa, tak perlulah sampai nak mencadangkan tanam buluh. Kesian YB EXCO Pertanian. Tak perlulah sehingga nelayan kena tanam nanas. Baik-baik kereta kita di darat, cadangkan kereta terbang. Allahuakbar. Itu cadang

perkara-perkara yang saya ingat tidak munasabahlah menteri-menteri. Yang Berhormat ingat, EXCO-EXCO lebih pandai daripada menteri-menteri yang ada sekarang ini. Gunakan akal kebijaksanaan bukan kita hanya bijak semata-mata.

Yang Berhormat Tuan Speaker, hampir saya terlupa, dalam sesi soalan tambahan dalam dua sidang yang lepas. Saya pernah bertanya dengan EXCO Pertanian yang dahulu sekarang dah Menteri Besar, apa soal penanaman nanas. Menteri Pertanian pernah mencadangkan agar nelayan menanam nanas. Kita pun memang agak terperanjat. Tapi kita dengarlah, menteri yang bercakap. Yang Berhormat Speaker kenal sangatlah menteri itu.

Saya nak tanya status program ini. Nanti boleh sampaikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Adakah nanasnya dah ditanam, adakah nanasnya dah berhasil atau nanasnya telah menghasilkan pendapatan kepada nelayan-nelayan. Apa program, saya ada tanya dulu. Menteri cadang, tak akan cadang tertutup aje. Hari ini rakyat dihimpit dengan kos sara hidup yang..

**YB Speaker :** Tapi, saya tengok Sri Medan, *area* belah Sungai Balang semua dah banyak tanam nanas sekarang.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Dia tengok tanah Yang Berhormat Tuan Speaker. Sri Medan bukan tanah gambut, kebanyakan tanah liat. Tanah gambut itu *area* kawasan Bukit Naning saya ingat YB Ysahrudin. Hari ini rakyat di himpit dengan kos sara hidup yang cukup tinggi. Kalau pekebun sawit saya ingat sebelum pilihan raya, semua pun tahulah kebun sawit pun banyak ingat kerajaan belah sana, RM500.00, sebelum pilihan raya. Tapi hari ini, nak dapat RM300.00 pun susah. Saya ada terdengarlah dalam YouTube juga, saya ini suka *stalk* mana-mana YB EXCO Pertanian pun saya suka kadang-kadang tengok. Dia cadangkan untuk revolusi pertanian. Menanam gambir atau lada hitam, betul Yang Berhormat EXCO Pertanian? Saya nak dengar jugalah apa dia punya perancangan Yang Berhormat EXCO Pertanian selepas ini. Kalau boleh bagi penerangan kepada rakan-rakan pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang. Kadang-kadang kita nampak keliling semua sawit. Saya ingat lebih 70% kawasan di kawasan Sri Medan pun sawit. Tapi, hari ini bila sawit harganya turun, nampak penduduk kawasan luar bandar dah merungut. Akhirnya, dia bukan salahkan siapa pun, dia nak salahkan ADUN Sri Medan pun tak boleh. Hari ini saya tolak je kerajaan hari ini. Dulu kita baik-baik bagi RM500.00 sebulan tapi hari ini tinggal RM300.00 nak cecah RM300.00 pun susah. Kesian pada penduduk-penduduk luar bandar. Saya mohon YB EXCO Pertanian untuk memberi pencerahan untuk program ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sangat-sangat berharap kita semua jangan duduk berpolitik jelah. Sepatutnya, hari ini kerajaan yang telah wujud dua tahun memikirkan sesuatu yang lebih baik. Kata kita dulu tak betul, dulu kita tak bagus apalagi lakukan perubahan untuk menjadi lebih baik. Tapi sehingga hari ini nampaknya masih gagal Cuma satu saja yang saya nampak YB Speaker perubahan yang telah berlaku yang saya sebut sikit je tadi, mengubah Menteri Besar dan juga barisan-barisan EXCO. Tahniahlah. Sejarah telah tercipta tak sampai 10 bulan, (ketawa). Rekod tu. Ketua Pembangkang pun sebut semalam. Saya pun sempat *study*, memang betul itulah paling singkat dalam sejarah negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin ucapkan terima kasih kepada EXCO Belia dan Sukan yang semalam beri jawapan tentang soalan lisan saya, saya juga ingin mengucapkan tahniah, difahamkan negeri Johor di radio saya ada dengar, dalam kereta, negeri Johor memperolehi peruntukan RM142 juta bagi melaksanakan SUKMA 2020. Alhamdulillah, saya ucap tahniahlah, saya rasa rekod juga ni, ye, bukan rekod kerana dapat RM142 juta YB, kerana pada tahun 2016 Sarawak dapat lebih RM300 juta untuk menganjurkan SUKMA. Pada ketika itu, saya sebagai EXCO Belia dan Sukan, yang rekod yang saya nak sebut, nak anjurkan SUKMA 2020, tiga exco terlibat, saya ketika awalnya perancangan awal lepas tu

YB Khuzzan, banyak lawatan YB Khuzzan dah pergi tau, tapi akhirnya bertukar pulak YB Sheikh 'Umar, kalau saya salah sebut, minta maaf ye, EXCO Belia dan Sukan. Akhirnya bertukar tiga, kalaulah SUKMA 2020 ni tak berjaya dilaksanakan dengan cemerlang dan baik dengan tiga idea, saya ingat bertukar kerajaan lepas ni kot. (Dewan ketawa). Apa yang saya tengok punya SUKMA ni dia akan mencerminkan, melambangkan pembangunan rakyat Johor. Dia sukan bukan sukan semata-mata. Kalau orang tu boleh lari 100 meter kelajuan itulah yang menunjukkan macam mana sistem kita melatih anak-anak kita ni daripada awal sehingga dia berjaya menjadi pelumba atau jadi pelompat yang paling baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di Dewan yang mulia ini, saya ingin melahirkan sedikit kekusaranlah, mungkin tadi YB Larkin ada sentuh pasal SUKMA. Sebagai rakyat Johor saya masih tanda tanya sikit ye kalau saya boleh kongsi sama-sama dengan apa di Dewan yang mulia ini, sama ada betul ke SUKMA 2020 akan berlangsung di negeri Johor? Tinggal setahun ye. Masih belum nampak apa-apa, belum boleh nampak apa-apa promosi ye atau logo SUKMA 2020 yang dilancarkan. Difahamkan kejohanan akan berlangsung dalam tempoh setahun lagi sama ada sempat atau tidak kerana masa semakin singkat kerana peruntukan untuk kita menyediakan kerja-kerja awalan ni pun saya ingat sangat besar, tapi kalau contohlah, kalau kain rentang kita bermodal dalam RM200.00 atau RM300.00 tapi kita pasang dalam tempoh seminggu, saya ingat tak memadailah dengan kos yang tinggi. Jadi, sekurang-kurangnya mesti telah di pampang di mana-mana tepi jalan dalam tempoh setahun sebelum kejohanan berlangsung.

Yang Berhormat Speaker, termasuk juga fasiliti sukan yang sedang dibina, adakah dapat siap sepenuhnya ye? Sebab apa Yang Berhormat Tuan Speaker, jika fasiliti ini tidak dapat diuji oleh atlet-atlet Johor sendiri, ianya sebenarnya akan menyebabkan kemudahan disediakan kita ini akan menjadi asing ye, kepada atlet-atlet kita sendiri. Bayangkan kita tuan rumah, tuan rumah tapi kita tak sempat menguji stadium yang kita bina, akhirnya kita berlari sama juga suasananya dengan pelari-pelari daripada negeri lain. Sebab itu, saya ingin YB EXCO Belia dan Sukan dapat memberi perincian status terkini persiapan dan juga fasiliti sukan yang disediakan dalam negeri Johor untuk SUKMA 2020. Secara peribadi, kita harap kejohanan ini bukan sahaja menjadi satu kebanggaan pada kita di Dewan, tetapi menjadi kebanggaan kepada seluruh rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang program-program belia ye, yang saya nampak agak perlahan, itu pandangan saya ye. Kalau pandangan EXCO Belia dan Sukan lain, dia kata bagus, takpe ini pandangan saya, kerana kita kadang pun tengok pemain-pemain di *Facebook*, netizen-netizen banyak dia menyentuh program-program belia. Saya bukan nak buat perbandingan zaman saya atau zaman EXCO Belia sekarang. Tapi, saya ingin bertanya, wujud lagi tak Sukarelawan Darul Ta'zim, Program *Johor Future*, kerana Program Sukarelawan Darul Ta'zim dan *Johor Future* untuk kita menyemarakkan belia-belia di peringkat akar umbi. Jadi, kalau ada, sebutkan. Tadi, ada YB terangkan tapi mungkin tak berapa *detail*. Saya harap dapatlah beri maklumat kepada kita semua.

Yang Berhormat Speaker, saya menganggap program ini kita wujud sebelum ni pun bukan kerana kita nak berpolitik semata-mata, kerana kita kesian belia, belia saya ingat lebih 50% sekarang, lebih 50% dalam negeri Johor, ye. Kalau kita lihat anak-anak muda ni kita dedahkan dengan Program-Program Sukarelawan Darul Ta'zim, *Johor Future*, dia ada tiga perkara dia sebenarnya, kalau saya buat dulu.

1. Saya nak menyemai semangat kesukarelaan di kalangan anak-anak muda.
2. Memupuk semangat perpaduan belia Cina ke, belia India ke, belia Melayu, kita boleh sama-sama dalam program kesukarelaan.
3. Menggalakkan aktiviti kecergasan, itu yang kita nak.

Tiga perkara waktu kita wujudkan program seperti ni. Saya mohon YB EXCO dapat beri maklumat tentang perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, ada juga beberapa isu tempatan yang ingin saya bangkitkan dalam sesi pada kali ini. Saya melihat beberapa isu yang selalu dibangkitkan rakan saya. YB Senggarang ye, pun ada bangkitkan soal tapak pelupusan sampah, isu penjualan tanah, pengeluaran tanah, saya ingat berulang-ulanglah YB Tuan Speaker ye. YB Tuan Speaker boleh ingatkanlah EXCO-EXCO bertanggungjawab ke Menteri Besar selepas ni, ingat YB Khairudin kalau menyebut tu saya ingat kesian dia, daripada hitam dah kepada putih dah ye, rambut dia dah kan...

**YB Speaker:** Sejak awal memang putih dah...

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** (Ketawa). Saya kenal dia lagi lama daripada YB. Tentang tapak pelupusan sampah ini ye, di Bukit Payong, saya ingat dah berapa kali dibangkitkan. Jadi saya sendiri pun tak tahu apa status projek ni ye, sama ada dihentikan ke, atau diteruskan ke. Bila cakap dihentikan sebelum pilihan raya, saya ingat lagi dengan mantan Menteri Besar yang lama. Kita dapat keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan, kita hentikan sementara projek Tapak Pelupusan Sampah Bukit Payong, kita hentikan dah. Tapi, bila selepas pilihan raya, nampak berjalan lagi. Tapi hari ini, kata berhenti, berhenti, berhenti dapat apa, apa memo ke surat daripada Menteri, daripada EXCO, daripada Menteri Besar, projek tu masih berjalan. Saya bukan masalah apa, hari ini perkara yang sama berulang-ulang. Kalau kata nak teruskan, teruskanlah. Tapi maklumkan. Saya kesian je NGO Bukit Payong. Saya ingat YB Tuan Speaker pun ada dalam *group* saya ingat, NGO Bukit Payong, teruk. Hari-hari bercakap, hari-hari, memang dia orang nak dipindahkan Tapak Pelupusan Sampah Bukit Payong. Ketika kempen Pilihan raya Umum yang lepas, teruk, saya ingat saya teruk kena ye, YB EXCO Perumahan selamatlah baru jadi EXCO jadi takde dalam *group* lagi kan, NGO Bukit Payong *group WhatsApp*, you belum kena lagi. Dalam pilihan raya saya ingatkan semua isu jadi bahan untuk meraih undi. Bayangkanlah saya tak sekolahlah, apalah, saya diam aje, nak jawab takut, di kalangan EXCO-EXCO, Wakil Rakyat sebelah sana pun ada, wah dia kata kalau kita dapat kerajaan, kita akan pindahkan pencemaran ini di kawasan perumahan dan sebagainya. Kita pun diam aje. Betullah. Mungkin kot. Ha ni dah dapat pun sama. Jangan diam. Kena usahakan. Usahakan bagaimana hendak mendengar suara dan juga naluri orang-orang Kampung Kangkar Merlimau dan juga sekitarnya. Bagaimana nak memindahkan tapak pelupusan sampah Bukit Payong? Carilah alternatif.

YB Tan Hong Pin tu sampai dah bertukarlah, oh dia punya gegarlah itu hari, dapat tanahlah apa, tapi akhirnya tak berjaya. Bagi keputusan yang konkrit bagaimana nak menyelesaikan masalah ini.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya melihat di kawasan tapak pelupusan sampah ni pun ada banyak perkara jugaklah. Beberapa isu yang perlu saya bangkitkan tentang pencemaran tanah ye, pengeluaran tanah dan sebagainya, banyak. Kadang-kadang saya tengok di Sri Medan, bukit bukau banyak tapi akhirnya dah makin rata dah. Bila kita tanya Pejabat Tanah Daerah dia kata ini tanah persendirian, tanah persendirian kalau tak dikawal akhirnya bukit botak dah tentu botak dah takde bukit dah. Bukit Payong dah takde bukit dah, Bukit Capal dah takde bukit dah, Bukit Sejahtera dah memang takde sekarang. Sebab apa, proses pengeluaran tanah yang berleluasa. Bila kita potong tanah, masalahnya di jalan-jalan besar dan sebagainya berlaku bila hujan lebat, limpahan air, takde lagi kawasan tadahan air, itu menyebabkan bahaya kepada keselamatan orang kampung. Kesian. Orang kampung mana lagi...

**YB Speaker :** Lama lagi Yang Berhormat?

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Ya?

**YB Speaker :** Masa dah cukup ni.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Dah cukup? Sikit lagi Yang Berhormat.

**YB Speaker :** Boleh sambung dengan Sri Medan nanti.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** (Ketawa). Ok, ok. Terima kasih. Yang Berhormat Speaker, saya harap kerajaan negeri, Pentadbir Tanah Daerah dapatlah sama-sama menyelesaikan masalah seperti ini.

Seterusnya, saya ada terdengar jugalah Ahli Yang Berhormat saya lupa tentang pembersihan parit dan sebagainya kan. Saya dengar peruntukan pun tak besar dari zaman kerajaan yang dulu pun peruntukannya cukup terhad. Saya harap kalau boleh selepas ini, seperti disebut oleh YB Khairuddin seperti yang saya terdengar, melalui SAJ, SAJ ada duit sumbangan kepada BAKAJ untuk kerja-kerja pemuliharaan parit dan sungai. Kalau kata peruntukan ini boleh digunakan pada kawasan-kawasan luar bandar, parit-parit yang apa semak samun, dan, kerana peruntukan memang tak cukup. Jadi dapat mengelakkan banjir kilat, dapat mengelakkan air bertakung di kebun-kebun. Sekurang-kurangnya orang kampung dapat menjaga tanaman kelapa sawit dan juga mereka boleh mendapat apa, hasil dengan potongan sawit dengan lebih baik dan tinggi. Ini masalahnya semua tak boleh selesai. Dahlah harga sawit turun, dengan tak boleh keluarkan sawit dan sebagainya, akhirnya orang kampung semua memberontak. Yang susah bukan saya, yang susah esok kerajaan pada hari ini. Saya bagi tip bagaimana nak mengambil hati rakyat di kawasan luar bandar.

Jadi, saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Saya selalu berdoa agar rakyat hari ni dapat menilailah ye, sendiri dengan apa yang berlaku hampir dua tahun ini ye. Saya juga mendoakan Tuan Speaker panjang umur sihat walafiat ye, akan terus jadi Speaker. Kalau kata, selepas ini, insya-Allah, sama-samalah kita, saya sukalah bila YB yang positif bercerita bila kita nak bersama-sama, seronok, tapi bila sama-sama cakap depan, belakang cerita lain, itu yang penat tu. Depan cakap oh sama-sama kita bersama, ini kerjanya kencing-kencing, perkataan lain buat. Jangan. Kerana kita menjaga tatasusila kita kepada Ahli Dewan, sebagai Ahli Dewan Negeri Johor.

**YB Speaker :** Kalau saya terus jadi Speaker, maknanya pilihan raya akan datang ni BN kalah lagi tau.

**YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Eh, mana tahu YB melompat. (Dewan ketawa). Saya, benda ni semua boleh berlaku, tak mustahil YB ye. Benda nak melompat ni kadang saya tengok benda yang pelik pun boleh jadi logik ye. Dulu duduk hujung, boleh duduk depan sana. Semua ni tak mustahil. Allah taala punya kuasa. Terima kasih pada semua, mohon maaf kalau ada salah silap. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker :** Terima kasih Sri Medan. Baru ni saya ada dapat, apa nama, dapat tawaran pergi berkursus di London tiga hari bawah CPA. Semasa tiga hari saya berkursus tu, setiap pagi, setiap pagi *breakfast* di London, buah yang dihidangkan kepada kita adalah salah satunya adalah nanas, nanas, epal, *orange*. Maknanya, nanas kita ni setanding dengan epal dan *orange* di London. Ni satu perkembangan yang baik dan saya kira ini kalau kita usahakan lebih banyak lagi nanas ni, dia akan lebih baik lagi untuk potensi yang agak baik. Sri Medan banyaklah tempat untuk boleh tanam nanas. Ok, saya seterusnya persilakan Penggaram. Silakan.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Salam sejahtera, selamat tengah hari. Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku ini. Penggaram juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi

tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin bin Jamal, Menteri Besar Johor yang baru dan semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang telah dilantik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram ingin memaklumkan kekecewaan berkenaan kegagalan pihak TM di dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Gangguan perkhidmatan yang bermula sejak hujung tahun lepas, di mana ia melibatkan kawasan-kawasan bandar, luar bandar dan kawasan perindustrian di daerah Batu Pahat. Rangkaian telekomunikasi merupakan nadi keperluan utama pada zaman sekarang. Penggaram percaya permasalahan ini bukan sahaja melibatkan daerah Batu Pahat tetapi juga terjadi di daerah-daerah lain. Laporan daripada pihak TM menyatakan sehingga Mei 2019, pihak TM telah menerima sebanyak 660 aduan mengenai gangguan perkhidmatan dan hanya 133 aduan kerosakan dilaporkan berjaya diatasi. Apa yang di, mendukacitakan apabila TM tiada sebarang inisiatif di dalam menyampaikan penerangan dan informasi kepada pengguna berkenaan masalah-masalah yang dihadapi, bahkan lebih buruk lagi aduan hanya boleh disalur, disalurkan melalui talian 100. Di mana pelanggan sehingga kini tidak diberi jawapan berkenaan permasalahan yang dihadapi. Dan tidak ada kadar masa yang ditetapkan oleh pihak TM untuk menyelesaikan masalah ini. Penggaram dimaklumkan oleh TM untuk menyelesaikan masalah ini. Untuk menasihatkan para pelanggan supaya menaik taraf penggunaan Unifi bagi meneruskan perkhidmatan tetapi umum sedia maklum, tidak semua kawasan berada dalam lingkungan perkhidmatan Unifi. Malah langkah yang diambil oleh TM mengatasi masalah ini adalah sangat tidak adil dan tidak munasabah bagi pelanggan yang tidak menggunakan perkhidmatan internet.

Permasalahan yang berterusan sehingga kini sepertinya TM tidak memandang serius terhadap aduan daripada pelanggan mereka. Bukan itu sahaja, bayaran sewaan bulanan tetap diambil oleh pihak TM, walaupun TM gagal di dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Ia telah menimbulkan kemarahan pelanggan malah lebih buruk lagi, kegagalan TM ini memberi imej buruk kepada kerajaan. Sepertinya kerajaan tidak mampu untuk membuat sesuatu untuk rakyat. Telah lama atasi masalah ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kegagalan pihak TM di dalam mengatasi gangguan perkhidmatan ini, secara tidak langsung telah mengganggu kerancakan operasi perniagaan, industri pengilangan, pelancongan dan lain-lain. Sekali gus merencat pertumbuhan ekonomi di negeri Johor khasnya di Batu Pahat. Selain, ianya mengganggu kesejahteraan kehidupan harian pelanggan. Justeru, Penggaram berharap kerajaan perlu menggesa pihak TM di dalam memperbaiki dan menambah baik perkhidmatannya supaya pelanggan mereka dapat terus menjalankan operasi-operasi harian mereka seperti sediakala.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Batu Pahat merupakan bandar yang pesat membangun di negeri Johor. Populasi penduduk yang melebihi 4 juta membuatkan lalu lintas di Batu Pahat semakin sibuk, serta menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan di jalan raya. Penggaram mengambil kesempatan ini untuk membawa fokus semua pihak kepada aspek keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Pertambahan jumlah kenderaan peribadi meningkat di jalan-jalan raya bukan sahaja sukar untuk dikawal tetapi telah menjadi aspek kesesakan lalu lintas dan boleh menyebabkan pertambahan jumlah kemalangan jalan raya. Batu Pahat telah mencatat bilangan kes kemalangan yang cukup tinggi.

Justeru, Penggaram mengesyorkan agar diadakan satu sistem keselamatan jalan raya bersepadu yang akan mendapat mengurangkan risiko kemalangan jalan raya. Khususnya kepada pengguna bermotosikal, basikal dan anak-anak sekolah. Satu mekanisme perlu dibentuk di antara Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri. Di dalam menyusun strategi keselamatan jalan raya kepada pengguna, kempen kesedaran keselamatan jalan raya kepada pengguna, mahupun, kempen penggunaan pengangkutan awam perlu dipertingkatkan. Di samping menyediakan sistem yang cekap dan berkesan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di dalam hal keselamatan jalan raya kita perlu sedar bahawa kita tidak boleh bergantung dan menyerahkan semua tugas tersebut kepada pihak polis trafik atau JPJ sahaja. Sebaliknya, pihak PBT serta Jabatan Pendidikan yang mempunyai hubungan langsung dengan orang awam dan pihak sekolah mampu membantu untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai keselamatan jalan raya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mencatat kadar peningkatan dan jumlah kes kemalangan jalan raya yang tinggi di dalam Malaysia, sehingga menduduki tangga pertama menandakan Batu Pahat memerlukan satu jalan litar luar atau jalan pintasan sebagai akses ke pintu masuk lebuhraya. Pembinaan lebuhraya yang menghubungkan bandar Batu Pahat dengan pintu masuk lebuhraya, mampu untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya. Selain dapat memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya domestik di Batu Pahat, ia juga mampu merangsang pertumbuhan ekonomi di daerah Batu Pahat. Kerana terdapat kemudahan logistik dan pengangkutan antara kawasan-kawasan bandar dan industri dengan lebuhraya. Cadangan Menteri Pengangkutan untuk membina pembahagi jalan di FT50, Jalan Batu Pahat ke Ayer Hitam sebagai langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, termasuk kemalangan maut di kawasan tersebut merupakan satu langkah yang baik. Tetapi suatu jangka masa yang panjang, Penggaram berpandangan bahawa Batu Pahat memerlukan satu jalan pintas yang menghubungkan bandar Batu Pahat serta kawasan-kawasan industrinya dengan lebuhraya, serta daerah-daerah sekitarnya. Perkara ini sekali gus dapat merencanakan pertumbuhan ekonomi di negeri Johor secara keseluruhan. Penggaram juga percaya, pembinaan lebuhraya yang menghubungkan bandar Batu Pahat dapat memastikan pembangunan ekonomi yang berintegrasikan perusahaan, industri pertanian, kebudayaan dan pelancongan di kawasan Batu Pahat dapat direalisasikan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kedudukan bandar Batu Pahat adalah strategik kerana ia terletak di tengah-tengah laluan perdagangan utara ke selatan. Oleh yang demikian, Batu Pahat memerlukan pengangkutan air yang sistematik dan teratur selain laluan darat. Sejarah telah membuktikan bahawa pengangkutan air telah membantu kepada pertumbuhan atau kewujudan bandar Batu Pahat atau lebih dikenali dengan bandar Penggaram. Tanpa adanya jeti-jeti atau pelabuhan kecil sejak dahulu, pasti bandar Batu Pahat akan mengalami kelembapan pembangunan atau mungkin bandar ini tidak akan sama seperti sekarang ini. Arus pembangunan pesat yang berlaku di negara khususnya di bandar Batu Pahat, jeti-jeti dan pelabuhan yang sedia ada telah menuntut perubahan kerana mempunyai masalah teknikal dan komersial yang amat ketara. Kemudahan-kemudahan yang ada kini tidak lagi mampu menampung aktiviti pelabuhan yang agak besar. Oleh yang demikian, timbullah jeti-jeti haram yang tidak teratur dan tidak bersistematik sebagai langkah alternatif mencari keuntungan di dalam menampung keperluan aktiviti-aktiviti tersebut.

Penggaram dimaklumkan terdapat lebih daripada 20 jeti-jeti atau pelabuhan *barter trade* di daerah Batu Pahat. Tetapi sehingga kini, hanya 5 buah pelabuhan sahaja yang beroperasi secara sah, termasuk jeti pihak kastam. Pada 2018, terdapat 5 buah jeti persendirian di Batu Pahat yang berlesen iaitu Jeti Ng, Ride Based, Hoslted Inn, Harta Warga dan Matahari Mining. Tetapi semasa pembaharuan lesen pada tahun ini, salah sebuah jeti Matahari Mining telah gagal untuk memperbaharui lesennya. Berdasarkan kepada keadaan Batu Pahat sekarang, sudah tiba masanya bandar Batu Pahat mempunyai jeti pelabuhan tukaran barang dagangan yang lebih efisien dan sistematik supaya fungsi jeti-jeti dapat dikembangkan lagi. Penggaram berharap kerajaan memandangi jeti-jeti yang beroperasi secara haram di Batu Pahat sebagai satu cabang peluang di dalam mempertingkatkan ekonomi di negeri Johor serta mewujudkan banyak peluang-peluang pekerjaan. Sebarang kekurangan yang terdapat pada jeti-jeti yang sedia ada ini, sama ada yang telah berlesen, mahupun yang belum berlesen, perlu diselusuri oleh kerajaan supaya aktiviti *barter trade* dapat dipertingkatkan demi kepentingan masyarakat. Kerajaan perlu memberi garis panduan, bimbingan dan dorongan positif kepada jeti-jeti ini. Dalam proses mereka menambah baik jeti-jeti mereka. Sebagai langkah membahagi, *sorry*, sebagai langkah bagi memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ini bersesuaian dengan titah

Duli Yang Maha Mulia Tuanku, bahawa setiap pemimpin yang telah dilantik mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memikul amanah rakyat di dalam negeri Johor. Oleh itu, jalankan tugas yang diberikan dengan jujur dan ikhlas serta sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat dan negeri berbanding kepentingan peribadi atau parti politik.

Penggaram memandangkan kewujudan jeti-jeti ini adalah lambang dan cerminan kemajuan fizikal sesuatu bandar. Daerah Batu Pahat mempunyai geografi pesisiran pantai yang sesuai untuk pembinaan jeti. Jika kita mempunyai kemudahan dan menguruskan dengan komprehensif dan teratur, Penggaram melihat jeti-jeti ini bakal menjadi pemangkin kepada pembangun ekonomi khususnya dalam sektor perniagaan, sekali gus mampu membuka ruang pelaburan dan pekerjaan yang banyak di daerah Batu Pahat. Apakah inisiatif-inisiatif kerajaan dalam penyusunan jeti-jeti di daerah Batu Pahat? Adakah akan dilesenkan jeti-jeti yang beroperasi secara haram? Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan masa hadapan untuk membina sebuah jeti yang besar dan bersepadu? Penggaram berpendapat bahawa satu proses pemutihan jeti-jeti di Batu Pahat dapat dijalankan. Diharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi pencerahan dan pandangan berkenaan pandangan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram percaya sama ada daripada pembangkang atau pun dari pihak kerajaan, kita tidak ingin insiden Pasir Gudang berlaku. Bahkan dari nilai kemanusiaan tiada siapa yang mahu melihat orang lain menderita akibat dari insiden ini. Kita sebagai Wakil Rakyat, kita berhak untuk membahaskan perkara ini dan mengeluarkan soalan dan pandangan kita. Oleh itu, kerajaan sentiasa memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya dapat mengetahui lebih dalam lagi berkenaan krisis ini dan membahaskan serta memberi pandangan-pandangan yang membina supaya, kita dapat bekerjasama di dalam menangani krisis ini.

Penggaram berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang tidak sewenang-wenangnya membuat tuduhan bahawa kerajaan telah gagal di dalam menguruskan insiden ini. Tuduhan yang mengatakan bahawa di dalam Wakil Rakyat pihak kerajaan mempunyai puak atau kumpulan-kumpulan yang tidak mempercayai terhadap pimpinan-pimpinan kerajaan adalah tidak benar sama sekali. Penggaram mengharapkan kerjasama dari semua pihak agar kita dapat menangani perkara ini dalam masa yang singkat. Sebagai Wakil Rakyat yang dipilih tidak kira dari mana-mana pihak, kita perlu selalu membantu kerajaan memantau keadaan ini dari semasa ke semasa. Seperti yang di titah oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang menyatakan pihak pembangkang khasnya memainkan peranan untuk memastikan segala apa yang dijalankan kerajaan benar-benar memberi manfaat kepada masyarakat umum dan dilaksanakan dengan betul dan teratur.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram dimaklumkan bahawa kerajaan tidak lagi memberi *emblem* kereta kepada Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Tempatan di negeri Johor. Penggaram tidak faham mengapa kerajaan negeri tidak meneruskan pemberian *emblem* kereta ini kepada Ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Selain sebagai satu identiti supaya mereka lebih mudah untuk dikenali oleh masyarakat tempatan, ia juga sebagai salah satu tanda cenderamata dan penghargaan kepada Ahli-Ahli Majlis dalam perkhidmatan mereka kepada kerajaan. Menyedari kadar elaun yang diperolehi oleh mereka tidak setimpal dan berpadanan berbanding khidmat dan jasa yang telah disumbangkan oleh mereka, Penggaram berharap pemberian *emblem* kereta kepada Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Tempatan dapat diteruskan.

Penggaram akhiri ucapan ini dengan serangkap pantun. Hendak memetik daun palas, buat isi buah berangan, berbudi bukan minta dibalas, hanya untuk kenang-kenangan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Penggaram. Dengan berakhir pantun, diakhiri oleh pantun. Kita ada lebih kurang 8 minit sebelum berakhir, saya bagi Sungai Balang lah, tetapi 2 sesi petang campur sekali lagi. Saya persilakan Sungai Balang. Sampai pukul 1.00.

**YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor, salam Sungai Balang gemilang. Sebelum saya berucap saya nak juga maklumkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker bahawa nelayan Sungai Balang belum lagi tanam nanas. Yang tanam ialah pekebun-pekebun kelapa sawit dan orang perseorangan. (Dewan Bertepuk).

Pertama, Sungai Balang merakamkan penghargaan setulus budi kerana diberi peluang untuk berucap pada hari ini. Dengan rasa hormat dan penuh takzim, Sungai Balang merafak sembah dan menjunjung kasih ke bawah DYMM Sultan Johor, yang berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang Ke-14 pada 27 Jun 2019. Terlebih dahulu Sungai Balang mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi peluang untuk menyertai perbahasan ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Sidang DUN, Sidang Dewan DUN kali ini. Marilah kita melafazkan kesyukuran kepada Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan kurniaan untuk membolehkan kita berjumpa sekali lagi di Sidang Dewan kali ini.

Yang Berhormat Speaker, inti pati titah Tuanku jelas menggambarkan betapa Tuanku mengharapkan pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru ini akan berjaya memenuhi inspirasi rakyat untuk membawa Johor ke persada dunia sekali gus melancarkan iltizam untuk mengangkat kehidupan rakyat Johor menjadi sebahagian komuniti dunia yang terhebat. Saya menyanjung tinggi serta berasa bangga dengan inti pati titah Diraja yang merangkumi semua aspek penting kehidupan rakyat jelata secara komprehensif dan menyeluruh. Saya yakin rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, sama ada pihak kerajaan atau pembangkang akan bertungkus lumus untuk memastikan aspirasi Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk negeri Johor dan bangsa Johor akan ditunaikan dengan berjaya tanpa sebarang pengecualian. Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menegaskan kepentingan negeri kita dalam memupuk semangat bersatu padu tidak kira bangsa dan agama. Baginda juga telah memperingatkan bahawa kesucian agama Islam perlu dipelihara sebaik-baiknya dan tidak boleh melakukan perlakuan mencemar kesucian Islam demi kepentingan politik mana-mana pihak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Sungai Balang kira, titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku cukup jelas dan terang. Tiada kiasan atau sindiran, tetapi satu peringatan buat kita semua tidak kira dari pihak mana. Kita semua sedia maklum kekecohan yang berlaku semasa bulan Ramadhan dulu. Tentang perilaku segelintir Ahli Yang Berhormat yang membuat tindakan. Pertamanya, secara jelas mencemar kesucian Islam dan yang keduanya melakukan perbuatan yang boleh memberi kekeliruan dan mengarah kepada mencemarkan Islam. Malah tindakan tersebut dilihat boleh mempersendakan dan merendahkan agama Islam. Walaupun tidak semua dari pihak kerajaan bersetuju mungkin dengan tindakan tersebut. Tindakan ini memperlihatkan Islam tidak menjadi keutamaan dalam prinsip perjuangan kerajaan. Sungai Balang amat berharap kejadian seperti ini tidak lagi berulang. Benar kita di negeri Johor hidup pelbagai berbilang bangsa dan agama tidak salah juga kita menjalinkan hubungan mesra dengan mereka yang berbangsa dan agama lain, tetapi bukanlah dengan kaedah seperti itu. Ada banyak lagi program yang lebih kreatif dan menarik boleh dilaksanakan. Kalau katalah Yang Berhormat kerajaan kurang idea datanglah ke pihak pembangkang, mungkin kita boleh berkongsi idea tentang perkara ini. Usah menjadi kayu hulu kapak yang menetak bangsa sendiri, lebih baik jadi kayu api yang membakar diri untuk menerangi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor juga turut bertitah agar kita semua mengeneipkan ideologi politik masing-masing dan mengutamakan kepentingan serta urusan kebajikan rakyat. Begitulah titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Waima begitu, suka untuk Sungai Balang membawa perhatian Dewan dalam isu pelantikan Ketua Kampung. Ketua Kampung yang dipilih sebelum ini masa zaman pemerintahan Barisan Nasional adalah mereka yang benar-benar layak untuk menjadi pentadbir kampung.

Namun apabila berlaku proses lantikan baru Ketua Kampung semasa zaman Menteri Besar yang sebelum ini, di DUN Sungai Balang sendiri Ketua Kampung yang dipilih ada di antaranya yang tidak tahu menulis dan membaca.

Yang Berhormat Speaker, bagaimana untuk menguruskan perihal pentadbiran di zaman ini jika tidak boleh menulis dan membaca? Kemudian, malangnya diwakilkan pula pada anaknya untuk hadir ke mesyuarat-mesyuarat di peringkat kampung. Motif utamanya ketika melantik Ketua Kampung baru hanyalah mahu semua Ketua Kampung yang dilantik zaman pemerintahan BN dibuang dan digantikan semua dengan pilihan kerajaan Pakatan Harapan. Sungai Balang tidak ada masalah sekiranya yang dipilih itu benar-benar layak dan boleh mentadbir kampung dengan baik. Malangnya, membaca dan menulis pun tak tahu. Sungai Balang harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar baharu ini dapat meneliti perkara ini. Seperkara lagi, Yang Berhormat Tuan Speaker, Sungai Balang juga kadang-kadang rasa pelik kepada YB-YB kerajaan di peringkat DUN. Tidak kiralah, kalau tidak gagal untuk menghadiri sesuatu majlis, biasanya mewakili kepada anak, suami dan juga keluarga sendiri. Sepatutnya perkara ini tidak berlaku. Wakilkanlah kepada yang lebih layak, yang lebih faham tentang keadaan kawasan atau sesuatu tempat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya Sungai Balang mahu membawa perhatian Dewan mengenai isu jawatan Pengerusi PDK atau Program Pemulihan Dalam Komuniti. Kita semua tahu PDK merupakan sebuah *one stop centre*, yang memberi perkhidmatan kepada OKU dan disediakan satu tempat bagi memudahkan mereka dan masyarakat setempat mendapat maklumat, khidmat nasihat dan keperluan semasa serta latihan yang bersesuaian. Malah PDK ini berperanan sebagai *focal point*, dengan izin, kerana ianya merupakan satu program yang menggunakan pendekatan integrasi komuniti di setiap daerah dan negeri. Semasa pemerintahan Barisan Nasional jawatan ini disandang oleh ADUN di kawasan tersebut seperti di Sungai Balang waktu itu, saya sebagai Pengerusi PDK dan pelantikan ini pula ialah melalui mesyuarat agung dan bukan dilantik.

Namun begitu, semasa pentadbiran Menteri Besar yang sebelum ini, bukan yang baharu inilah, beliau telah mengeluarkan surat, surat bertarikh 19 Februari dan telah pun kita, kita telah pun menerima surat tersebut pada 27 hari bulan dan dalam surat tersebut minta semua Pengerusi dan AJK PDK sedia ada, lepaskan jawatan mulai 28 Februari dan buat pelantikan baru dengan segera atas nama usaha menambah baik pentadbiran PDK. 27 hari bulan terima, 28 suruh letak jawatan. Jadi malah, jabatan juga didesak untuk mempercepatkan proses tersebut dan sekiranya ia tidak dilaksanakan segera, elaun pelatih dan petugas akan ditahan. Sebenarnya bukanlah kami gilakan jawatan tersebut, tetapi keadaan pemerintahan Menteri Besar ketika itu seakan-akan memaksa. Itu adalah kurang manis, dan saya kira sehingga hari ini Sungai Balang tidak nampak sebarang perubahan pun yang telah dilaksanakan. Bagi pegawai JKM di peringkat daerah juga seolah-olah takut untuk melanggar arahan sedangkan waktu nak didaftarkan PDK di bawah ROS memaksa kami menyegerakan penubuhan tersebut tetapi bila mendapat surat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar lama, seolah-olah mereka hilang punca, macam lembu dicucuk hidung sahaja tetapi yang peliknya ini hanya berlaku di negeri Johor. Keadaan ini menjadikan PDK tersebut kurang aktif. Ini pun kita politikkan.

Untuk makluman Yang Berhormat EXCO, bahawa, kita terpaksa mengadakan mesyuarat agung khas tidaklah boleh sehari. Dalam Perlembagaan, mesyuarat agung khas hendaklah dibuat 1 bulan, selepas itu baharu kita boleh mengadakan mesyuarat AGM tertakluk dalam Perlembagaan. Jadi saya mohon supaya perkara-perkara seperti ini jangan dipolitikkan, yang penting ialah anak-anak PDK dan guru-guru PDK dibela, diberi pembaharuan pembelajaran dan sebagainya. Tapi saya rasa, kalau sama jugak dan lebih buruk daripada yang dulu, saya rasa lebih baiklah perkara-perkara seperti ini difikir...

**YB Speaker :** Masa sebenarnya dah habis ni sebenarnya.

**YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, minta maaf rakan daripada Sungai Balang. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ada usul tergepar yang ingin saya bawa mengikut Peraturan Tetap Bilangan 32(8), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri.

**YB Speaker :** Berapa tadi, 29?

**YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) :** Bilangan 32(8).

**YB Speaker :** Bilangan 30?

**YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) :** 32.

**YB Speaker :** Peraturan 30?

**YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) :** 32(8)

**YB Speaker :** Boleh jelaskan mengenai apa Yang Berhormat?

**YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) :** Usul tergepar berkenaan soalan lisan Ahli Parlimen Labis, di Parlimen Malaysia yang menghina institusi Raja Johor.

**YB Speaker :** Boleh dapat lebih penjelasan tentang perkara tersebut?

**YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) :** Saya serahkan satu salinan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker :** Saya kira usul ini boleh disebut oleh beberapa pimpinan daripada pembangkang dan saya kira ia tidak perlu disegerakan dan boleh dijawab oleh kerajaan dalam penggulungan EXCO dan Menteri Besar nanti.

**YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara ini adalah lanjutan daripada soalan nombor 40 di Parlimen. Peraturan Dewan Negeri dengan jelas mengatakan sebagaimana Fasal 45, yang menyebut 45(15), (16) dan boleh juga (17). 45(15), (16), (17) yang jelas menyatakan bahawa nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja-Raja Melayu nama gabenor, pemangku-pemangku raja tidak boleh digunakan dalam mempengaruhi Dewan. Kemudian, perangai atau tingkah laku nama-nama yang saya sebutkan tadi juga tidak boleh, adalah menyalahi peraturan mesyuarat.

**YB Speaker :** Tapi itu bukan Dewan Rakyat.

**YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) :** Soalan kita ialah, oleh kerana perkara itu dibangkitkan di Dewan Rakyat, maka ianya dilakukan oleh Ahli Parlimen dari Johor. Saya berpendapat bahawa, kita berpendapat bahawa Dewan Negeri yang menjaga, yang mempertahankan, yang memelihara kedaulatan institusi raja, khususnya raja di Johor kerana ianya jelas. Persoalan yang dibangkitkan oleh Dewan Rakyat, mungkin terlepas pandang kerana Dewan Rakyat juga mempunyai peraturan yang sama, tidak boleh membangkitkan soalan-soalan yang berkait dengan perkara yang saya sebutkan tadi tetapi tidakkah soalan Ahli Parlimen Labis, yang bernombor 40 tadi yang bertanyakan sama ada plat nombor TMJ dan RZ, sama ada ia telah didaftarkan dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Sebagai rakyat Johor yang bertahun-tahun kita tahu tentang plat nombor, Yang Berhormat Tuan Speaker. Disambung lagi, dan sekiranya tidak sama ada kenderaan yang mempunyai nombor plat itu dibenarkan di atas jalan raya. Soalan ini dibenarkan di Dewan Rakyat. Dewan Negeri yang jelas tahu bahawa ini adalah melibatkan institusi raja di Johor, perlu menyatakan bantahan kita (Dewan bertepuk).

Bagaimana boleh Dewan Rakyat membenarkan perkara atau soalan yang seumpama ini berbangkit? Kalau kita dalam Dewan Negeri ini tak boleh nak mempertahankan institusi raja di Johor, siapa lagi Yang Berhormat? Siapa lagi nak pertahankan? Soalan ini tidak wajar diterima langsung. Soalan nombor 40, walaupun tak terjawab tetapi Dewan Rakyat sudah terlepas pandang perkara yang tak sewajarnya dibangkitkan, dibangkitkan Yang Berhormat. Macam mana, saya harap perkara ini adalah perkara yang perlu disegerakan. Semalam dah *viral* dah perkara ini, sebab itu tak boleh kita lengahkan. Perkara ini akan merebak lagi dan akan menjadi perkara yang biasa yang rakyat kita harus sekat, kita harus bantah, *viral-viral* yang seumpama ini, perkara-perkara ini dibincang oleh rakyat. Bukan kita tidak menghormati demokrasi tapi sebagai institusi Dewan, kami berpendapat Yang Berhormat Tuan Speaker, perlu perkara ini. Kita putus hari ini dan kita buat keputusan bersama bahawa ini adalah perlu untuk menyatakan pendirian Dewan Undangan Negeri. Bukan kita nak mengambil tindakan, itu terpulang kepada Dewan Rakyat. Kita di Dewan Negeri harus membuat pendirian. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Jadi, saya menghargai segala *concern* ataupun sensitiviti yang telah dibangkitkan oleh Benut dalam isu yang telah dibangkitkan ini tapi saya berpandangan bahawa perkara ini apa yang dibangkitkan. Pertamanya, apakah kewajaran soalan yang demikian yang diajukan oleh seorang Ahli Parlimen Malaysia terhadap sesebuah Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia? Apakah kewajaran Parlimen Malaysia membenarkan soalan yang demikian diluluskan di Parlimen Malaysia? Apakah pendirian kerajaan Johor terhadap soalan yang diajukan oleh Parlimen Labis memandangkan ia berkaitan rapat dengan institusi Diraja Johor? saya berpandangan bahawa ianya boleh dijawab oleh para EXCO dan juga Menteri Besar dalam penggulangannya nanti. Ok, saya kira itu muktamad daripada..

**YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) :** Soalan ini tidak berbangkit Yang Berhormat Tuan Speaker, tak ada soalan yang berbangkit, sebab itu perlu dibawa sebagai satu usul...

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) :** Yang Berhormat Tuan Speaker...

**YB Speaker :** Saya minta nanti di pihak penggulangan nanti akan dibuat oleh para EXCO dan juga Menteri Besar. So, saya tangguhkan...

**YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) :** Yang Berhormat Speaker, perkara ini, ini adalah Dewan yang mulia, Dewan yang tertinggi bagi negeri Johor.

**YB Speaker :** Ok, saya balik kepada keputusan saya tadi, perkara ini penting tapi tidak perlu disegerakan, pandangan saya begitu. Saya tangguhkan persidangan ini sehingga ke jam 2.30 petang. Terima kasih.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.**

**YB Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung sekarang. Yang Berhormat Sungai Balang masih mempunyai 13 minit. Sila.

**YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Speaker, Dewan ini adalah Dewan tertinggi bagi negeri Johor. Di sini sepatutnya kita mempertahankan dan menjaga maruah institusi Raja. Kalau bukan dibincangkan di sini, di mana lagi kita bincangkan? Sebagai rakyat dalam Johor, kami berasa kesal bila YB Speaker menolak dan mengatakan tak perlu disegerakan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Sepatutnya, ini adalah menyentuh orang tertinggi di dalam negeri Johor iaitu Raja. Sepatutnya, kalau Sungai Kim Kim berkenaan rakyat kita boleh bahaskan semalam, mungkin disebabkan dibawa oleh pihak kerajaan, bila

kita tanya kenapa ini menunjukkan kerajaan yang terbuka tapi hari ini kenapa isu raja-raja yang dibawa oleh pembangkang ditolak dan mengatakan tidak perlu disegerakan? Mungkin, agaknya kalau di sebelah sana bawa, nak menunjukkan keterbukaan, ini politik juga sebenarnya. Jadi, Yang Berhormat Speaker, biarlah bekerja secara telus dan tepat, bukan mempermainkan atau kita mendiamkan selaku rakyat Johor, Raja kita diperkotak-katikan.

Yang Berhormat Speaker, di ruang dan kesempatan ini, suka juga Sungai Balang mohon untuk pihak kerajaan maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan peruntukan kepada penyelaras DUN di DUN pembangkang yang dilantik oleh kerajaan. Sungai Balang tertanya-tanya, adakah terdapat peruntukan pembangunan yang diperuntukkan kepada penyelaras DUN terhadap DUN yang dipertanggungjawabkan? Jika ada, berapa jumlah yang diperuntukkan di setiap DUN? Sungai Balang bukan berkehendakkan peruntukan itu, tetapi yang menjadi keutamaan adalah perihal pembangunan dan kemudahan rakyat. Sungai Balang akan perjuangkan apa sahaja untuk rakyat dan apa sahaja yang sepatutnya menjadi Wakil Rakyat tanpa mengira fahaman politik. Mohon kerajaan memberikan penjelasan mengenai perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Speaker, Pejabat Pusat Khidmat Penyelaras DUN jarang kita nak tengok buka. Dengar cerita ada peruntukan-peruntukan tapi masyarakat sukar untuk menemui penyelaras-penyelaras DUN.

Yang Berhormat Speaker, saya juga mahu mengangkat isu pencemaran yang berulang di Pasir Gudang. Ketika saya baca berita tentang kejadian ini pada mulanya saya sangka ialah berita lama tetapi bila saya baca balik kandungan berita tersebut rupanya berita baru. Sungai Balang jadi hairan kenapa sebelum ini Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa Pasir Gudang telah bebas dan selamat dari pencemaran bahan kimia? Saya terfikir adakah mungkin onar yang baru berlaku yang baru. 28 Jun pula, Menteri Alam Sekitar keluarkan kenyataan media menyatakan terdapat gas ganjil yang diketemukan. Menteri sendiri rasa ganjil, apatah lagi rakyat bertambah-tambah ganjil.

Saya amat berharap, pentadbiran di bawah kemudi Menteri Besar yang baharu ini boleh memandang serius tentang peristiwa ini. Ini tentang isu keselamatan dan nyawa. Segala langkah terbaik perlu dilaksanakan. Jika perlu dipindahkan kilang seperti yang Menteri Alam Sekitar kata akan diumumkan oleh kerajaan negeri, maka lakukanlah. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga bertitah pada 28 Jun yang lalu tentang perpindahan kilang tersebut, maka, laksanakan segera. Jika perlu pinda akta tertentu, pinalah. Jika perlu tubuhkan Perbadanan Alam Sekitar Negeri Johor untuk menguruskan permasalahan alam sekitar, tubuhlah. Kami di barisan pembangkang pasti akan menyokong segala langkah yang baik dan berkesan untuk rakyat. Jangan lagi ada alasan bila ditanya kenapa kerajaan dulu tak buat? Saya rasa cukup-cukuplah.

Yang Berhormat Puan Speaker, kita semua tahu sekarang ini kerajaan ialah di bawah Pakatan Harapan, tak perlu lagi nak timbulkan dulu kami kenapa tak buat? Jadi kalau dah tahu begitu, buatlah, segerakanlah, tidaklah sampai berlaku dua kali pencemaran Sungai Kim Kim ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya yakin isu Yang Berhormat Larkin tadi kata nak minta pembangkang tubuh satu jawatankuasa untuk menubuhkan isu pencemaran ini. Saya rasa mungkin semalam Yang Berhormat Larkin tak ada dalam Dewan sedangkan semalam kita pun telah bawa tapi rasanya tidak diterima dan semalam pun telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kerajaan Negeri Johor bersama-sama agensi teknikal telah melakukan tindakan seperti berikut:

1. Mengadakan mesyuarat jawatankuasa.
2. Mengadakan operasi bersepadu.

3. Mengambil tindakan penjejakan dan penyiasatan kepada 72 premis industri bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilaksanakan.

Jadi, saya rasa kalau kita bawa pun, semalam telah pun dibawa usul dan telah diterima. Jadi saya rasa tidak perlulah kalau kita beri pandangan pun rasanya 95% pun ditolak sebab jawapannya kenapa dulu tak buat?

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga ingin maklumkan tentang baru-baru ini ialah tentang perjawatan seperti kata Yang Berhormat EXCO Agama bahawa pelantikan pengerusi surau dan masjid berpandukan kepada, tidak dipolitikkan tapi apa yang perlu saya bawa hari ini ialah tentang pelantikan penggerak masjid dan surau di kawasan saya iaitu di Parlimen Muar, DUN Maharani dan juga di DUN Sungai Balang. Yang sedihnya 17 hari bulan 2, terima lantikan tetapi pada 1 hari bulan 5 ditamatkan perkhidmatan. Jadi, belum sempat lagi terima gaji dah tamat perkhidmatan. Jadi, apakah ini tidak ada isu politik? Bila saya tanya di kawasan saya di DUN Sungai Balang, kenapa awak tak ditamatkan? YB, sebab saya dah melompat ke Amanah dan di Maharani, PAS. Jadi, kat mana kita kata bahawa tidak dipolitikkan? Jadi, saya mohonlah supaya perkara-perkara ini dipandang serius. Bukanlah kerana parti tetapi memastikan bahawa orang-orang yang dilantik ini adalah orang-orang yang betul-betul boleh bekerja. Tidak seperti yang saya katakan tadi seperti isu ketua kampung, ada yang tak tau membaca dan menulis pun dijadikan ketua kampung.

Yang Berhormat Speaker, perkara terakhir yang ingin saya sampaikan dalam Dewan ini adalah kenaikan kos sara hidup rakyat. Perkara ini juga turut dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku agar menjadi keutamaan dan perhatian kita semua. Hari ini, ke mana saja Sungai Balang pergi, tidak kira bandar, pinggir bandar dan luar bandar, rakyat terus mengeluh dan kos hidup yang semakin mencengkam. Tidak kira lah penyokong parti mana pun kerajaan mahupun pembangkang semua mengeluh dengan kenaikan kos sara hidup. Sungai Balang tak berminat mahu mempolitikkan isu kenaikan kos sara hidup ini kerana ianya hanya akan menimbulkan pertelingkahan yang tidak berkesudahan. Namun, Sungai Balang mahu kerajaan negeri bekerjasama lah dengan kerajaan persekutuan untuk segera menyelesaikan perkara ini. Sudah setahun, usah lagi ada ayat menyalahkan kerajaan sebelum ini. Tanganilah masalah ini.

Sungai Balang simpati dengan keluhan nelayan yang tiada bantuan, Sungai Balang simpati mendengar rintihan peneroka FELDA yang menipis pendapatan, Sungai Balang sangat sedih mendengar keluhan seorang bapa yang mempunyai tanggungan lapan orang anak hilang pekerjaan kerana tempat kerja beliau telah ditutup dan manakala isteri beliau yang bekerja sebagai kerja-kerja pembersihan di sekolah juga ditamatkan perkhidmatan. Segala ini ialah cerita kisah benar rakyat yang Sungai Balang temui. Sungai Balang tidak mahu berbalas isu SST, harga barang dan sebagainya kerana kerajaan maklum akan perkara ini.

Kepada Yang Berhormat EXCO Perpaduan, semalam memaklumkan tentang sepuluh program yang baru dirancang untuk menambah baik ataupun peningkatan KRT. Sebenarnya apa yang dicakapkan semalam, telah pun dilaksanakan oleh KRT-KRT semasa Yang Berhormat Vidya, mantan EXCO Perpaduan telah pun melaksanakan perkara-perkara, 10 perkara yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO semalam. Jadi pada Yang Berhormat EXCO carilah idea-idea baru, jangan lah *copy and paste*, nanti bila kata *copy and paste* marah pula.

Yang Berhormat Puan Speaker, maka rakyat telah memberi kepercayaan kepada kalian Pakatan Harapan, takdir tuhan juga menetapkan kalian pentadbir kerajaan. Maka curahlah segala usaha dan perhatian, makanya bagai di syair orang dulu-dulu. Kalau buruk yang kita minta, maka buruk lah jadinya. Kerana itu kalau elok kita usaha dan minta, maka molek lah hasilnya. Akhirnya Sungai Balang mengharapkan agar di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang baharu akan lebih bertanggungjawab dan sentiasa

mendahulukan kepentingan rakyat dan negeri berbanding kepentingan soal peribadi atau politik.

Yang Berhormat Puan Speaker, kepada Allah kami berdoa dan berserah, selamat dan afiatkan tubuh Johor Darul Ta'zim.

Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih YB Sungai Balang. Yang Berhormat Mengkibol, Mengkibol dijemput.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol)** : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dalam titah ucapan Tuanku Sultan Johor, Tuanku telah bertitah bahawa satu tahun telah pun berlalu bagi kerajaan Pakatan Harapan dan Wakil Rakyat haruslah tunaikan tanggungjawab untuk membawa suara dan kehendak rakyat. Mengkibol pun mengimbas balik ucapan-ucapan para ADUN yang telah diberikan di Dewan dan didapati banyak cadangan dalam ucapan tidak diambil perhatian atau tidak dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan. Sebagai satu pembaharuan dan memperkasakan Dewan, Mengkibol mencadangkan persidangan Dewan diadakan setiap 2 bulan dan fokus kepada sesi soal jawab, pelaksanaan mengikut jabatan.

Dalam titah ucapan Tuanku Sultan Johor, Tuanku telah bertitah bahawa Wakil Rakyat kerajaan haruslah memberikan pandangan yang baik untuk membantu Menteri Besar dan barisan pentadbirannya. Dengan ini, Mengkibol mencadangkan mesyuarat Jawatankuasa EXCO diberi laluan kepada ADUN kerajaan untuk hadir supaya dapat menyumbang pandangan dan pemahaman keadaan tempatan, *local insights*. Soalan Yong Peng pagi ini mengenai pelebaran jambatan dan jalan jelas menunjukkan bahawa kehendak rakyat dan projek yang kritikal tidak semestinya telah difahami atau diutamakan oleh pegawai JKR dalam rancangan.

Dalam ucapan Yang Berhormat Senggarang semalam, beliau juga menyentuh prestasi GLC Johor yang kurang memuaskan dan mencadangkan penubuhan sebuah badan siasatan GLC. Mengkibol dalam ucapan persidangan Dewan bulan Ogos dan Disember tahun lepas telah pun mencadangkan penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan Khas atau *select committee* untuk audit pengurusan dan memantau prestasi GLC termasuk agensi-agensi kerajaan, badan berkanun dan anak syarikat supaya memberikan kuasa untuk audit operasi, prestasi dan pengurusan kewangan GLC negeri Johor. Contohnya, Selangor telah menubuhkan jawatankuasa sebegini atau JP-ABAS sejak pertukaran kerajaan negeri di tahun 2008. Demi mempertingkatkan prestasi GLC, kerajaan haruslah menjemput balik pakar atau profesional-profesional yang tersebar merata-rata tempat di seluruh dunia secara proaktif dan menyepadankan peluang kerajaan yang setanding dengan kepakaran mereka. Saya yakin demi menyumbangkan kepada negaraku walaupun pada gaji yang mungkin jauh lebih rendah berbanding dengan gaji mereka di luar negara mereka sanggup kembali untuk berkhidmat di tanah air jika diberikan peluang. Berbanding dengan lantikan Ahli politik ke dalam GLC, lantikan pakar yang mempunyai kepakaran berkaitan adalah jauh lebih berkesan untuk meningkatkan prestasi GLC. Walau bagaimanapun, Mengkibol setuju dengan pelantikan Ahli politik ke dalam GLC dengan syarat sekiranya ianya boleh mempercepatkan pelaksanaan polisi kerajaan. Sebagai kerajaan yang melaungkan ketelusan dan *reform*, kriteria-kriteria pelantikan Ahli politik ke dalam lembaga pengarah sesuatu GLC haruslah diumumkan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Puan Speaker, kecekapan urus tadbir atau perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan paling senang dirasakan oleh rakyat kerana PBT merupakan barisan depan perkhidmatan kerajaan Johor kepada rakyat jelata. Pertama, Mengkibol ingin menyarankan kepada kerajaan Johor agar elaun tetap bulanan Ahli Majlis dinaikkan dari RM800.00 kepada RM1,500.00 atau pada kadar mengikut bilangan penduduknya kerana peruntukan

sebegini akan memberikan tanggungjawab atau akauntabiliti secara langsung kepada Ahli Majlis Tempatan untuk menerima dan menguruskan aduan-aduan daripada rakyat kawasan perkhidmatannya. Selain daripada itu, peruntukan haruslah diberikan kepada Ahli Majlis untuk mendapatkan perkhidmatan juruaudit luar untuk mendapatkan nasihat profesional dan berunding mengenai keberkesanan belanjawan Majlis dan projek MARRIS yang mengambil jumlah peruntukan yang sangat besar.

Memandangkan keadaan ekonomi yang sangat lembap pada masa ini, Pihak Berkuasa Tempatan harus bersimpati dengan kesusahan peniaga-peniaga terutamanya peniaga kecil seperti penjaja dan kontraktor kecil dengan menurunkan kadar *fee* permit atau lesen perniagaan mereka. Contohnya, penutupan jalan sementara untuk pemasangan papan iklan dan memberikan kelonggaran waktu berniaga, contohnya penjaja pasar malam yang ingin mula berniaga dengan satu atau dua jam lebih awal. Adalah tidak wajar untuk menghantar ramai penguat kuasa dan kereta ronda untuk menghalang peniaga daripada membuka gerai sehingga mengakibatkan keadaan yang begitu tegang dan ketidakyakinan terhadap kerajaan. Adalah lebih baik sekiranya tenaga penguatkuasaan ini digunakan untuk kebersihan dan keselamatan masyarakat contohnya penutupan pusat bahan lusuh yang haram dan pusat judi.

Tempoh pemprosesan kelulusan papan tanda perniagaan oleh Majlis Tempatan tidak boleh melebihi tempoh pemprosesan yang telah ditetapkan dalam piagam pelanggan. Segala syarat perubahan atau kekurangan dokumen permohonan mestilah dimaklumkan semasa permohonan diterima di kaunter. Bagi kedai yang baru dibuka dengan papan perniagaan yang belum dapat kelulusan, pihak penguatkuasaan Majlis Tempatan dan Jabatan Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna hendaklah memastikan ini bukan disebabkan oleh kelewatan pemprosesan kelulusan dan berempati dalam keadaan yang sebegini.

Yang Berhormat Puan Speaker, tahun 2020 akan dijadikan Tahun Melawat Johor. Mengikuti titik fokus 63 Belanjawan Johor, “Memperhebat Promosi Tarikan Pelancong Domestik dan Antarabangsa”. Mengkibol mencadangkan *Senai Airport* dijadikan *pilot project* untuk pelaksanaan transit visa 72 jam ataupun 3 hari kerana ini akan menarik ketibaan pelancong transit dan pelancong ke negara lain seperti Singapura dan Indonesia, ke negeri Johor. Polisi sebegini telah dibuktikan sangat berkesan di negara China dan *Europe*.

Yang Berhormat Puan Speaker, pembangunan kawasan-kawasan di luar Johor Bahru memang sangat lembap. Sebagai sebuah kerajaan melaungkan pembangunan seimbang, kerajaan Johor harus memberi insentif atau peruntukan untuk menggalakkan rancangan-rancangan pembangunan di luar bandar-bandar utama. Terutamanya rancangan seperti pembentukan tempat atau *place making*. Iaitu satu pendekatan pembangunan ruang-ruang awam, *public spaces* yang berupaya untuk mengkapitalisasikan aset komuniti tempatan, inspirasi tempatan dan potensi tempatan. Supaya ruang awam ini boleh meningkatkan kesihatan, kegembiraan dan kualiti kehidupan penduduknya. Pembentukan tempat atau *place making* ini juga boleh memberi kepulangan pelaburannya atau ROI di mana aktiviti-aktiviti ekonomi akan dipertingkatkan, industri pelancongan dan perusahaan sampingannya turut dipertingkatkan. Ia dapat mencipta peluang ekonomi kepada golongan anak muda tempatan yang kreatif. Kawasan Johor Tengah mempunyai potensi yang tinggi untuk pembentukan tempat. Dan memerlukan satu rancangan pembangunan yang bervisi jauh dan pelan pelaksanaan yang berstrategi dari pihak kerajaan negeri. Pejabat ADUN Mengkibol telah melancarkan Program Lembaran Johor Tengah sejak Oktober tahun lepas dan berjaya membawa impak ekonomi dan ROI yang tinggi.

Yang Berhormat Puan Speaker, untuk pembangunan yang seimbang, titik fokus nombor 59 dalam Belanjawan Johor, “Pembangunan Di Kawasan Tengah Dan Timur Negeri”. Mengkibol ingin mencadangkan agar kerajaan negeri menggunakan simpanan kerajaan atau *state reserve* yang sekarang sebanyak RM2.64 bilion untuk pembinaan sebuah lebuh raya timur barat di Johor, di Johor Tengah yang menyambungkan Batu Pahat, Kluang

sampai ke Mersing. Lebuhraya Johor Tengah ini boleh dijadikan sebagai mangkin *catalyst* pembangunan ekonomi seimbang jangka panjang di Johor terutamanya di Johor Tengah. Pembinaan lebuhraya ini boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat, peringkat pertama boleh menyambungkan Batu Pahat, Ayer Hitam dan Kluang dengan anggaran jarak 50 kilometer. Di Ayer Hitam pula ia boleh dihubungkan ke Lebuhraya Utara Selatan manakala Kluang juga dapat turut dihubungkan ke Lebuhraya Utara Selatan melalui seksyen Ayer Hitam – Kluang. Perjalanan dari Batu Pahat ke Kluang dengan lebuhraya ini yang hanya memerlukan setengah jam akan mewujudkan satu lingkungan kehidupan ekonomi yang akan membawa impak ekonomi yang sangat *significant*. Ia akan mempercepatkan pembangunan ekonomi di lingkungan kehidupan ini dan seterusnya akan membangunkan industri pelancongan hingga ke Taman Negara Endau Rompin, pantai-pantai dan kepulauan di sekitar Mersing. Sebagai kerajaan reformis, pembaharuan polisi adalah teras utama kita.

Pembaharuan polisi haruslah dijadikan agenda utama kerajaan Johor, maka Mengkibol mencadangkan supaya satu peruntukan khas diberikan kepada setiap ADUN untuk membiayai seorang penyelidik polisi awam, *researcher*. Polisi awam seperti yang berkaitan dengan pengangkutan, pembangunan ekonomi tempatan haruslah diselidik, digubal dan dicadangkan oleh Wakil Rakyat tempatan. Dalam titah ucapan Tuanku Sultan Johor, Tuanku telah bertitah bahawa setiap pemimpin mempunyai tanggungjawab yang besar dan memikul amanah rakyat dan negeri Johor, dan mestilah menjalankan tugas yang diberikan dengan jujur dan ikhlas.

Maka Mengkibol mencadangkan supaya, tatacara pentadbiran peruntukan projek kerja-kerja kecil ADUN dibaharui. Kini, peruntukan projek kecil ADUN adalah diurus tadbir Pejabat Daerah. Pejabat Daerah lah yang menggariskan spesifikasi projek ataupun BQ, menentukan kontraktor projek, membuat audit projek dan pembayaran projek kepada kontraktor yang dipilih oleh Pejabat Daerah. Daripada segi perakaunan, tatacara ini jelasnya bercanggah dengan prinsip semak dan imbang, *check and balance* dan kawasan saya terdapat kontraktor yang meminta keuntungan kasar yang keterlaluan hingga 94%. Kontraktor termasuk pemilikinya atau *share holder* syarikat ini yang memulangkan surat tawaran atau *LO* kepada Pejabat Daerah kerana keuntungan yang keterlaluan ini tidak disetujui oleh penerima haruslah dimasukkan dalam *black list* kerajaan. Ini duit rakyat.

Mengkibol mencadangkan supaya peruntukan kerja-kerja kecil ini boleh dibuat secara terus kepada akaun bank pihak penerima peruntukan, contohnya sekolah dan masjid. Biarlah pihak penerima yang menentukan kontraktor yang paling *cost effective* dan Pejabat Daerah yang terus membuat audit dan pembayaran. Tatacara ini sebenarnya telah pun lama berjaya dilaksanakan di kerajaan negeri Selangor. Sejak pertukaran kerajaan negeri di tahun 2008, di mana Pejabat Daerah hanya memainkan peranan sebagai penyemak dan pembayar dalam projek-projek kecil ini. Seperti yang dititah oleh Tuanku, bahawa kita mesti jalankan tugas yang dijalankan tugas yang diberikan dengan jujur dan ikhlas.

Mengkibol ingin mengemukakan beberapa soalan terhadap Penyata Kewangan kerajaan Johor dan GLC. Kerajaan Johor, muka surat 18 Jadual 4.15 mengatakan SAJ Ranhill telah menanggungkan bayaran royalti air mentah untuk 6 bulan bermula Mei hingga Disember 2017 ketahun berikutnya. Kenapa keadaan ini berlaku? Dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengelakkan peristiwa sebegini berulang? Muka surat 19, Jadual 4.17 emolumen meningkat sebanyak RM62.18 juta dalam tahun 2017. Apakah punca peningkatan ini? Muka surat 23, Jadual 4.23 Perbelanjaan Pembangunan telah meningkat sebanyak RM143.99 juta dan mencapai RM710.51 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini, soalan, apakah keberkesanan atau manfaat ekonomi dan sosial yang telah dicapai daripada peningkatan ini? Muka surat 25, Jadual 4.27 tunggakan pinjaman perumahan bagi peminjam yang telah tamat perkhidmatan menunjukkan tempoh tertunggak bermula dari tahun 1985, iaitu selama 33 tahun, jumlah tunggakan sebanyak RM3.297 juta. Tindakan apakah yang telah diambil selain mengeluarkan surat peringatan? Muka surat 26, Jadual 4.28 tunggakan pinjaman perumahan bagi peminjam yang masih dalam perkhidmatan, menunjukkan tempoh tunggak bermula dari tahun 2006 iaitu selama 13 tahun. Tindakan

apakah yang telah diambil selain mengeluarkan surat peringatan. Patutkah potongan dibuat secara terus daripada gaji bulanan seperti yang di praktis dalam sektor swasta. Muka surat 32, pinjaman kerajaan negeri kepada SAJ Holdings berjumlah sebanyak RM17.91 juta tidak dibayar sejak tahun 2011. Apakah terma kontrak dan tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini? Adakah faedah dikenakan atas tunggakan ini? Muka surat 38, tunggakan hasil sebanyak RM158.59 juta daripada PRSi *Business Chronicles*, Perbadanan Johor dan lain-lain. Apakah tindakan dan kedudukan kutipan hasil ini?

Soalan mengenai Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) muka surat 2, Laporan Ketua Audit Negara. Peruntukan liabiliti cukai pendapatan Yayasan hanya dibuat setakat tahun 2009. Kenapa tiada peruntukan cukai untuk tahun 2010 hingga 2017? Sekiranya Yayasan gagal memperolehi pengecualian cukai pendapatan ini, apakah kesan terhadap prestasi kewangan tahun 2010 sampai 2017. Soalan ke-2 muka surat 3 dan 4, sebelum mengambil kira aset untuk dijual, aset semasa kumpulan pada tahun 2016 adalah RM309 juta, dan tahun 2017 ialah RM233 juta adalah lebih rendah dengan liabiliti semasa iaitu RM374 juta dan RM436.6 juta. Kecairan jangka pendek dan kemampuan membayar hutang semakin merosot. Kenapa dan apa tindakan pembetulan yang telah diambil? Muka surat 6, Penyata Perubahan Ekuiti, penilaian semula. Jumlah untung atas penilaian semula bagi Kumpulan YPJ berjumlah RM71.5 juta, iaitu 65% daripada jumlah untung kumpulan. Apakah punca peningkatan ini? Penilaian semula, maksudnya kalau tanpa penilaian semula akan terdapat perbezaan sebanyak 65% jumlah untung Kumpulan. Ini satu perkara yang penting sebab penilaian semula, selalu ia adalah satu cara untuk menutup kerugian.

**YB Timbalan Speaker :** Mengkibol sila gulung.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) :** Muka surat 32, pada tahun 2016, Kumpulan menghapus kira aset sebanyak RM15 juta. Antaranya tanah berjumlah RM11.9 juta dan tanah pajakan berjumlah RM5 juta. Apakah punca hapus kira tersebut? Pada tahun 2017 tanah pajakan mengalami peningkatan penilaian semula berjumlah RM14.5 juta, kenapa perubahan yang begitu ketara berlaku dalam tempoh 2 tahun yang tersebut? Saya sudah sebut banyak soalan dan soalan-soalan yang begitu banyak menunjukkan satu hakikat iaitu Penyata Kewangan dan nota-notanya adalah begitu tidak lengkap dan ini membuktikan betapa pentingnya untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk memantau dan mempertingkatkan prestasi GLC. Sekian, ucapan saya. Terima kasih Puan Speaker.

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat Senai, jemput.

**YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) :** Terima kasih Puan Speaker memberi peluang membahas rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, sempena Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Ke-14. Pertama sekali Senai ingin mengucapkan tahniah kepada EXCO baharu, termasuk YB Bukit Permai, YB Jementah dan YB Tenang. Dan Senai juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Skudai dan Puteri Wangsa walaupun telah ditukar. Anda banyak membantu isu-isu dalam Senai, jasa anda akan sentiasa diingat oleh Senai.

Puan Speaker, Senai ingin membangkitkan beberapa isu perlu diberi perhatian. Menjelang tahun 2020, Kulai akan mempunyai populasi kedua tinggi dalam negeri Johor. Pada masa yang singkat ini, infrastruktur dan kemudahan awam termasuk Balai Polis, Balai Bomba, hospital dan lain-lain yang sedia ada, sudah tidak mencukupi untuk menampung keperluan setempat. Senai ingin menyentuh isu kesesakan lalu lintas yang sedang berlaku di kawasan Senai. Seperti sedia maklum, FD01 memang tidak mampu untuk menampung jumlah penggunaan jalan raya yang kian meningkat di Senai. Setiap hari saya pulang dari kerja, saya menggunakan masa lebih kurang 20 minit hingga 30 minit untuk balik ke rumah. Walau jarak antara pejabat saya dengan rumah saya tidak sampai 5 km.

Untuk makluman, Senai telah melakukan semakan dalam RMK9 bahawa terdapat rancangan untuk mewujudkan jalan alternatif iaitu projek Senai-Kulai *bypass* sepanjang 14

km bermula dari persimpangan km23 Johor Bahru sampai Ayer Hitam melalui Taman Aman, Indah Pura, Taman Puteri, Taman Legenda Putra dan km39. Bajet untuk melaksanakan projek ini pada masa itu sebanyak RM400 juta. Senai telah beberapa kali berjumpa EXCO lama, rakan saya YB Puteri Wangsa untuk mendapatkan jawapan, tetapi jawapan yang diterima adalah buat masa ini kerajaan tidak mempunyai bajet yang mencukupi untuk melaksanakan projek tersebut. Senai faham kerajaan sekarang tidak mempunyai bajet sebanyak untuk membangunkan atau menaik taraf jalan tersebut. Justeru Senai dan pihak JKR telah menggantikan projek menaik taraf jalan di Senai kepada 4 fasa. Kos untuk fasa pertama dijangkakan bernilai RM13 juta. Untuk tahun 2019, fasa kedua, RM60 juta, fasa ketiga, RM150 juta dan fasa keempat, RM60 juta. Senai harap EXCO berkaitan boleh mempertimbangkan semula projek tersebut dan Senai amat berharap projek ini dapat dilaksanakan segera untuk kepentingan umum. Pada pandangan Senai, kita perlu bermula sekarang untuk menyediakan sistem lalu lintas yang baik dan lengkap kerana jalan ini bakal digunakan bukan hanya sekarang, tetapi untuk masa yang depan. Projek untuk menaik taraf jalan Senai-Kulai *bypass* telah ditangguhkan selama 13 tahun. Senai harap projek ini boleh dikaji semula dan dilaksanakan secepat mungkin.

Puan Speaker, Senai amat, DUN Senai amat potensi tinggi menarik pelaburan asing kerana kedudukan fizikal yang strategik dan kemudahan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan hampir di Senai, di satu *highway*, *Second Link* dan jarak antara di Pelabuhan Tanjung Pelepas yang begitu strategik dan juga *highway* Utara-Selatan. Dalam tahun ini, Senai telah berjumpa bersama pelabur-pelabur asing, dan mereka memang berharap untuk melabur di kawasan Senai. Salah satu faktor mereka tidak puas hati adalah keadaan kesesakan lalu lintas di jalan FD01. Kerana mereka bakal mempunyai masalah logistik jika kita tidak menyediakan infrastruktur yang baik termasuk sambungan Internet berkelajuan tinggi yang lebih cekap dan lengkap daripada segi ekonomi ia tidak mempunyai kemampuan daya saing dengan negara luar.

Puan Speaker, selain masalah kesesakan lalu lintas dan infrastruktur yang tidak lengkap, Balai Polis dan hospital juga tidak mencukupi untuk menampung data bilangan penduduk di, keadaan penduduk dan pekerja asing yang meningkat. Untuk makluman Puan Speaker, Senai akan mempunyai seramai 40,000 pekerja warga asing menjelang tahun 2020. Peningkatan jurang pekerja asing ini secara tidak langsung juga menambah kes jenayah dan bilangan penyakit di hospital. Bagi kawasan Senai, menurut fakta yang diberi oleh Pengarah Hospital Kulai, kapasiti berjumlah 93 katil sudah tidak mencukupi pada masa kini. Beliau telah menyampaikan kertas kerja menambah kepada Jabatan Kesihatan dan EXCO Kesihatan. Senai berharap permohonan ini akan mendapat keutamaan dan diluluskan secepat mungkin. Pejabat saya juga menerima pelbagai aduan kes jenayah yang melibatkan pekerja asing dirompak, dicerderakan oleh penjenayah. Pasukan polis terpaksa menjalankan rondaan dengan lebih kerap. Manakala, Balai Polis Senai hanya mempunyai 50 lebih anggota polis sahaja.

Puan Speaker, Senai juga ingin menyentuh tentang isu alam sekitar. Memandangkan sumber alam semula jadi kita adalah terhad, penggunaan sistem solar adalah satu sumber kuasa alternatif yang baru dimulakan oleh agensi-agensi kerajaan-kerajaan. Senai ingin mencadangkan agar pusat-pusat khidmat ADUN kerajaan mahupun pembangkang diberi sistem solar terlebih dahulu. Jikalau bajet mengizinkan ia boleh menjadi satu contoh dan untuk menjimatkan penggunaan sumber kuasa. Jikalau cadangan ini berjaya kita boleh memperkenalkan penggunaan sistem solar di sekolah, surau atau badan kerajaan yang lain.

Senai dapati syarikat swasta seperti bank, Telekom Malaysia, DIGI dan lain-lain telah mengambil inisiatif mengurangkan penggunaan kerja. Mereka menggalakkan masyarakat menggunakan khidmat atas talian untuk mendapatkan penyata bank atau pun bil-bil dan sebagainya. Kita harus mencontohi inisiatif yang agak mengurangkan kertas semasa Persidangan dijalankan dengan menggunakan sistem komputer. Semalam sudah dicadang oleh Yang Berhormat Skudai. Selain daripada jimat dalam penggunaan kertas kita juga lebih mudah untuk menyimpan semua dokumen. Senai harap kerajaan dapat menunjukkan

contoh yang baik kepada generasi yang akan datang bahawa betapa penting mengurangkan menggunakan kertas kerana sumber bumi yang akan berkurang.

Puan Speaker, semalam Senai terbaca berita mengangkat tingkat jumlah sisa negara secara mendadak dengan berjumlah sisa dijana rakyat Malaysia kini mencecah 38,000 tan setiap hari tetapi hanya 25% sisa pepejal boleh dikitar semula dan guna semula. Selain itu juga, dimaklumkan bahawa MPKU telah membelanjakan kos sebanyak 11 juta setahun untuk menyelesaikan sisa sampah. Jika kos ini dapat dijimatkan, kos lebihan tersebut boleh digunakan untuk menampung kos projek-projek yang lain yang bakal diadakan sisa sampah yang boleh dikitar semula tidak dilaksanakan dengan baik. Masyarakat juga tidak memberi kerjasama dengan membuang sekali gus sisa makanan dan barangan yang boleh dikitar ke dalam tong sampah yang sama tanpa mengasing sisa tersebut. Walau pun SWM akan mengutip barang yang boleh kitar seminggu sekali dan sisa makanan dua kali seminggu. Senai harap kerajaan boleh mendidik generasi baru untuk melebihi mengambil berat agar isu alam sekitar. Kita tengah menjimatkan dan menggunakan penggunaan sumber alam sekitar yang terhad, menggalakkan penggunaan sumber yang boleh dikitar. Pada masa yang sama, hentikan segera pelabuan yang mencemarkan alam sekitar.

Akhirnya, Senai ingin maklum balas isu Tenang, SJKT Senai sebelum ini dia dipanggil oleh Kahang semalam, dia kata bahawa dia memang sedih dan dukacita kerajaan sudah tolak cadangan tersebut tapi saya sudah semak balik surat yang ditolak keluar oleh jabatan yang berkaitan, tarikhnya 12 Februari 2018. Masa itu, Pakatan Harapan belum menang lagi. Isu ini, saya bukan nak politikkan isu ini pindah sekolah pendidikan. Kalau boleh, saya harap sangat Kahang boleh jumpa saya dan bincang bersama-sama yang bincang sekolah Tamil kat Sembrong tu, macam mana kita boleh melaksanakan lebih lancar, yang cadangan oleh Kahang itu, tapak itu, saya, eh! Kahang tak ada. Saya nak tanya, Kahang ada *site visit* tak? Ada buat lawatan kerja tak? Sebab saya dimaklumkan kes ini saya sudah buat lawatan kerja, bukan kerajaan tak nak bagi tanah tapi tanah tu memang tak sesuai, masih dalam hutan, tak ada jalan, tak ada air, tak ada lampu, macam mana kita nak bina sekolah di sana? Walau bagaimanapun, Senai pun ambil inisiatif telah bincang beberapa pemaju dan saya sekarang dapat dua tanah di Taman Scientex, Senai. Saya harap sangatlah kalau betul-betul nak menyelesaikan masalah ini, bukan nak tuduh bukan-bukan, so harap Kahang boleh jumpa kita bincang bersama-sama menyelesaikan masalah tersebut. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker :** Dijemput Yang Berhormat Parit Raja.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, terlebih dahulu Parit Raja mengambil kesempatan menjunjung setinggi-tinggi kasih dan merafak sembah atas titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj pada Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Parit Raja menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang mahukan pihak pembangkang haruslah memainkan peranannya untuk memastikan segala program kerajaan benar-benar memberi manfaat dan faedah kepada masyarakat umum dan dilaksanakan dengan betul dan teratur.

Yang Berhormat Puan Speaker, Parit Raja melahirkan rasa kesal kerana Dewan yang mulia ini, tidak menyegerakan membahaskan usul tergepar yang dibawa oleh Ketua Pembangkang. Dewan negeri yang mulia ini, menjunjung tinggi dan puncak tertinggi yang menjunjung Rukun Negara, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan. Baginda Raja merupakan ketua negeri dan negara. Payung kedaulatan, tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan, payung penyatuan dan kesatuan dalam kepelbagaian. Tetapi, pada hari ini dan mutakhir ini, Institusi Diraja kita telah cuba diganggu gugat sedikit demi sedikit. Parit Raja mohon pendirian daripada Kerajaan Negeri Johor terhadap perkara

ini. Janganlah sesekali memandangi perkara ini sebagai perkara yang tidak serius, bukan perkara utama dan tidak perlu disegerakan. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Puan Speaker, Parit Raja melahirkan rasa amat kesal tragedi bencana alam yang berlaku di Pasir Gudang kembali berulang. Kenyataan media yang dikeluarkan pada 19 Mac 2019, telah mengisytiharkan Sungai Kim Kim sejauh 1.5 kilometer selamat dan bebas daripada pencemaran toksik yang menjejaskan penduduk sekitar. Namun, pada minggu lalu, malah semalam juga insiden pencemaran gas dan bahan kimia di kawasan yang sama iaitu Pasir Gudang berlaku sekali lagi. Tragedi bencana pencemaran ini bukan sahaja menjejaskan penduduk sekitar, malah aktiviti rutin seperti sesi persekolahan terpaksa ditangguhkan kerana ramai pelajar yang telah mengalami kesesakan nafas dan masalah kesihatan. Persoalannya di sini, apakah kerajaan negeri tidak mengambil pengajaran daripada kejadian yang berlaku pada Mac lalu? Apakah strategi pengurusan dan pelan tindakan yang diambil untuk menangani bencana pencemaran bahan kimia yang sedang berlaku ini? Apakah usaha pihak kerajaan untuk memberi penerangan, maklumat berkaitan kesihatan dan langkah-langkah keselamatan yang perlu penduduk di kawasan terlibat lakukan sebagai langkah berjaga-jaga? Apakah tindakan undang-undang yang sedang dan akan diambil oleh pihak yang didapati terlibat dalam insiden pencemaran udara ini dan apakah jaminan daripada pihak kerajaan bagi memastikan bencana pencemaran udara ini tidak berulang lagi?

Saya amat bersimpati dengan penduduk di kawasan tersebut terutamanya kepada anak kecil, pelajar dan warga sekolah begitu juga kepada warga emas. Pada kerajaan negeri yang telah menerima memorandum daripada barisan Pembangkang negeri Johor, menjadi kewajipan untuk mengambil tanggungjawab terhadap tuntutan-tuntutan yang telah dikemukakan. Rakyat perlu diyakinkan dan mereka harus rasa selamat, maka itulah antara tugas utama kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dalam menguruskan bencana ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, mutakhir ini kita juga digemparkan dengan saranan untuk menjemput individu, kumpulan dan institusi tanpa mengira agama untuk memberi maklum balas mengenai silibus pendidikan Islam di Malaysia. Meskipun isu ini adalah isu persekutuan tetapi pendidikan Islam adalah amat penting di negeri Johor dan juga Malaysia khususnya. Dalam melahirkan generasi yang berakhlak mulia dan mempunyai pegangan akidah yang teguh, hal ehwal pendidikan Islam adalah paling utama bagi kita semua, ia adalah hal ehwal eksklusif bagi orang Islam. Mungkin ianya mudah pada kita, perkara yang kecil amat senang untuk kita perkecilkan dan pandang remeh. Persoalannya di sini, adakah tindakan ini membelakangkan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia yang sudah tentunya mempunyai kepakaran, lebih berpengalaman luas dalam menyusun silibus pendidikan Islam, sesuai dengan falsafah pendidikan Islam di negara yang berdaulat ini.

Jelas sekali gerakan usaha ini tidak sensitif terhadap perkara yang menyinggung hati dan perasaan orang Melayu Islam di Malaysia. Ia, saya sedar ia adalah bertujuan untuk memperbaiki dasar dan silibus pendidikan Islam negara tetapi persoalan saya ialah mengapa perlu diambil pandangan orang bukan Islam untuk menentukan silibus pendidikan Islam di Malaysia? Dan, saya berharap Kerajaan Negeri Johor mengeluarkan pendirian terhadap perkara ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, berkisar juga dengan satu gerakan dan usaha terhadap ura-ura mengubah silibus pendidikan sejarah sekolah rendah dan sekolah menengah Malaysia, saya tidak tahu jika ura-ura ini adalah benar atau pun tidak? Kata pepatah Melayu, kalau tidak ada angin masakan pokok bergoyang. Apabila ditanya berkaitan isu ini, silibus pendidikan sejarah akan kekal seperti sedia ada kecuali jika ada cadangan dan saranan baru daripada pihak yang diberi mandat. Saya ingin pihak kerajaan negeri menyuarakan semua pandangan ini secara serius dan dengan hati yang terbuka. Sampaikanlah kepada kerajaan persekutuan akan keresahan dan cadangan saya ini kerana

ia adalah kepentingan kita bersama dan saya minta kerajaan negeri mesti mengambil peranan menyuarakan pendirian kerajaan negeri berkaitan isu ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, Unit Swadaya Insan yang telah ditubuhkan ilham kerajaan Barisan Nasional pada 2017, adalah untuk memberi perhatian khusus pembangunan modal insan demi menjayakan Aspirasi Johor Berkemahiran melalui pelaksanaan pelan induk pembangunan kemahiran negeri Johor, Program Intervensi Pembangunan Swadaya Insan di peringkat pendidikan awam dan juga kembara kerjaya. Namun, apa yang saya lihat pencapaian setahun kerajaan negeri sejak Jun 2018 hinggalah April 2019, hanyalah 2,416 pemohon kerja yang mendapat penempatan pekerjaan dan juga 320 orang sahaja mendapat Latihan Inisiatif Pembangunan Latihan Kemahiran Rakyat Johor. Bukan sahaja program ini ditukar nama dari Unit Swadaya Insan kepada Unit Strategik Modal Insan Johor ataupun nama singkatannya SMI tetapi persoalannya, apakah pencapaian sebenar kerajaan negeri setanding dengan slogan Negeri Berprestasi Tinggi Dalam Memperkasakan Pembangunan Modal Insan? Apakah usaha atau inisiatif baru pihak kerajaan bagi terus memperkasakan unit ini? Apakah peranan kerajaan negeri dalam membantu mencapai sasaran manifesto Pakatan Harapan untuk mewujudkan satu juta peluang pekerjaan?

Yang Berhormat Puan Speaker, saya amat berterima kasih kerana soalan lisan saya telah pun dijawab iaitu berkaitan status terkini peruntukan kepada sekolah persendirian Cina dan saya telah dimaklumkan secara bertulis sejumlah RM434,000.00 peruntukan daripada Kerajaan Negeri Johor telah disalurkan kepada 13 buah sekolah persendirian Cina setakat hari ini. Saya mengucapkan tahniah atas usaha ini, mungkin inilah yang telah disepakati dalam kerajaan Pakatan Harapan negeri Johor yang ada pada hari ini. Namun, saya suka untuk mengingatkan pada kerajaan negeri, infrastruktur di sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah menengah, sekolah agama dan juga sekolah tahfiz juga perlu diambil perhatian. Kos-kos penyelenggaraan dan kos baik pulih kerana mungkin ada terdapat di sekolah-sekolah ini tempat suraunya, tempat nak solat, tandasnya perlu di baik pulih dan di selenggara. Kerajaan Barisan Nasional yang lalu telah menyediakan semua infrastruktur ini, maka kerajaan yang ada pada hari ini perlulah menyambung untuk menyelenggara infrastruktur yang telah disediakan. Dan saya berharap sekolah-sekolah ini seperti sekolah kebangsaan, sekolah menengah, sekolah agama negeri Johor, sekolah tahfiz juga tidak ketinggalan untuk mendapat bantuan peruntukan dan juga baik pulih oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Puan Speaker, setelah setahun mendapat mandat daripada rakyat. Harga minyak tidaklah seperti yang dijanjikan, satu tol tidak pun dimansuhkan. Malah kerajaan sentiasa memanipulasi keputusan memansuhkan bayaran tol. Penghapusan cukai GST tidak menguntungkan kerajaan malah rakyat terpaksa menanggung harga barang yang semakin naik. Janji penghapusan bayaran PTPTN juga dimanipulasikan. Tarik tali, pengiktirafan Sijil UEC, punca pencemaran udara di Pasir Gudang masih lagi misteri, *inquest* kematian, kes kematian anggota bomba juga misteri, hutang negara pun juga dalam misteri. Jadi, saya berharap kerajaan yang telah diberi mandat pada hari ini tunaikanlah tanggungjawab dengan sebaik-baiknya sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan kita berharap janganlah banyak berjanji lagi kerana rakyat di peringkat akar umbi sedang menagih dan dalam keresahan dan kesusahan. Jadi sekian itu ucapan yang ringkas daripada saya. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Parit Raja. Dijemput Yang Berhormat Kemelah.

**YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd Nor (Kemelah) :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker. Bismillahirrahmaanirrahim. (Doa). Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengizinkan Kemelah membahas titah ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Patik merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Kemelah ingin memulakan perbahasan ucapan ke bawah Duli Tuanku Sultan dengan memetik kata-kata Tuanku Sultan dalam perenggan kedua berkaitan proses pemimpin-pemimpin kerajaan mencari keserasian di antara mereka dan memahami selok-belok pentadbiran kerajaan negeri.

Memang benar titah ucapan Tuanku Sultan. Semua yang dipilih dan dilantik dengan amanah yang besar perlu belajar mengurus dan mentadbir dengan cepat dan cekap serta menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan Kemelah yakin bahawa barisan EXCO yang sedia ada bertungkus lumus untuk memastikan bahawa rakyat diberi keutamaan. Sebaliknya Kemelah juga merasakan bagi pihak pembangkang yang setelah lama menjadi kerajaan, kemudian menjadi pembangkang bukan mudah untuk menerima hakikat tersebut. Proses pengserasian menukar budaya lama kepada baru akan mengambil masa. Maka begitulah apa yang telah berlaku proses transisi ke arah sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia.

Kemelah ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahruddin bin Jamal yang telah dilantik sebagai Menteri Besar serta barisan EXCO yang baru dan juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Osman Sapian, mantan Menteri Besar serta barisan EXCO yang lama kerana mampu untuk melaksanakan atau melunaskan janji-janji manifesto yang telah dibuat sebelum Pilihan Raya Ke-14.

Seterusnya Kemelah memohon kepada kita semua meneliti hasrat Tuanku agar negeri Johor akan terus aman dan makmur dengan semua rakyat hidup harmoni, bersatu padu dan hidup bermuafakat. Hidup berharmoni, saling faham memahami dan bertoleransi atas perkara yang dipersetujui bersama tidak akan wujud apabila wujud unsur-unsur atau pegangan ideologi yang melampau dan *extreme*. Pandangan melampau atau *extreme* sama ada berbentuk perkauman atau atas nama agama, atau bentuk-bentuk lain seperti kebebasan tanpa had atau pemikiran bebas tanpa pertanggungjawaban akan menyebabkan sikap prasangka antara kita sesama kita. Ini pula akan mengakibatkan pergaduhan dan permusuhan yang berpanjangan dari generasi ke generasi. Asas kepada keharmonian dalam negara Malaysia yang pelbagai kaum dan agama adalah sama-sama kita duduk di bawah dalam satu bumbung di bawah naungan Perlembagaan Malaysia.

Berpegang kepada 5 prinsip rukun negara, dari negeri Johor di bawah Undang-Undang Tubuh Negeri Johor 1895, apa-apa perbezaan pandangan atau tafsiran boleh dirungkai dengan kita duduk semeja, berbincang secara baik dan mencari jalan penyelesaian yang memberi manfaat kepada semua pihak. Bagi umat beragama Islam sudah seharusnya kita berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi serta pandangan ulama muktabar. Kemelah ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini khususnya Ahli Dewan yang beragama Islam agar kita terus menjadi golongan umat pertengahan, Umatan Wasatan yang sentiasa menegak keadilan. Menjadi contoh kepada orang-orang atau umat yang lain. Begitulah juga Kemelah ingin mengingatkan diri dan rakan-rakan ADUN yang ada di sini, janganlah kebencian kita terhadap sesuatu kaum atau bangsa atau kelompok menyebabkan kita tidak berlaku adil. Dan Kemelah amat bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Bukit Pasir apabila menyebut tentang firman Allah SWT yang membawa maksud, "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak berlaku adil. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa jua kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan lebih mendalam apa yang kamu lakukan". Surah Al-Maidah ayat ke-8. Di sini, kita diingatkan dengan ketakwaan kepada Allah yang dikaitkan dengan sikap sentiasa menegakkan keadilan walaupun terhadap orang tidak suka. Saya mendoakan, Kemelah mendoakan agar satu hari Pasir, Bukit Pasir akan mendapat kedudukan yang sama di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah serta dapat memberi aduan, membawa segala aduan rakyat setempat sepertimana yang disebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, dalam isu keterbukaan dalam era transisi ini, kita perlu mengambil masa untuk dilaksanakan, walaupun kita ingin melaksanakan secepat mungkin kerana keterbukaan tanpa kita memahami latar belakang akan menyebabkan kita diserang daripada pelbagai pihak sepertimana yang telah berlaku kepada Kemelah sendiri apabila Kemelah diserang dan mengambil tindakan yang dianggap sebagai tidak memihak kepada satu pihak tanpa memberikan fakta yang tepat dan betul.

Seterusnya Kemelah ingin menyentuh saranan Tuanku, adalah menjadi tanggungjawab setiap Ahli Dewan meneliti dan menambah baik setiap undang-undang negeri dengan meneliti tujuan latar belakang dan asas penggubalan enakmen berkaitan. Kajian secara berterusan perlu dibuat demi masa depan negeri Johor. Kita tidak ingin satu badan atau mana-mana individu yang diberi kuasa terlalu berkuasa sehingga boleh melakukan sewenang-wenangnya lalu menyalahgunakan kuasa yang telah diberi, seolah kuasa tersebut tiada had dan tiada pertanggungjawaban. Sekali-kali kita ingin menolak keadaan yang pernah berlaku di mana individu yang telah diberi kuasa menyalahgunakan kuasa, orang yang diberi kuasa dia lah yang memohon dana, dia lah juga yang mencadangkan untuk di lulus dana dan akhirnya dia juga yang memberi kelulusan terhadap dana tersebut. Keadaan ini amat berbahaya dan jika dibenarkan berterusan akan hancurlah negara.

Yang Berhormat Puan Speaker, reformasi institusi amat penting bukan hanya bagi memastikan kuasa mutlak tidak berada pada tangan satu badan atau individu malah lebih dari itu juga untuk memastikan bahawa gejala rasuah yang merosakkan negara tidak berterusan. Pada bulan Februari 2018, mengikut indeks rasuah yang dikeluarkan oleh Badan Ketelusan Antarabangsa Transparensi Internasional Malaysia berada pada tangga 62 daripada 180 negara. Menurun sebanyak 7 tangga dari tahun sebelumnya. Kedudukan tersebut telah menyebabkan Malaysia terjerumus ke tangga terburuk sejak 5 tahun berbanding sebelum-sebelumnya. Pada bulan Januari tahun 2019, Malaysia berada pada kedudukan 61 di belakang Singapura dan Brunei. Kita berharap bahawa gejala rasuah perlulah diperangi habis-habisan sebagaimana kita memerangi gejala najis dadah.

Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah menyokong penuh saranan Skudai agar Dewan Negeri diperkasa. Agar semak dan imbang antara badan eksekutif dan badan *legislative* akan lebih berkesan lagi. Jawatankuasa yang bersesuaian tanpa bertindih daripada segi fungsi dan peranan dengan badan serta agensi di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri amat perlu diwujudkan. Moga melalui jawatankuasa yang di tubuh, kajian yang lebih mendalam terhadap enakmen dapat di laksana serta dibuat cadangan-cadangan pembaikan. Kemelah berharap, melalui kajian semula antara agensi yang bakal di perkasa adalah agensi-agensi penguat kuasa, yang mampu bertindak tanpa takut dan pilih kasih. Dengan izin, *without fear and favour*.

Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah juga terpanggil menyambut titah Tuanku. Memberi nasihat agar semua pemimpin, pegawai-pegawai dan seluruh anggota Kerajaan Negeri Johor, menanam semangat cinta dan sayang pada negeri Johor. Mencurahkan khidmat bakti kepada rakyat dengan tekun, jujur dan amanah. Kajian dan pembaikan terhadap sistem penyampaian dengan izin, *delivery system* perlu ditingkatkan. Budaya makan gaji semata-mata perlu dibanteras. Malah kerja mengikut piagam pelanggan dan kerja memenuhi KPI agensi dan badan berkaitan, perlu terus disemak, ditanam pada semua kakitangan kerajaan. Budaya berprestasi tinggi, kaizen, hari ini lebih baik daripada semalam, esok menjanjikan lebih baik daripada hari ini, perlu dipupuk.

Pengalaman Kemelah sendiri mendapati budaya yang kurang sihat amat mencabar dibuang. Sebelum-sebelum ini kita dapati banyak bangunan dan jalan yang dibuat di atas tanah persendirian. Dan ini menjadi cabaran kepada Kerajaan Tempatan untuk memastikan bahawa ini tidak berterusan. Dan antara sebab perkara ini berlaku kerana tidak wujud SOP yang jelas. Budaya membiasakan yang betul, membetul yang biasa perlu dikembang dan diperluas. Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) yang mula beroperasi pada 1 Januari 2019 adalah inisiatif baik dan perlu pembaikan secara berterusan di semua agensi kerajaan.

Begitu juga pelaksanaan MyPortfolio, panduan kerja sektor awam berkaitan Manual Prosedur Kerja dan fail meja, diharap dapat di laksana dengan berkesan. Dan jika masih belum dilaksanakan lagi, dapat dilaksanakan segera. Ini amat penting khususnya bagi pegawai dan staff kerajaan negeri yang dilihat sering bertukar dan berpindah setelah sampai tempoh tertentu.

Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah merasakan Unit Strategi Modal Insan, yang dulunya dipanggil Unit Swadaya, perlu memainkan peranan mempertingkatkan budaya kerja profesional serta menekan kepada budaya kerja secara berstrategik dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Kursus-kursus berkaitan modal insan yang membangun minda mengikut dasar kerajaan Pakatan Harapan perlu diberi penekanan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan di semua peringkat pemimpin, masyarakat, ketua masyarakat, Ahli Majlis dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang lain.

Yang Berhormat Puan Speaker, saranan Tuanku Sultan agar kerajaan negeri bekerja keras menarik lebih ramai lagi pelabur terutama dari luar negara perlu diberi perhatian serius. Kerajaan negeri perlu terus membina keyakinan pelabur-pelabur luar. Negeri Johor mempunyai pelbagai aset yang boleh di manfaat dan dieksploitasi agar ia menjadi destinasi terbaik para pelabur. Kewujudan Universiti Johor akan dapat memacu ekonomi Johor melalui pembangunan modal insan dengan kemahiran dan berpengetahuan tinggi, yang khusus yang diperlukan oleh pelabur-pelabur luar. Di dalam membangun ekonomi negeri, Kemelah ingin mengingatkan kerajaan Pakatan Harapan, mengambil pengajaran dari sejarah. Dalam arus pembangunan, jurang antara kaya miskin perlu dikecilkan. Isu miskin bandar juga perlu diambil kira dalam pembangunan bandar. Kemelah tidak menafikan kedudukan ekonomi Johor semasa di dalam kerajaan dalam lepas berada dalam keadaan yang baik. Namun, keadaan ekonomi yang baik itu tidak dapat dirasai sepenuhnya oleh rakyat jelata. Pembangunan Wilayah Tengah dan Utara Johor agak terabai semasa pemerintahan lepas, berbanding Wilayah Selatan Johor. Maka, keadaan ini perlu diperbetul oleh kerajaan semasa. Tahniah kepada 3 EXCO yang telah dilantik dari daerah Segamat. Moga ketiga-tiga EXCO ini dapat memainkan peranan memacu pembangunan sosioekonomi Wilayah Tengah dan Utara Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah amat menyokong pandangan titah Tuanku Sultan berkaitan prinsip kewangan, agar jangan berbelanja lebih daripada hasil yang diterima. Prinsip ini diguna pakai oleh Nabi Yusuf A.S. kita di amanah mengurus perbendaharaan negeri Mesir. Prinsip mudah berhutang, malah hutang dengan jaminan kerajaan hanya akan menyebabkan rakyat yang bakal menanggung beban hutang. Ambillah dari apa yang berlaku kepada Kumpulan Wang Persaraan, sebagai pengajaran kepada kita.

Akhir sekali Yang Berhormat Puan Speaker, Kemelah ingin membangkitkan isu kebajikan guru-guru Sekolah Agama Johor. Walaupun Johor telah menyambut 100 tahun pendidikan Islam, isu kebajikan berkaitan dengan pengajian dan juga berkaitan dengan jawatan guru agama, rata-rata perlu pembaikan. Apabila Kemelah berkesempatan bersama-sama dengan guru-guru agama, Kemelah mendapati bahawa guru-guru masih lagi ramainya berjawatan kontrak. Badan kebajikan sekolah agama yang banyak membantu menampung gaji tambahan kepada guru-guru tersebut bagi memastikan pendidikan anak-anak tidak terjejas. Kemelah juga ingin membangkitkan isu berkaitan dengan nisbah guru-murid di sekolah agama yang rata begitu rendah, 1 guru kepada 50 hingga 60 orang murid. Kemelah yakin bahawa EXCO berkaitan, Pengerusi Agama akan terus berusaha agar Pendidikan Islam di Johor akan terus menjadi tersohor dan mengambil kira akan kebajikan guru-guru agama.

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat Kemelah, sila gulung.

**YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd Nor (Kemelah) :** Akhir sekali, Kemelah ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Kemelah membahas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguh sehingga jam 4.00 petang ini.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3.45 petang**

**Persidangan disambung semula pada jam 4.00 petang.**

**YB Timbalan Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat Pekan Nanas.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas)** : Selamat sejahtera Yang Berhormat Puan Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan sekalian. Pertama sekali Pekan Nanas mengambil ketetapan merafak sembah setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini pada 27 Jun yang lalu. Dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua, Dewan Negeri Johor Ke-14.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Puan Speaker kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Yang Berhormat Puan Speaker, Pekan Nanas menyeru pihak kerajaan memandang berat tentang keadaan lambakan atas tanah tidak terjual di negeri Johor. Menurut laporan *National Property Information Centre* (NAPIC), bilangan rumah tidak terjual di Malaysia meningkat daripada 16,576 unit dan bernilai RM8.2 bilion pada tahun 2015, telah meningkat kepada 51,265 unit yang bernilai RM35.76 bilion pada tahun 2018. Lambakan harta tanah tidak terjual telah meningkat 3 kali dalam masa 3 tahun. Di antaranya, negeri Johor mencatat tingkatan harta tanah tidak terjual yang paling tinggi di seluruh Malaysia iaitu sebanyak 16,031 unit bernilai RM13.78 bilion pada tahun 2018.

Di samping itu, negeri Johor juga mencatat indeks harga rumah 217.7. Nilai indek yang paling tinggi di seluruh Malaysia sejak tahun 2000. Semakin tinggi indeks harga rumah, bermakna semakin tinggi kenaikan harga rumah dan nilai ini telah menunjukkan harta tanah di negeri Johor menghadapi kenaikan harga yang paling ketara di seluruh Malaysia. Walaupun harga harta tanah semakin meningkat dan telah berlakunya lambakan harta tanah tidak terjual yang serius di negeri Johor, malah banyak keluarga berpendapatan rendah masih menghadapi masalah untuk memiliki rumah sendiri. Permintaan dan penawaran rumah di negeri Johor perlu dikaji dengan baik untuk mengelakkan rumah mewah dibina tetapi tidak ada pasaran. Manakala Rumah Mampu Milik, ada permintaan yang tinggi, tetapi bekalan tidak mencukupi. Merujuk kepada Sistem Perumahan Johor, jumlah permohonan Rumah Mampu Biaya adalah berjumlah 42,981 permohonan. Berbanding dengan perangkaan Jawatankuasa *Task Force* Perumahan Negeri Johor. Sebanyak 21,374 unit Rumah Mampu Biyai Johor dapat disiapkan menjelang 2023. Kerajaan Negeri Johor perlu melipat gandakan usaha dalam proses pembinaan Rumah Mampu Biaya untuk memastikan sasaran pembinaan 100,000 unit Rumah Mampu Biaya dapat dicapai.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pekan Nanas menyambut baik dengan dasar kerajaan untuk mewajibkan pihak pemaju membuat dan membentangkan laporan penilaian pasaran semasa mereka membuat perancangan pembinaan Projek Harta Tanah Baru. Ini adalah penting untuk mencegah masalah permintaan dan penawaran yang tidak setimpal berlaku lagi serta menyebabkan keadaan lambakan harta tanah semakin meruncing. Pihak kerajaan juga perlu membuat penilaian sendiri mengikut kepadatan penduduk, purata pendapatan, bilangan harta tanah sedia ada dan bilangan rumah tidak terjual di sesuatu kawasan sebelum meluluskan permohonan projek baru. Kerajaan perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha memastikan masalah permintaan dan penawaran harta tanah tidak bertambah serius.

Selain itu, kerajaan telah menetapkan projek perumahan yang melebihi 5 ekar diwajibkan pembinaan Rumah Mampu Biaya sebanyak 40%. Jika pemaju gagal mematuhi dasar tersebut, hukuman denda sebanyak RM40,000.00 seunit bayaran secara sekali gus ataupun RM60,000.00 seunit secara ansuran akan dikenakan. Adakah dasar-dasar ini dilaksanakan secara berkesan? Dan berapakah hasil denda yang telah dikutip sepanjang masa ini? Dalam melaksanakan dasar memerlukan penguatkuasaan yang berkesan. Tindakan penguatkuasaan dapat memastikan pihak pemaju mematuhi dasar yang ditetapkan untuk memastikan pembinaan Rumah Mampu Biaya dijalankan secara berkesan dan hasil denda yang dikutip boleh digunakan kerajaan untuk pembinaan Rumah Mampu Biaya pada masa yang akan datang. Selain itu, harga harta tanah juga berkaitan rapat dengan kos harga tanah. Pembinaan Rumah Mampu Biaya selalu tersekat sebab projek Rumah Mampu Biaya tidak mendatangkan keuntungan. Oleh itu saya juga menyeru pihak kerajaan untuk menyahut saranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyediakan tanah kerajaan demi kegunaan pembinaan Rumah Mampu Biaya supaya dapat mempercepat dan menjayakan usaha kerajaan dalam penyediaan Rumah Mampu Biaya.

Yang Berhormat Puan Speaker, tanah terbiar adalah tanah bermilik dengan keluasan minimum 0.4 hektar dan tidak diusahakan dalam tempoh 3 tahun berturut-turut. Menurut maklumat Jabatan Pertanian, sebanyak 69,734 lot tanah dengan jumlah keluasan 119,273.38 hektar tanah terbiar di Semenanjung Malaysia termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2014. Di antaranya, Johor merupakan negeri yang mempunyai keluasan terbiar, keluasan tanah terbiar yang kedua besar selepas negeri Pahang dengan jumlah keluasan tanah terbiar sebanyak 17,855 hektar dan melibatkan 8,070 lot tanah. Keadaan tanah terbiar adalah suatu pembaziran sumber. Jabatan Pertanian telah membuka pendaftaran tanah terbiar hak milik individu untuk membangunkan tanah-tanah terbiar. Pendaftaran tersebut membolehkan usahawan-usahawan yang ingin menjalankan projek pertanian tetapi tidak memiliki tanah, membuat sewaan tanah dengan pemilik tanah terbiar. Setakat ini 30 lot tanah dengan jumlah keluasan 44.67 hektar tanah telah didaftarkan di bawah program ini. Nilai ini masih jauh berbeza jika berbanding dengan jumlah tanah terbiar di negara kita. Oleh itu, Pekan Nanas bersetuju dengan cadangan Pemanis untuk melipat gandakan kadar cukai tanah bagi tanah-tanah terbiar di negeri Johor. Cukai tersebut boleh dipandang sebagai satu cukai pembaziran sumber tanah dan pembayaran cukai ini boleh dielakkan sekiranya pemilik tanah mengusahakan tanah tersebut sama ada dengan usaha sendiri ataupun memajakkan tanahnya kepada sesiapa yang berminat. Tindakan ini adalah penting untuk meningkatkan produktiviti negara, bekalan sumber makanan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pekan Nanas juga memberi cadangan kepada pihak kerajaan negeri dan pejabat tanah untuk merujuk kepada Kanun Tanah Negara, Seksyen 115, 116 dan 117 dalam usaha mengoptimumkan tanah-tanah terbiar. Menurut Kanun Tanah Negara, Seksyen 115, 'pemilik tanah pertanian tidak memulakan kerja pada tanahnya dalam tempoh 12 bulan dan menyempurnakan kerja dalam tempoh tiga tahun adalah dianggap sebagai melanggar syarat dan tanah pertanian juga perlu diusahakan dengan menanam tanaman secara berterusan'. Dalam Seksyen 116 mengatakan pemilik tanah bangunan perlu membina bangunan pada tanahnya dalam tempoh 2 tahun. Manakala dalam Seksyen 113, menetapkan pemilik tanah industri perlu memulakan operasinya dalam tempoh 3 tahun. Sekiranya pemilik tanah melanggar syarat yang dinyatakan di atas, pentadbir tanah berhak melucut hak tanah tersebut kepada pihak berkuasa negeri mengikut Seksyen 127, 128 dan 129 Kanun Tanah Negara, jika pemilik tanah masih melanggar syarat-syarat tersebut walaupun telah menerima notis daripada Pentadbir Tanah. Ini menunjukkan dalam sistem perundangan negara kita telah membenarkan pihak kerajaan menangani masalah tanah terbiar supaya kerajaan dapat mengoptimumkan penggunaan tanah demi kebaikan ekonomi negara.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pekan Nanas ingin menegaskan bahawa sebarang penguatkuasaan undang-undang tersebut bukannya dengan tujuan untuk perampasan tanah tetapi fokus untuk mewujudkan satu *win win situation* yang membenarkan pemilik

tanah, rakyat serta kerajaan boleh mendapat kebaikan daripada pelaksanaan dasar tersebut. Saya juga menyeru pihak kerajaan untuk mengkaji keadaan tanah terbiar dan sebab-sebab tanah terbiar di negeri Johor. Jika ia disebabkan pemilik tidak ada modal untuk memulakan usaha penanaman ataupun mempunyai terlalu banyak tanah sampai tidak ada masa yang mencukupi untuk mengusahakan tanah tersebut. Pengusaha boleh dinasihatkan untuk memajakkan tanah mereka kepada petani lain untuk elak diri daripada dikenakan cukai yang lebih tinggi ataupun tindakan rampasan tanah.

Jika tanah terbiar adalah disebabkan proses pindah milik tidak dijalankan dengan sempurna sehingga merumitkan usaha penggunaan tanah oleh waris mereka, kerajaan perlu mulakan usaha mengenal pasti tanah-tanah tersebut dan mencari langkah untuk memastikan proses pindah milik dapat berjalan dengan lancar dan cepat. Ini adalah penting kerana proses pindah milik akan menjadi semakin rumit dan susah jika warisnya berubah daripada anak kepada cucu akhirnya mungkin melibatkan cicit. Khidmat nasihat undang-undang juga boleh disediakan oleh kerajaan dalam proses pindah milik tanah tersebut.

Yang Berhormat Puan Speaker, rakyat perlu memahami undang-undang dan dasar kerajaan yang sedia ada, keadaan membiarkan tanah tanpa diusahakan sebenarnya merupakan suatu kesalahan di sisi undang-undang. Tanah bukan sekadar harta milik persendirian yang dikumpulkan sebagai kekayaan diri sendiri. Pemilik tanah yang diberi hak milik juga perlu bertanggungjawab untuk mengusahakan tanah tersebut supaya mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara.

Dalam usaha membangunkan tanah terbiar, Pejabat Tanah dapat memainkan peranan yang penting melalui penguatkuasaan undang-undang sedia ada. Penguatkuasaan dan pemantauan secara berkala dapat mengelakkan keadaan tanah terbiar berleluasa dan dapat memaksimumkan penggunaan tanah. Kerajaan juga boleh menerima maklumat daripada orang awam untuk mengenal pasti mana-mana tanah terbiar untuk mengelakkan pembaziran sumber tanah.

Tidak dapat dinafikan bahawa cadangan ini merupakan suatu kerja yang payah dan susah tapi masalah hanya akan kekal dan menjadi semakin rumit jika dibiarkan tanpa sebarang usaha dan tindakan. Walau bagaimanapun, semua ini sekadar cadangan awal saya dan sebarang tindakan lanjut perlu penilaian yang seterusnya daripada agensi-agensi kerajaan lain.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pekan Nanas ingin menyentuh beberapa isu tempatan. Pertama, saya menyeru pihak kerajaan memandang serius terhadap keadaan jalan raya dari Pontian ke Pekan Nanas. Jalan raya tersebut merupakan jalan penghubung utama penduduk Pontian ulang-alik dari Pontian ke Johor Bahru dan Singapura. Keadaan tanah gambut yang lembut di sepanjang jalan menyebabkan jalan raya selalu mendak dan retak walaupun pihak JKR telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dalam kekerapan yang amat tinggi. Keadaan jalan raya yang tidak rata, beralun, retak bukan sahaja menimbulkan perasaan tidak selesa pengguna jalan raya tetapi juga membahayakan keselamatan pengguna jalan raya khususnya penunggang motosikal. Telah berlaku insiden pengguna jalan raya mengalami kemalangan di kawasan jalan tersebut dan membuat tuntutan pampasan sivil terhadap kerajaan. Untuk mengelakkan kejadian ini daripada berulang lagi, kerajaan perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi kepada JKR untuk membaiki jalan raya tersebut.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada usaha Pusat Penyelidikan Tanah Lembut (RECESS), UTHM dan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Dan Teknologi, JKR kerana membuat penyelidikan terhadap struktur jalan tersebut pada minggu yang lepas. Ini merupakan suatu inisiatif JKR mencari langkah yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah jalan raya mendak yang lama mengganggu keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya di kawasan daerah Pontian. Saya berharap hasil kajian ini akan berjaya menjadi langkah yang efektif. Yang paling penting

pihak kerajaan perlu memberi sokongan terhadap cadangan yang diberi selepas membuat penilaian yang munasabah walaupun cadangan membaiki jalan tersebut mungkin melibatkan kos peruntukan yang lebih tinggi. Jika berbanding dengan perbelanjaan membaiki jalan raya yang kerap dan kurang berkesan sepanjang masa, saya berpandangan bahawa kos membaiki jalan raya yang sekali gus dan berkesan adalah lebih berbaloi daripada segi ekonomi walaupun perbelanjaannya yang terlibat mungkin lebih tinggi.

Yang Berhormat Puan Speaker, Pekan Nanas juga ingin menyeru pihak kerajaan mengeluarkan peruntukan untuk membina lampu isyarat di persimpangan Parit Selangor dengan Jalan Johor memandangkan keadaan aliran lalu lintas yang semakin pesat di kawasan tersebut. Banyak kemalangan jalan raya pernah berlaku di persimpangan jalan raya tersebut dan pada 28 Jun yang lepas suatu kemalangan maut jalan raya telah berlaku di persimpangan jalan tersebut. Saya difahamkan JKR pernah membuat permohonan peruntukan untuk pemasangan lampu isyarat di persimpangan tersebut. Oleh itu, saya berharap pihak kerajaan mengeluarkan peruntukan secepat mungkin untuk mencegah tragedi kemalangan maut daripada berlaku lagi

**YB Timbalan Speaker :** Sila gulung.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) :** Yang Berhormat Puan Speaker, Pekan Nanas berharap kerajaan, pihak kerajaan menyelesaikan masalah banjir kilat yang kerap berlaku di kawasan Kampung Parit Pasir. Kampung ini terletak di tepi bandar Pekan Nanas dan air hujan dari bandar Pekan Nanas akan mengalir melalui sistem parit di tepi Kampung Parit Pasir sebelum memasuki kepada Parit Besar. Walaupun banyak projek perumahan dan komersial pesat dijalankan tetapi sistem perparitan di kawasan Parit Pasir tidak dinaik tarafkan. Sistem perparitan sedia ada tidak dapat menampung kuantiti aliran air dan menyebabkan air selalu melimpah keluar dan menyebabkan banjir kilat yang kerap di kawasan Kampung Parit Pasir. Pekan Nanas berharap kerajaan dapat menyediakan peruntukan menaiktarafkan sistem pengaliran di kawasan tersebut. Pekan Nanas juga memohon pencerahan dari Jabatan Kesihatan tentang perkembangan cadangan membina pusat hemodialisis dengan menggunakan sebahagian bangunan Klinik Kesihatan Pekan Nanas lama. Saya berharap cadangan ini dapat direalisasikan secepat mungkin untuk memudahkan pesakit dialisis di kawasan Pekan Nanas untuk menerima rawatan dialisis. Yang Berhormat Puan Speaker, setakat ini saya mengakhiri perbahasan saya dengan ribuan ucapan terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Seterusnya Yang Berhormat Tangkak dijemput.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) :** Selamat petang, selamat sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana telah memberi peluang kepada Tangkak untuk menyertai dalam Perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 pada hari Khamis, 27 Jun 2019 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Speaker, menurut statistik tanaman tahun 2018 Johor merupakan pengeluaran tanaman buah-buahan dan bunga-bunga di Malaysia. Pengeluaran sayur-sayuran pulak dari negeri Johor berada di tangga kedua selepas negeri Pahang. Mengikut rekod ini juga Johor mempunyai kira-kira 72,083 orang petani dan keluasan tanah pertanian yang diusahakan adalah lebih kurang 17,855 hektar. Statistik ini menunjukkan negeri kita sangat sesuai untuk menanam dan ramai petani yang sedang mengusahakan dalam industri pertanian.

Namun, bagi petani yang sedia ada dan juga rakyat yang ingin menceburi dalam bidang pertanian, kekurangan tanah pertanian adalah penghalang terbesar buat mereka. Semakin hari semakin banyak tanah-tanah termasuk tanah pertanian telah diubah syarat kepada kegunaan pembinaan kediaman disebabkan peningkatan populasi. Malah peningkatan populasi bukan sahaja menambah keperluan kediaman sahaja.

Keperluan makanan juga turut meningkat. Kalau tanah pertanian terpaksa memberi laluan kepada pembinaan kediaman, sudah tentu masalah makanan yang mencukupi akan jadi cabaran. Sebagai contoh eksport makanan meningkat 2.2% setahun bagi tahun 2017 dan tahun 2018. Tetapi pada masa yang sama import makanan turut meningkat pada kadar purata 3.5% setahun. Defisit ini membuktikan isu ketidakcukupan makanan sedang berlaku. Imbangan dagangan dalam sektor pertanian yang membimbangkan ini harus diselesaikan oleh kerajaan.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana telah mula bertindak bagi mengatasi masalah ini dengan cadangan projek revolusi hijau pembangunan tanah-tanah terbiar negeri Johor. Menerusi projek ini kerajaan Johor akan membangunkan tanah-tanah terbiar milik agensi kerajaan dengan mengusahakan tanaman seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Tangkai menyambut baik tentang pendekatan ini kerana kita sedia maklum terdapat banyak tanah terbiar di bawah agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA, KEJORA, RISDA dan sebagainya. Termasuk juga tanah-tanah kerajaan negeri yang tidak dibangunkan dan tiada perancangan khususnya untuk membangunkan tanah itu dalam masa beberapa tahun yang akan datang.

Tangkai percaya keluasan tanah-tanah terbiar di Johor adalah sangat besar. Kalau tanah-tanah tersebut dapat disewa dengan kadar yang munasabah kepada petani dan pekebun untuk mereka menjalankan aktiviti pertanian berskala kecil, sekali gus akan meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian. Penglibatan lebih ramai petani dan generasi muda dalam bidang pertanian dan industri asas tani dengan tanah terbiar ini juga dapat memastikan pengeluaran makanan dalam negeri akan berterusan dan dapat menampung keperluan rakyat pada masa hadapan.

Kita mengharapkan penglibatan rakyat melalui bidang ini, sosioekonomi dan peluang pekerjaan dapat dipertingkatkan. Kerajaan sebagai pemilik tanah juga boleh menambah sedikit hasil daripada tanah-tanah sebelum ini terbiar dan tidak membawa pendapatan. Daripada sebahagian besar tanah pertanian yang sedang diusahakan sekarang adalah tanah pajakan kerajaan. Petani dan pekebun yang berpendapatan rendah menghadapi masalah caj premium yang tinggi semasa mereka ingin memohon sambungan tempoh atau melanjutkan tempoh pajakan tanah.

Menurut pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Johor Bil. 1 Tahun 2012. Kaedah pelaksanaan dasar bagi menentukan pengenaan premium bagi kelulusan permohonan memperbaharui tempoh pajakan. Bayaran premium bagi sambungan tempoh pajakan adalah berdasar harga pasaran yang diperolehi dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Terdapat ramai pemohon yang telah dapat kelulusan daripada kerajaan tidak mampu menjelaskan bayaran premium melalui notis 5A tersebut, sehingga ada pemilik-pemilik tanah atau pemohon terus meminta agar kelulusan yang diperolehi dibatalkan sebaik sahaja menerima notis tersebut.

Caj premium yang terlalu tinggi mengakibatkan petani tidak dapat melanjutkan tempoh pajakan tanah dan seterusnya terpaksa menghentikan aktiviti-aktiviti pertanian mereka. Keadaan ini juga dihadapi oleh penduduk-penduduk terutama penduduk di kampung atas tanah pajakan. Pengiraan premium bagi memperbaharui tempoh pajakan tanah kediaman juga berdasar daripada harga pasaran semasa. Ia telah menjadi beban kepada pemohon kerana mereka perlu menjelaskan premium dalam tempoh yang ditentukan sebelum kelulusan mereka ditarik balik.

Tangkai berharap Kerajaan Negeri Johor boleh membuat kajian semula terhadap pekeliling ini, khususnya untuk membantu pemilik-pemilik tanah daripada golongan B40. Diskaun atau bayaran nominal bersyarat dipercayai dapat memanfaatkan mereka. Syarat untuk memberi diskaun atau menawarkan bayaran nominal premium tanah itu boleh mengambil kira dari

segi nilai hasil tanaman, bayaran premium sepenuhnya perlu dikenakan kepada pemilik-pemilik yang menyalah guna tanah atau menjual tanah tersebut kepada pihak ketiga.

Yang Berhormat Speaker, isu kilang-kilang yang beroperasi tanpa kebenaran juga perlu perhatian daripada pihak berkuasa negeri. Kilang-kilang haram ini kebanyakan menghadapi masalah untuk mengubah syarat kegunaan tanah. Satu penyelesaian secara damai mengenai isu ini diminta dapat dibincangkan segera. Program pemutihan kilang-kilang haram yang sedang dijalankan di negeri lain boleh menjadi rujukan kita dalam menangani isu ini.

Pendirian Tangkak adalah elakkan menggunakan tindakan kekerasan seperti meroboh kilang-kilang haram. Kerajaan boleh mewujudkan satu garis panduan yang seragam bagi pelaksanaan pemutihan kilang untuk diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor. Kelonggaran kepada pemilik kilang haram dengan memudahkan mereka mendapat kelulusan ubah syarat tanah dan kelulusan bangunan sehingga kilang tersebut diputihkan, bukan sahaja boleh menyelesaikan masalah yang semakin serius ini ia juga dapat menambah kutipan hasil untuk kerajaan.

Yang Berhormat Speaker, perang dagangan antara dua kuasa besar ekonomi dunia yang bermula sejak Julai lepas telah sedikit sebanyak memanfaatkan negara dan negeri kita. Banyak syarikat luar negara sangat berminat untuk melabur di sini seperti memindahkan perniagaan, industri dan kilang mereka ke Malaysia. Penyediaan maklumat lengkap dan prosedur pelabur yang sempurna akan membantu negeri kita berjaya menarik pelaburan luar negara untuk melabur di Johor.

Dalam satu laporan kajian selidik yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Sosioekonomi Malaysia telah menunjukkan tempoh yang diambil oleh pelabur luar negara untuk mendapatkan permit dan lesen perniagaan adalah 3 hari pada tahun 2014. Tempoh purata untuk permohonan ini ditambah sehingga 18 hari pada tahun 2016. Tempoh yang diperlukan untuk pelabur luar pada hari ini adalah lebih lama daripada tahun sebelumnya. Sekiranya kerajaan Johor dan Pihak Berkuasa Tempatan dapat memudahkan proses ini termasuk mengkaji semula, mengubah atau menyeragamkan undang-undang serta garis panduan yang ada sudah tentu Johor akan menjadi prospek pelaburan yang lebih menarik berbanding dengan negeri lain.

Yang Berhormat Speaker, setelah pengalihan kuasa pentadbiran yang berlaku pada tahun 2018, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung terus ditubuhkan bagi mengambil alih tugas Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebelum ini, malah sehingga hari ini masih terdapat Ahli Jawatankuasa JKKK lama ataupun individu-individu yang masih memegang kunci ataupun persediaan untuk balai raya, pejabat MPKK atau stadium. Setengah-setengah pihak daripada mereka juga mengutip sewaan daripada pengguna bangunan kerajaan tersebut.

Walaupun kerajaan Johor telah mengeluarkan arahan supaya penyelenggaraan aset-aset kerajaan Johor oleh Persatuan Badan Bukan Kerajaan dan entiti-entiti lain hendaklah diserahkan kepada MPKK yang baru. Oleh itu Tangkak berharap kerajaan dapat bertindak tegas supaya semua aset kerajaan dapat diambil alih oleh MPKK dengan kadar segera supaya tidak timbul lagi persoalan dari penduduk-penduduk setempat. Akhirnya Tangkak dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senggarang. Sekian terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Dijemput Yang Berhormat Tenggaroh.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang berbahas dalam Perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam

Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Saya juga merafak sembah mengucapkan tahniah sempena hari keputeraan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor sempena hari keputeraan beliau pada 30 Jun iaitu semalam. Tidak lupa juga saya nak ucapkan selamat hari jadi kepada rakan saya YB Semarang hari ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, berdasarkan titah ucapan Tuanku perenggan yang ke-13 di mana Tuanku bertitah pihak pembangkang juga haruslah memainkan peranan untuk memastikan segala program kerajaan benar-benar memberi faedah kepada masyarakat umum dan dilaksanakan dengan betul dan teratur. Berdasarkan pada ini ada beberapa perkara yang ingin saya sampaikan.

Dari tahun 2011 hingga Mei 2018, kerajaan pusat iaitu melalui Kerajaan Barisan Nasional hampir RM1 bilion telah dibelanjakan untuk menaik taraf dan juga membina Sekolah-Sekolah Tamil di Malaysia dan limpahan itu banyak juga Sekolah-Sekolah Tamil di Johor ada yang baru ada yang dinaik taraf. Sebagai contoh kalau kita cakapkan pasal Sekolah Tun Dr. Ismail, Sekolah SJKT Ladang Nyiur, Kluang. Ini adalah contoh-contoh sekolah yang dah dapat geran dan telah dibina. Tapi malangnya sekolah ini dah siap tapi belum dibuka lagi dan bila saya ada satu soalan lisan dan dapat jawapan daripada EXCO. EXCO jawab memang 96% dah siap dan baki kerja ialah menurap jalan, bekalan air dan elektrik. Memang itu masalahnya ialah jalan, bekalan elektrik dan air tetapi 96% dah siap. Ini dah siap belum? Ini dah siap 96% tapi dah dekat 2 tahun belum siap lagi. Benda-benda ni perkara yang rasanya boleh selesai yang lebih menyedihkan ni di kawasan Menteri Pendidikan di Simpang Renggam. So, saya harap perkara ini cepat diselesaikan. Jangan sekolah tu dah dua tahun dah siap, tak dibuka lagi. Dan bila saya bawa isu pada SJKT Mersing, dia sekolah ni unik, dia ialah satu sekolah di dalam sekolah dia, iaitu sekolah dalam sekolah. So, kerajaan negeri telah berbesar hati dan dapatkan tanah yang baru untuk sekolah SJKT Mersing. Tapi sekarang masalahnya dana. Dulu kita ada dana khas untuk pembinaan SJKT dan sekarang dari kerajaan pusat tak ada dana khas untuk pembinaan. Dan saya harapkan kerajaan negeri boleh membawa usul pada kerajaan pusat agar dapat dana, khususnya SJKT Mersing ini dan tanah kerajaan negeri dah berikan. Kalau tanah tu dibiarkan macam tu aje, tak ada dana nak bina sekolah baru, susahlah. Sebab yang ni adalah antara-antara, dulu kita dapat dana RM1 bilion, sekarang dah takde dana dia. So, kita perlukan dana untuk mengembangkan SJKT ni. Dan bila kita cakap pasal SJKT, tadi Yang Berhormat Senai ada cakap pasal isu sekolah Senai. (Persidangan ditangguhkan sementara bagi menghormati laungan azan). Terima kasih.

Macam tadi Senai, dia ada bawa mengenai isu SJKT Senai, saya rasa dia salah faham apa Yang Berhormat Kahang tu cakap. Yang Berhormat Kahang tak cakap, salahkan, mereka yang tak luluskan. Sebab saya pun ada surat yang menyatakan dari pejabat tanah pada tahun 2019 surat tu daripada pembangunan. Ni bukan masa nak menyalahkan orang. Saya rasa kita kena selesaikan masalah ini. Saya sambut baik cadangan dia, dia ada cari dengan pemaju-pemaju lain tapi, ini boleh dibincang. Tapi kalau tak silap saya, dia pun ada jumpa dengan pihak pembangunan kuil, eh sorry, pembangunan sekolah SJKT Senai, pengurusan pembangunan SJKT Senai dan bila Yang Berhormat Senai jumpa pihak LPS sekolah tersebut, hari keduanya keluar kat surat khabar, yang Dewan ini akan buat keputusan. Itu yang keluar dekat surat khabar dan hari ini ramai orang mula tanya saya, dah dapat keputusan, dah dapat keputusan? So, dia mungkin ada *misunderstanding*. Dan saya harap benda ini, perkara ini dengan bantuan EXCO yang terlibat, kita harap selesaikan. Sebab di Senai tu, memang perlukan sekolah Tamil. Ramai pelajar yang pergi ke tempat lain belajar. Jarak dia jauh dan penduduk dia semakin meningkat dan satu keperluan yang ada dan saya bukan di sini nak menyalahkan siapa-siapa tapi kita harap dapat satu penyelesaian untuk masalah ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, menyambung ucapan saya, perbahasan saya, antara pencapaian kerajaan negeri selama setahun ini adalah menghapuskan kuota KMK yang dikatakan tidak telus, terdapat unsur rasuah dan ada salah guna kuasa. Saya tak nak pertikaikan benda tu, tapi apa yang saya nak tahu ialah, semenjak setahun ini, berapa

rumah yang telah dibahagikan mengikut daerah, ikut taman dan ikut kaum. Kaum Melayu berapa dapat, kaum Cina berapa dapat, kaum India berapa dapat? Kalau pihak EXCO rasa dalam penggulungan dia panjang, saya boleh terima secara bertulis juga. Sebab ini ramai bertanya, dulu kalau ada hadkan kuota, sekarang tak ada ke? So, ramai bertanya berapa yang dapat. Dan kita tak tahu jawapan dia. So kita harap boleh dapat jawapan tersebut.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam perenggan kesepuluh, di mana Tuanku bertitah, kerajaan negeri perlu konsisten dengan dasar-dasar yang diwujudkan. Bila dia cakap pasal konsisten, baru-baru ini kalau kita tengok, Kementerian Sumber Manusia, menteri, 2 hari lepas dia cakap, dia cadangkan dia nak mengambil pekerja daripada Afrika. Mungkin sebab dia cadangkan pekerja dia lagi murah. Tapi, kalau kita tengok dari sudut sosial, kita tahu di Malaysia ada *African Scam*, kita tahu bahawa ada kes jururawat yang telah dibunuh. Dia dari sudut sosial memang tak padan. Dan semalam, menteri patah balik dia cakap, dia tak akan ambil lagi. So, benda ni kena konsisten. Kalau tak konsisten rakyat tak tahu, *investor* pun terkejut, pelabur pun akan terkejut dan kita perlu satu tindakan yang konsisten.

Bila saya cakap pasal *African Scam* ni pun, saya baru-baru ni pada hari Sabtu, kalau tak silap saya pada 2 minggu lepas, terima satu panggilan, dia cakap dia dari Mahkamah Kuantan, saya ada saman di Mahkamah Kuantan, tekan, sila tekan 1 kalau nak cakap dengan kerani mahkamah. Saya terkejut, apa hari Sabtu, takkan mahkamah kerja hari Sabtu? Saya tanya dia, hari Sabtu you kerja ke? Bila saya mula tanya, dia cakap, tolong bagi nama je, oh, salah, you tak ada apa-apa saman. Benda ni kalau kita tengok, dia macam nak menipu rakyat. Saya tahu pihak polis tengah mengambil tindakan. Tapi rakyat masih banyak lagi tertipu. So, mungkin kita boleh ada jalan penyelesaian. Radio Johor, radio yang banyak rakyat dengar setiap hari dia dengar, mungkin boleh ada satu slot, boleh pihak Polis pergi, beritahu apa-apa jenis penipuan yang baru berlaku dan rakyat akan lebih peka. Benda-benda ni kita boleh *improvise*. Rakyat boleh fokus. Banyak ada kes penipuan ni. *African Scam* ni pun salah satu jenis penipuan.

Dan, saya teruskan Yang Berhormat Puan Speaker, dengan konsisten tadi. Bila kita konsisten, apa-apa projek yang telah diluluskan, saya harap dapat diteruskan. Misal kata pada bajet 2018, di Mersing, Projek Lembah Tenusu Jembrong telah diluluskan. Tapi sekarang saya tak tahu apa status dia, perkembangan dia. Dia telah diluluskan pada bajet 2018, tapi tak tahu apakah akan diteruskan atau tidak, sebab projek ini baik, untuk kebaikan penduduk di sana, boleh menjana pendapatan yang tinggi. Dan, bila dia cakap pasal projek, pada tahun 2017 juga satu pusat dialisis di Tenggaroh 2, telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan bila saya berada sebagai ADUN kerajaan, bila saya duduk dalam Mesyuarat Tindakan, saya tahu status dia. Sekarang saya bukan lagi, tak ada dalam Mesyuarat Tindakan Kerajaan, kita tak tahu status dan saya dapat maklum, dah tak ada benda tu. Tak ada dibincangkan di Mesyuarat Tindakan Daerah. Jadi, saya nak tahu apa status dia. Takkan dah lulus, terus hilang macam tu. Benda ni sebab untuk kepentingan rakyat. Rakyat di Tenggaroh ni, kalau dia nak buat dialisis, dia kena pergi sampai Mersing dekat 45 minit, atau nak pergi Kota, 45 minit. Pesakit dialisis ni, jalan 1 jam ni, jauh. Pasal tu kerajaan luluskan di Tenggaroh dan bila dah luluskan, tiba-tiba hilang macam tu, sedih saya. So, saya harap, benda ni konsisten, boleh? Dan kerajaan negeri boleh bagi saya jawapan? EXCO yang berkaitan, tolong bagi jawapan. Benda ni penting untuk rakyat.

Bila saya cakap pasal konsisten, dalam tahun 2018, sorry, akhir tahun 2017 juga, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ada juga luluskan bawah ECER, lampu jalan dari Simpang Tenggaroh ke Tanjung Leman, di bawah ECER. Dia nak naik taraf, bawah ECER juga, sebab Mersing ni di bawah ECER dan pembangunan di bawah ECER, R&R Tenggaroh juga. Ini semua kepentingan rakyat. Kalau tak silap, kalau kita ada WhatsApp sekarang, WhatsApp *group* macam YB Sri Medan cakap tadi. WhatsApp *group*. ADUN YB Endau pun ada dalam WhatsApp *group*, ramai tanyakan, dia nak lampu jalan. ADUN Endau pun tahu masalah ini, dan ini kepentingan rakyat. Dan jalan FELDA ini gelap waktu malam. Banyak *accident*, kemalangan langgar lembu semua

ada. So, lampu jalan ini penting. Dan bila saya cakap pasal jalan, isu kalau dua-dua ADUN dari Mersing yang kita terima selalu ialah jalan dari Kota Tinggi ke Mersing. Jalan ini, jalan utama pantai timur, dari Johor Bahru kalau nak ke panti timur ini jalan yang utama. Tapi jalan ini adalah antara jalan yang paling bahaya di Malaysia. Setiap minggu ada kemalangan. Kalau saya ADUN pembangkang, ADUN kerajaan akan setuju juga. Jalan ini memang jalan paling bahaya. Hampir setiap bulan, tiap tahun ada kemalangan maut. Ada 2, 3 kemalangan maut. So, kita kena ambil tindakan. Harap kerajaan negeri dapat, bukan, saya memang tahu dana ni dia dari kerajaan persekutuan, tapi kerajaan negeri boleh bagi sokongan untuk perbaiki. Daripada *report* yang dipersetujukan dalam bajet yang lepas, di Mersing, saya rasa jalan ni lagi penting. Orang Mersing kebanyakannya orang kampung. Bukan semua boleh naik kapal terbang tapi jalan itu lagi penting. So, dia boleh pergi dari Johor Bahru ke Mersing dan ini akan menyelamatkan banyak nyawa. Itu penting.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya teruskan dengan, *sorry*, bila saya teruskan dengan isu-isu kawasan, ada satu isu baharu ni yang berlaku. Pada bulan puasa, bulan ramadan, UMNO Mersing buat banyak program sampaikan sumbangan. UMNO Mersing buat banyak untuk orang-orang yang kurang berkemampuan. Dia pergi ke kampung, dia pergi ke rumah-rumah anak yatim dan ada pergi ke sekolah juga. Bila pergi ke sekolah, dia bukan buat program rasmi, tapi menyampaikan bantuan kepada pelajar sekolah. Tapi benda ni telah dipolitikkan dan cikgu-cikgu yang terlibat dalam, bukan program-program besar-besaran, hanya menyampaikan bantuan, diberikan surat tunjuk sebab. Saya tak faham, kalau kita nak sampaikan bantuan pun cikgu kena diberikan surat tunjuk sebab. Ni tak logik. Ni bukan program politik, hanya menyampaikan bantuan di kantin. Bantuan kepada pelajar-pelajar yang kekurangan. Takkan sumbangan kita tak boleh sampaikan. Itu dah cikgu-cikgu kena surat tunjuk sebab. Ini bukan sesuatu yang adil. Kalau tadi kita cakap pasal adil, kita nak saksama di Dewan ni, takkan nak sampaikan bantuan pun nak kena surat tunjuk sebab. Ini tak patut berlaku. Bila kita cakap pasal usul, kita ada prinsip Rukun Negara.

Yang Berhormat Puan Speaker, kita ada prinsip Rukun Negara. Antara prinsipnya adalah Kesetiaan Kepada Raja dan Negara. Dan di Dewan ni, kita ada kerusi untuk Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Tapi yang menyedihkan, pemimpin-pemimpin tak tunjukkan teladan. Baru-baru ni, dalam Majlis Raja-Raja, pemimpin dari Kedah tak bersalaman pun dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Lepas tu hari kedua dia tulis surat, saya terlepas pandang, minta maaf. Dan hari ini kita dikejutkan lagi dengan Ahli Parlimen dari Johor bertanyakan pasal nombor plat TMJ RZ. Biasa ni, kalau kita tak hormat seseorang, kita sebagai pemimpin, macam mana kita nak harapkan orang lain menghormati kita. Ini penting, sebab kita dari Johor. Kalau kita kata kita Muafakat Johor, Bangsa Johor, kita kena mengutamakan Johor. Kalau betul kita duduk dalam Dewan ini, kita menghadap kerusi Duli Yang Maha Mulia Tuanku, kita kena bagi penghormatan dia. Dan Dewan ini sepatutnya sekeras-kerasnya, menolak apa tindakan yang dibuat oleh keputusan Dewan Rakyat. Kita kalau kita buat *ups hand*, banyak ADUN yang akan, ramai yang kena bawa usul, saya percaya banyak ADUN yang akan angkat tangan. Dewan boleh buat keputusan hantar satu surat kepada Dewan Rakyat, menolak tindakan sekeras-kerasnya tindakan sebegini. Ini patut berlaku dan ini menyedihkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya tertengok satu verbatim, kalau saya tengok, Yang Berhormat Skudai, dalam verbatim ini saya ambil dia punya *paragraf*, "kami sentiasa akan memastikan EXCO kami prestasi akan *perform*, akan *deliver*. Kalau tak *deliver*, apa akan jadi, macam saya akan ditukar". Maksudnya, dia tak *perform*. Sini bukan dia seorang, EXCO Kerja Raya, Yang Berhormat Menteri Besar pun ditukar. Jadi, dalam setahun ni, 3 jawatan utama ni tak penting. Tak *perform*. Itu bukan saya cakap. Saya gunakan verbatim yang saya dapat. Saya simpulkan dalam setahun ni, ikut verbatim ni, kerajaan Pakatan Harapan tak *perform*. Saya harap lepas ni, dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baharu, yang tinggal 3 tahun, kadang-kadang ada orang cakap, pilihan raya dah nak *start*, setahun 2 tahun ni, *please try to perform*. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari esok, Selasa, 2 Julai 2019, jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 4.55 petang.**